


**Jilid IV
Bil. 8**



**Hari Khamis
8hb Mac, 1990**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1409]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1518]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) [Ruangan 1519]

Jawatankuasa—

Jadual

Maksud B.1, B.3, B.4, B.5 dan B.7 [Ruangan 1608]

USUL:

Angaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1989 [Ruangan 1524]

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 [Ruangan 1608]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI, D.S.S.A.,
P.P.N. (Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAL, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Tituwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOMANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Khamis, 8hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HOSPITAL DAERAH KOTA
MARUDU—PEMBINAAN

1. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab kelambatan pelaksanaan pembinaan Rumah Sakit Daerah, Kota Marudu memandangkan kelulusan telah diperolehi beberapa tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Hospital Daerah Kota Marudu mendapat peruntukan penuh untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pada mulanya projek ini dijangka mula pada pertengahan tahun 1988 dan siap pada akhir tahun 1990. Walau bagaimanapun, oleh kerana kerja-kerja penyediaan tapak telah mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka, maka projek ini dijangka akan mula pembinaan pada pertengahan tahun ini dan siap pada awal tahun 1993.

INDUSTRI MIKROCOMPUTER

2. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk melindungi serta menggalakkan pertumbuhan industri pembuatan mikrocomputer tempatan dalam menghadapi saingan hebat dari luar negeri; dan
- (b) sudikah Kerajaan menghapuskan cukai jualan 10% yang dikenakan ke atas peralatan komputer yang digunakan oleh para pembuat komputer tempatan memandangkan komputer kini merupakan satu alat pembelajaran yang tinggi permintaannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengenai soalan pertama, pada masa ini tiada langkah-langkah khusus melindungi industri mikrocomputer. Namun begitu, industri mikrocomputer ditawarkan dengan berbagai insentif sebagaimana yang dinikmati oleh industri pembuatan agar ianya dapat berkembang selaras dengan teknologi antarabangsa. Dalam hal ini, Kerajaan telah dan sedang memberikan beberapa galakan seperti galakan taraf perintis, elau cukai pelaburan, pengecualian duti/cukai ke atas mesin/alat-alat dan

bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam pengilangan dan yang tidak dikeluarkan di negara ini.

- (b) Mengenai soalan kedua, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai jualan ke atas peralatan komputer.

PITA VIDEO MELIBATKAN Y.B. D.P. VIJANDRAN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau dirundingkan terlebih dahulu sebelum pemusnahan sebelas pita video dan empat sampul surat yang mengandungi 2,000 gambarfoto yang dijumpai balik oleh pihak polis berhubung dengan pencurian yang berlaku di kediaman Y.B. D.P. Vijandran dalam bulan Ogos, 1988, dan sekiranya tidak bilakah beliau pertama kali diberitahu mengenai kewujudan pita-pita dan gambarfoto tersebut dan nyatakan sebab-sebab dan asas dari segi undang-undang keputusan Peguam Negara untuk memusnahkan pita-pita video dan gambarfoto tersebut yang telah menghalang penyiasatan polis ke dalam berbagai aduan polis berkait dengan pita-pita video dan gambarfoto berkenaan.

4. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman kerana arahnya yang bertentangan dengan Seksyen 413 Kanun Cara Jenayah supaya memusnahkan video, gambar-gambar dan negatif-negatif yang diambil dari pencuri yang mencuri peti Encik D.P. Vijandran pada Ogos 1988.

5. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada termasuk dalam bidangkuasa Peguam Negara sebelum sebarang keputusan mahkamah untuk mengarahkan pihak

polis selepas berunding dengan Timbalan Speaker Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Kapar supaya memusnahkan semua pita video yang didakwa itu yang dijumpai selepas pencurian di kediaman Timbalan Speaker berkenaan; jika tidak, sama ada Kerajaan akan memecat Peguam Negara kerana memusnahkan bukti kerana adalah jelas perbuatan beliau itu menyalahi undang-undang dan beliau tidak layak lagi menjawat jawatan Peguam Negara.

6. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil berhubung dengan aduan-aduan polis yang dibuat terhadap Peguam Negara kerana melakukan kesalahan-kesalahan bersifat jenayah dalam mengarahkan pemusnahan sebelas pita video dan empat sampul surat yang mengandungi gambarfoto dan mengapa Kerajaan tidak melantik seorang Pendakwa Khas yang bebas untuk menjadi otoriti terakhir untuk mengendalikan semua kes berhubung dengan aduan-aduan polis yang dibuat terhadap Peguam Negara.

7. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan mengapa tindakan tidak diambil terhadap Peguam Negara kerana memusnahkan pita-pita video Vijandran kerana tindakan tersebut merupakan campurtangan dalam proses undang-undang dan telahpun dikesan oleh Majlis Peguam.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama juga pertanyaan-pertanyaan lain iaitu No. 4 oleh Yang Berhormat dari Jelutong; No. 5 oleh Yang Berhormat dari Sandakan; No. 6 oleh Yang Berhormat dari Tanjong; dan No. 7 oleh Yang Berhormat dari Seremban, oleh kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama atau hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan untuk Peguam Negara berunding dengan Perdana Menteri atau mana-mana Menteri dalam menjalankan tugas hariannya. Persetujuan terhadap pemusnahan pita video dan gambarfoto tidaklah bercanggah dengan undang-undang.

Pertama kali saya dengar tentang kononnya ada video lucu yang melibatkan Yang Berhormat Encik D.P. Vijandran ialah apabila saya baca dalam akhbar tentang tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Tuduhan ini dibuat mengikut cara biasa Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, iaitu tanpa apa-apa bukti. Adalah jelas bagi saya bahawa tuduhan yang dibuat itu bertujuan politik.

Seperti yang saya sebutkan, Peguam Negara tidak ditegah oleh mana-mana undang-undang untuk membuat keputusan terhadap tindakan yang diambil berkenaan dengan barang-barang kes atau exhibits jika kes berkenaan tidak akan dibawa ke mahkamah. Oleh kerana pihak Polis berpendapat kes ini adalah lemah dan pendakwaan di mahkamah berkenaan kes ini tidak akan diteruskan, maka Peguam Negara telah bersetuju untuk tidak mendakwa sesiapa di mahkamah berkenaan kes tersebut.

Oleh kerana kes ini tidak akan didakwa di mahkamah, maka Peguam Negara menasihatkan supaya tape dan gambar dimusnahkan dengan persetujuan tuannya barangan ini.

Pihak Peguam Negara membuat keputusan untuk memusnahkan barang-barang itu kerana tidak ada kes. Penilaian tentang lucu atau tidak lucu barang-barang berkenaan dibuat olehnya setelah mendapat laporan Polis, kerana ini juga terpulang kepadanya sebelum pemusnahan dibuat. Keputusan tidak mendakwa sesiapa kerana isi kandungan barang-barang yang dicuri itu juga berada

dalam bidang kuasa dan budi bicara Peguam Negara.

Memandang bahawa ada tuduhan lebih setahun selepas kecurian berlaku bahawa tindakan Peguam Negara bersalahan dari segi undang-undang, Peguamcara Negara, iaitu pegawai undang-undang yang tertinggi sekali selepas Peguam Negara, telah memeriksa tuduhan ini.

Pendapat dan pandangan Peguamcara Negara sudahpun diberitahu kepada umum. Pada pendapat beliau tindakan pihak Peguam Negara tidak terkeluar dari bidang kuasanya dan tidak melanggar apa-apa undang-undang. Justeru itu, Kerajaan memutuskan untuk tidak mengambil tindakan apa-apa terhadapnya.

Soal sama ada Peguam Negara salah nilai terhadap isi kandungan bahan-bahan yang dimusnahkan itu dan dengan kerana itu tidak mendakwa pihak yang dikatakan memiliki barang-barang itu adalah soal taksiran atau penilaian peribadinya yang menjadi hak dan bidang kuasanya.

Sekarang ada tuduhan dibuat lebih setahun selepas pencurian ini berlaku bahawa barang-barang yang dimusnahkan itu adalah lucu. Sekarang juga ada kes mahkamah yang bergantung kepada lucu atau tidak lucu tape atau gambar-gambar tersebut. Oleh kerana ada kes di mahkamah, maka soal ini menjadi sub judice dan saya dan siapa juga tidak harus sentuh perkara ini.

Di Malaysia di mana kita percaya akan "The Rule of Law" . . . (*Disampuk*) Setakat itu sahaja, boleh? (*Ketawa*) Dan kita hormati Hakim dan Mahkamah. Mereka yang selalu bercakap mengenai "Rule of Law" dan "Respect for the Judiciary" tidak sepatutnya membelakangkan prinsip-prinsip ini apabila ada kepentingan lain (*Tepuk*).

Demikian juga saranan supaya diadakan Pendakwa Khas untuk menjadi otoriti terakhir untuk mengendali kes terhadap Peguam Negara. Secara langsung cadangan ini menyatakan sangkaan buruk terhadap Pendakwa Raya-Pendakwa Raya yang menjalankan tugas mengikut undang-undang dan bukan kepentingan politik sesiapa. Mana juga Pendakwa adalah layak dari segi kebenaran dan tidak memihak kepada sesiapa. Penglibatan Peguamcara Negara untuk meneliti aduan yang dibuat terhadap Peguam Negara ialah kerana kekananannya sahaja dan beliau telahpun menjalankan tugasnya.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada soalan No. 3, 4, 5, 6 dan 7, saya harap bahawa kita boleh diberi masa yang cukup untuk mengemukakan soalan tambahan dan tidak menidakkan hak-hak kita oleh kerana soalan ini sebenarnya untuk hari-hari yang berlainan dan bukan sekali gus hari ini.

Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa Peguam Negara dalam melaksanakan tugas-tugas dan kuasa-kuasanya bertanggungjawab melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Parlimen dan perlu meyakinkan mengenai semua tindakannya sama ada sah, betul dan bertanggungjawab termasuk hal pemusnahan video tape-video tape lucu dan gambar-gambar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan sebut perkataan "lucu".

Tuan Lim Kit Siang: Dan kedua, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa prinsip 'accountability' oleh Peguam Negara kepada Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan dan menerangkan sebab-

sebab tindakannya, bukankah apabila sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tidak tahu sama ada video tape itu lucu atau tidak lucu, sebelum itu tidak tahu sama ada video tape itu adalah Yang Berhormat dari Kapar sebagai pelakon utama pun dia tidak tahu, bukankah apabila beliau dapat soalan-soalan yang dikemukakan untuk dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau perlu memanggil satu taklimat, satu laporan daripada Peguam Negara supaya beliau boleh menerangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kenapa beliau membuat keputusan untuk memusnahkan video tape-video tape tersebut? Bukankah ini tentu termasuk sama ada video tape-video tape tersebut lucu atau tidak lucu sama ada video tape-video tape tersebut adalah Yang Berhormat dari Kapar sebagai pelakon utama. Oleh kerana kalau tidak, bukankah ini kecuaiannya tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mungkin sudah pergi ke Lusaka, sudah lupa, sudah mencuaikan tanggungjawabnya.

Ketiga, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bagaimana rakyat jelata dan dunia boleh menerima suatu keadaan di mana apabila ada laporan Polis dibuat terhadap Peguam Negara bahawa beliau sedar buat kesalahan jenayah oleh kerana musnahkan video tape-video tape tersebut, orang-orang yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan ialah Peguamcara Negara, orang yang nombor dua—subordinate kepada Peguam Negara and tentulah tidak akan buat apa-apa keputusan mengenai bossnya. Bossnya—Peguam Negara adalah salah (*Tepuk*). Ini tidak ada keadilan dan dilihat bahawa tidak ada keadilan. Kenapa Kerajaan tidak berdegil, tidak mahu melantik seorang Pendakwa Khas? Dan bolehkah perenggan yang terakhir, saya harap nanti boleh lagi kemukakan soalan-soalan tambahan oleh kerana . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, biar tiga dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya teruskan lagi? Kalau boleh, saya mahu habiskan satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bagi tiga dahulu, Yang Berhormat. Ramai lagi orang yang bertanya nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan, lagi satu perenggan, satu soalan sahaja, saya hendak habiskan dahulu.

Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan ini daripada laporan kepadanya, oleh kerana untuk menjawab kepada Dewan yang mulia ini, adakah Peguam Negara kata bahawa video tapes tersebut lucu atau tidak lucu? Kalau tidak lucu, kenapa dimusnahkan? Kalau tidak lucu, kenapa benarkan Yang Berhormat dari Kapar letak jawatan? Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu mempertahankan seorang yang tidak berdosa, yang tidak bersalah? Dan yang ketiga, kalau tidak lucu, kenapa pihak Polis tidak tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak tahu dan untuk satu bulan kata siasatan sedang dijalankan? Kenapa ini dijalankan dalam suatu keadaan yang begitu sulit, rahsia, semacam ini tidak boleh, dengan izin, "see the light of the day"?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana membuat soalan yang memberi peluang kepada saya untuk membuat penerangan berkenaan dengan perkara ini kerana kita perlu kepada penerangan, tidak ada sesuatu yang sulit.

Sebenarnya, banyak perkara yang berlaku dalam Kerajaan yang tidak dilaporkan kepada saya melainkan ada sebab-sebab tertentu. Hanya dengan kerana ianya tidak dilapor, tidak bermakna ada satu usaha untuk menyembunyi. Apabila sesuatu itu dibuat mengikut aturan, tidak perlu ada laporan tetapi kalau perkara ini dibangkitkan kerana kepentingan-kepentingan politik orang-orang tertentu, maka terpaksa kita membuat jawapan.

Memang Peguam Negara menjalankan tugasnya mengikut cara-cara yang tidak melanggar undang-undang dan mengikut budibicaranya. Sebelum dia membuat apa-apa penerangan kepada saya, maka kes itu mestilah lebih dahulu dibawa kepada perhatian saya kerana sebab-sebab tertentu. Umpamanya, kalau saya berasa ragu-ragu tentang sesuatu apa maka sudah tentu saya terpaksa memanggil Peguam Negara untuk membuat penjelasan.

Berkenaan dengan kes ini oleh kerana Ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang membangkit dan menjadikan ini satu isu politik dengan tidak ada apa-apa bukti pada ketika itu, maka saya tertarik dengan perkara ini dan apabila ditentukan soalan berkenaan dengan perkara ini, sebelum saya dapat menjawab maka terpaksa saya mendapat maklumat yang sepenuhnya.

Maklumat yang saya dapati bukan sahaja daripada Peguam Negara, manamana juga pegawai Kerajaan, polis dan lain-lain yang difikirkan terlibat, dipanggil untuk memberi laporan kepada saya. Walaupun Peguam Negara bertanggungjawab terhadap tindak-tanduknya tetapi beliau bukanlah ahli Dewan ini. Dan dalam Dewan ini yang mesti menjawab segala soalan, tuduhan, tohmahan dan fitnah yang dilemparkan kepada Kerajaan mestilah dibuat oleh orang-orang yang bertanggungjawab, yang dipilih untuk

diduduki dalam Dewan ini sebagai Ahli Dewan ini dan ahli-ahli Kerajaan terpaksa memberi penerangan apabila pihak anggota Dewan ini bertanya berkenaan dengan sesuatu. Membuat tuduhan kepada orang yang tidak boleh menjawab amatlah tidak adil, malangnya orang itu oleh kerana dia tidak boleh jawab, maka pihak lain terpaksa jawab. Di sini saya berasa bertanggungjawab untuk membuat penerangan. Untuk membuat penerangan, saya terpaksa bertanya kepada orang-orang yang saya sebutkan tadi dan jawapan yang saya telah buat tadi adalah jawapan hasil daripada penyelidikan saya sendiri dan juga beberapa pegawai lain.

Berkenaan dengan kenapa laporan polis yang dibuat terhadap Peguam Negara, tidak ada keputusan yang dibuat untuk mendakwakan Peguam Negara di mahkamah ialah oleh kerana kita telah menyuruh pegawai yang bertanggungjawab untuk membuat penyelidikan. Kalau orang yang pertama yang dituduh, kita tidak boleh hendak cari orang lebih tinggi daripada itu. Mungkin kita akan pilih orang yang dikatakan 'khas'. Bagi kita yang 'khas' ialah Peguamcara Negara. Itu sudah 'khas'. Kita tidak ambil pegawai pendakwaraya-pendakwaraya yang lain. Bagi parti lawan yang 'khas' ialah orang-orang yang memihak kepada mereka (*Tepuk*) sebab itu apabila mereka hendak supaya mempertikaikan pilihanraya sebelumpun kita mengadakan pilihanraya, mereka panggil kawan-kawan mereka untuk menubuhkan apa yang dipanggilkan 'Election Watch' konon. (*Tepuk*) Election Watch ini dianggotai oleh orang-orang yang tetap akan bersetuju dengan ahli Pembangkang. Kenapakah mereka juga tidak mencari Election Watch yang khas.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah lari daripada tajuk. Kalau kita mahu bahas Election

Watch boleh, kali yang lain. Tetapi jangan lari daripada tajuk di hadapan kita (*Tepuk*). Kita tidak takut ada perbincangan mengenai kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dan peranan Election Watch sama ada mereka di dalam Election Watch Tun Suffian dan lain-lain anti-Government. Kalau anti-Government, Nelson Mandela juga anti-Government. Kenapa Yang Amat Berhormat pergi ke Lusaka untuk berjumpa dengan seorang anti-Government South Africa (*Tepuk*). Mereka adalah patriotik. Tetapi itu bukan sekarang ini. Sekarang jawab mengenai video, bukan mengenai Election Watch, kali yang lain kita datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak suka saya bercakap berkenaan dengan Election Watch (*Disampuk*) tetapi dia . . .

Tuan Lim Kit Siang: Di lain masa kita berbahas, tetapi sekarang ini.....

Perdana Menteri: Takut hendak mendengar jawapankah?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak takut.

Perdana Menteri: Kalau tidak takut, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak takut, tetapi bukan sekarang.

Perdana Menteri: Duduklah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, beri peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju kita mengadakan satu perbincangan yang khas mengenai Election Watch atau mengenai Suruhanjaya Pilihanraya? Setuju? Saya boleh cadang, boleh ditetapkan satu masa, satu jaminan (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersetuju apabila habis urusan-urusan Kerajaan (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat sebab apa takut. Dia takut saya bercakap mengenai Election Watch tetapi dia timbulkan soal Mandela. Boleh juga kita bahas berkenaan dengan Mandela (*Tepuk*). Saya pergi sambut Mandela . . .

Tuan Lim Kit Siang: Jawab ini dahulu, selepas itu Mandela. Selepas itu kita boleh bahas 'Election Watch'. Tetapi sekarang fasal Vijandran—VJ/AG scandal.

Perdana Menteri: Saya jawab saya kait dengan Election Watch. Ahli Yang Berhormat menjawab kait Election Watch dengan Nelson Mandela. Tetapi dia hendak saya menjawab pasal ini sahaja. Tidak boleh cakap fasal Election Watch. Saya hendak cakap fasal Mandela, dia yang sebut, bukan saya yang sebut. Dia tidak hendak dengarkah? (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Sudah 5 minit keluar daripada tajuk. Balik kepada tajuk ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjung, saya minta jangan ganggu sangat supaya Yang Amat Berhormat boleh menjawab dengan betul.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan keluar daripada tajuk.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat telah memakan masa yang banyak membuat soalan yang tidak berguna. (*Tepuk*) Saya pergi sambut Nelson Mendela sebab . . . (*Ketawa*) Takut! Takut hendak dengar.

Saya akan bercakap berkenaan dengan video tetapi saya hendak cerita kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sambut Nelson Mandela kerana

kita tidak bersetuju dengan Kerajaan South Africa (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Siapa kata?

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tun Suffian pun tidak bersetuju, dia pun patut dapat penghormatan. Tetapi itu hal yang lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu hal yang lain. Berbalik kepada perkara ini.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat tentu tidak akan menyambut Nelson Mandela kerana Ahli Yang Berhormat suka kepada South Africa.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order, kerana kena beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, point of order berapa?

Tuan R. Karpal Singh: Point of order, oleh kerana apa yang dijawab tidak bersangkutan-paut dengan soalan. 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker harus mengawal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut kepada dia (*Ketawa*) (*Tepuk*). Tuan Speaker di sini ialah untuk menggunakan budibicara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, saya hendak guna budibicara.

Tuan R. Karpal Singh: . . . budibicara dan ikut Peraturan-peraturan, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Orang ini jahat (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya minta apabila jawapan dibuat oleh Yang Amat Berhormat, jangan diganggu. Apabila diganggu, Dewan nanti kelim-kabut.

Tuan Lim Kit Siang: Dia kelim-kabut, saya maafkan dia. Tetapi balik kepada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar Yang Amat Berhormat menjawab, yang lain semua diam. Teruskan Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak kelim-kabut langsung (*Ketawa*). Dia hendak saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Amat Berhormat, Dewan kelim-kabut (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Dewan kelim-kabut, ya. Apabila saya hendak

menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang 'jahat' itu, (*Ketawa*) (*Tepuk*) saya kenal bercakap seperti saya bercakap kepada orang 'jahat'. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Berkenaan dengan tuduhan bahawa oleh kerana Peguamcara Negara kononnya orang nombor dua, maka dia takut kepada bossnya. Tuduhan ini tepat kalau dikatakan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bangun untuk menyokong Ahli Yang Berhormat dari Tanjung fasal boss dia. (*Ketawa*) (*Tepuk*)— same situation. Kalau dia bersetuju dengan apa saya kata, saya juga tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung (*Tepuk*). Kerana Peguamcara Kerajaan bukan menjadi kebiasaan atau habitnya untuk semata-mata menyokong apa yang diputuskan oleh bossnya. Sebab itu dia membuat penjelasan panjang lebar. Kalau hendak soal, boleh soal dia atas facts dan undang-undang, tidak usahlah membuat tuduhan atau sangkaan buruk kepada orang, melainkan ada bukti sangkaan buruk. Memang Ahli Yang Berhormat dari Tanjung ini tidak pernah ada sangkaan baik kepada orang lain (*Tepuk*).

Jadi, berkenaan dengan pemergian saya berjumpa dengan Nelson Mandela ini . . .

Tuan Lim Kit Siang: Ada soalan belum dijawab.

Perdana Menteri: Boleh jawab. Tidak usah takutlah. Apa hendak takut. Saya berasa kesian kepada Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*). Saya tahu ini semua telah dirancang untuk mengadakan satu peristiwa yang boleh menjadikan bahan politik bagi orang-orang tertentu yang kemiskinan bahan politik (*Tepuk*).

Saya syak walaupun saya tidak tuduh Ahli Yang Berhormat, saya syak

bahawa semua pencurian gambar-gambar ini dirancang untuk sampai kepada peringkat ini. (*Tepuk*) Bukanlah orang yang membuat rancangan ini begitu bermoral tinggi, cuma berkepentingan politik yang tinggi. Saya yakin ramai orang dalam Malaysia ini yang mempunyai gambar lucah, mungkin orang itu tidak ada status dalam masyarakat maka tidak ada rancangan untuk mencuri gambar itu dan mendedahkannya, tetapi kerana ada berasa iri hati dengan orang tertentu, dengan parti politik tertentu maka dirancang untuk mengadakan rompakkan supaya boleh dedah apa yang disimpan di dalam peti besi orang. Saya yakin kalau kita pecah peti besi ramai daripada Ahli-ahli Dewan yang terdiri daripada parti lawan pun kita akan jumpa macam-macam video juga. (*Tepuk*) Cuma kerana kita tidak rancang begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak adalah hendak pergi samun untuk hendak mendedahkan keburukan orang. Jadi, dengan kerana itu orang tidak tahulah, tetapi saya syak orang yang membuat tuduhan itupun bukanlah moral baik sangat (*Tepuk*).

Soal kenapa benar Timbalan Yang di-Pertua letak jawatan, yang benar tidak benar, bukan saya yang benar—Dewan ini. Saya tidak sebut tentang saya benar tidak benar. Dewan ini yang benar. Dia letak jawatan, kuasa Tuan Yang di-Pertua ialah menerima perletakkan jawatan. Parti saya dan Kerajaan tidak pernah menyuruh dia letak jawatan (*Tepuk*), kerana kita bukan bercakap berkenaan dengan menghormati mahkamah tetapi kita amal betul-betul. Kita menghormati mahkamah kerana ada kes ini dalam mahkamah maka kita tidak membuat keputusan . . .

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, minta duduk sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, duduk! Saya minta biar Yang Amat Berhormat habiskan ucapannya, barulah minta soalan tambahan. Kita masih dalam pertanyaan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingin minta penjelasan atas apa . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia habis, baru minta.

Tuan R. Karpal Singh: Bila mahu habis?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia akan habis (*Ketawa*). Sila, Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya kata Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu jahat. Dia tidak pernah langsung hormat Kerusi (*Tepuk*). Kalau suruh dia dudukpun, dia tidak duduk. Bila dia bangun, saya duduk, saya hormati Dewan ini dan undang-undang ini, (*Tepuk*) tetapi Ahli Yang Berhormat . . .

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Perdana Menteri: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bolehlah, dia duduk (*Ketawa*).

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut perkara ini dalam mahkamah dan itu tidak boleh disebut di sini oleh kerana perkara ini

sub judice. Apa yang saya ada dengar, dan ini ada disuarakan oleh hakim-hakim, bukti dalam kes ini, video-video lucah ini, 2,000 gambar-gambar lucah ini sudah dimusnahkan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, jangan sebut . . .

Tuan R. Karpal Singh: Bukti sudah dimusnahkan, mahu bicara dalam court, mahu bicara apa? Bolehkah saya dapat tahu? Jikalau bukti sudah dimusnahkan oleh Peguam Negara di bawah kuasa yang ada diberi di bawah Article 145 ini yang beliau ada salahguna kuasa bersangkutan dengan Article itu. Jikalau bukti sudah dimusnahkan, apa bicara, apa *sub judice* sekarang ini? Bolehkah saya dapat tahu? (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkata dia mempunyai bukti. Masa dia . . .

Tuan R. Karpal Singh: Tape sudah dimusnahkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh Peguam Negara. Tidak tahu, sampai hari ini tidak tahu dia sudah buat apa yang perlu tidak dibuat, harus tidak dibuat oleh kerana itu buktinya. Oleh kerana bukti ini satu bahan panas, oleh kerana bukan Speaker saja dalam video itu, ada orang-orang lain, orang-orang atasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tahu oleh kerana bukti-bukti itu sudah dimusnahkan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat kata Speaker, Speaker mana?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan Tuan Speaker (*Ketawa*) tetapi ada orang jahat lain dalam video itu pun bukan sahaja bekas Timbalan Speaker D.P. Vijandran. Oleh itu barangkali di

bawah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, video-video lucah itu dan gambar-gambar lucah itu sudah dimusnahkan. Oleh itu apa kes mahu dalam mahkamah jikalau bukti sudah dimusnahkan dan Perdana Menteri barangkali terlibat dalam apa yang sudah terjadi sampai sekarang. Jangan main-main dengan kami! (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Ahli Yang Berhormat suka buat tuduhan yang tidak ada bukti tetapi sekarang dia kata bukti itu dimusnahkan. Kalau kita ingat betul-betul dalam *Hansard* iaitu laporan tentang ucapannya dia berdiri dalam Dewan ini berkata, "Saya ada bukti!" Kalau dia ada bukti, makna kata ada bukti kepada dia . . .

Tuan R. Karpal Singh: Dalam tangan Peguam Negara.

Perdana Menteri: Dia tidak kata! Dia kata dalam Dewan ini, "Saya ada bukti!"

Tuan R. Karpal Singh: Ada bukti dalam tangan Peguam Negara. (*Ketawa*) Oleh kerana ini terjadi dalam tahun 1988 dan sampai 21 Januari 1989 bukti ini ada dalam tangan Peguam Negara. Saya tahu, oleh itu saya cakap saya ada bukti. Di mana bukti itu ada, saya tidak perlu cakap dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat telah tuduh bahawa saya arah supaya pita ini dimusnahkan. Jadi, dia buat tuduhan ini tanpa ada bukti apa-apa sebab digunakan kebebasan dalam Dewan ini. Sekarang ini saya hendak tuduh dia dalam Dewan ini sahaja—tidak di luar—dalam Dewan ini sahaja—yang dia rancang pencurian tape ini (*Tepuk*) kerana dia dapat

maklumat daripada orang-orang tertentu bahawa ada video lucah di dalam peti besi di rumah Encik Vijandran dan dia telah rancang macam mana hendak tangkap Vijandran dan dia suruh atau arah pencuri untuk pecah peti besi ini supaya dapat tape ini dan mencari jalan supaya tape ini terdapat kepada pihak polis. Selepas tape ini dapat kepada pihak polis, tidak apa berlaku, dia tunggu . . . (*Disampuk*)

Dr V. David: Tuan Speaker, penjelasan. Fasal apa, saya hendak memberi penerangan atas satu point.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan daripada Yang Berhormat dari Tanjong tidak dapat dijawab kerana diganggu oleh Ahli-ahli yang lain. Ini adalah menyalahi Peraturan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah sebut tadi supaya jangan diganggu tetapi terserah kepada Ahli-ahli Dewan untuk menjaga supaya perjalanan ini teratur sehingga Yang Amat Berhormat terpaksa duduk beberapa kali. Teruskan Yang Amat Berhormat, habiskan jawapan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dalam Dewan ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak tahu peraturan. Tidak guna suruh dia tidak ganggu, kerana itu kerja dia. Kerana dia buat tuduhan kepada saya yang tidak ada alasan, saya hendak buat tuduhan kepada dia tidak ada alasan.

Seorang Ahli: Tidak ada alasan?

Perdana Menteri: Tiada alasan. Saya hendak sebut kata tidak ada alasan, kata saya terlibat dalam kes ini melainkan pada hari Ahli Yang Berhormat sebut itu maka pada masa itu saya pun tertarik juga. Soal lucah

tidak lucah itu bukan soal saya. Soal pencurian ini yang penting. Ada orang yang tahu berkenaan dengan perkara ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat yang tahu dan rancang macam mana hendak tangkap Vijandran, kalau dia simpan gambar lucah dalam peti besi rumah dia. Siapa hendak tahu terutama kalau gambar itu gambar dia sendiri? Ada setengah orang, dia barangkali pervertedkah atau apakah, dia suka berdiri di hadapan cermin . . .

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat . . .

Tuan R. Karpal Singh: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah duduk, dia beri jalan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar pada 3 Ogos, 1988 apabila berlaku kecurian ini, saya di bawah tahanan ISA di Kamunting? Bolehkah saya rancang apa yang terjadi bila saya ada dalam tahanan? (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan kalau dia ada dalam Kamunting pun, dia ada kaki-kaki dia (*Ketawa*). Kalau dia boleh tuduh saya tanpa apa-apa bukti pun, saya pun boleh tuduh dia juga tanpa bukti (*Tepuk*). Yang saya hendak cerita ini cuma sangkaan saya sahaja se-pertimana sangkaan dia terhadap saya. Saya juga sangka bahawa dia membuat rancangan ini, rancangan politik. Sebenarnya, kalau satu orang yang tidak ada status dalam masyarakat buat kerja macam ini, dia tidak akan rancang untuk mencuri gambar ini untuk hendak mendedahkan orang itu kerana orang itu tidak akan menjadi apa. Tetapi kerana ini adalah musuh politik, maka satu usaha dibuat untuk hendak cari jalan untuk mendedahkan gambar ini. Sebab itu dicurinya barang ini.

Sekarang ini kes curi itu dilupakan, yang ditimbulkan soal lucah ataupun tidak lucah barang-barang ini. Saya tidak tahu sama ada lucah, tidak lucah kerana saya tidak tengok dan saya tidak tahu dan kalau saya bersumpah pun tidak guna, Ahli Yang Berhormat ini bukan hendak terima sumpah saya. Jadi itu habis masa sahaja.

Saya fikir patutlah orang ramai juga ambil perhatian terhadap tingkah-laku Ahli Yang Berhormat ini yang datang dalam Dewan ini kata dia ada bukti, bila ditanya mana dia bukti kononnya disebar rata tempat terdapat gambar ini, katanya banyak copy ada dijual dan dia pula terima banyak gambar-gambar yang diserahkan kepada Polis. Entahlah hari apa dia terima gambar itu, hari apa yang diserahkan kepada Polis, saya tidak tahulah, kata dia hari itu terima, hari itu dia serah. Dan untuk melindungi orang yang menyerah gambar-gambar itu kepada dia, dia kata ini diterima melalui pos daripada orang yang tidak dikenali, semuanya daripada segi undang-undang cukup perfect, kerana orang ini tahu undang-undang, (*Tepuk*) macam mana hendak guna undang-undang untuk kepentingan politik dia, dia cukup arif, cukup alim, dalam perkara ini. Sebab itu, kita hendak tangkap dia daripada segi undang-undang tidak boleh, dia pandai.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dalam sangkaan yang beliau kata tidak berasas itu, tetapi dia boleh buat sangkaan, tetapi inilah sebenarnya berasas atas satu pengakuan yang secara langsung bahawa video tape-video tape itu lucah, atau dengan izin, it is a virtual admission that they are pornographic video tapes dan sebab itu beliau boleh buat sangkaan itu. Dalam jawapannya sampai sekarang ini sub-consciously. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengakui bahawa video tape-video tape itu lucah

dan yang terlibat ialah Yang Berhormat dari Kapar, (*Tepuk*) sebab itu dia kata ada orang mahu rancang, mahu dapat video tape, mahu dapat gambar; kalau video tape itu tidak salah, bersih, siapa mahu rancang itu? Sebab itu sudah sub-consciously, unconsciously, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengakui video tape itu lucah dan ada terlibat Yang Berhormat dari Kapar (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini adalah seorang yang luar biasa, dia boleh baca otak saya, hati saya, macam mana saya hendak lawan dengan dia? Sebenarnya yang kata lucah ialah dia, saya cuma terima apa yang dia kata sahaja dan saya kata di sini lucah ini banyak degree dia. Ada setengah orang kata pakai bikini pun lucah juga; ada setengah orang tidak boleh nampak lutut, kerana kalau nampak lutut lucah; setengah orang tidak boleh nampak muka, tidak boleh, fasal dia ghairah sangat. Jadi soal degree ini pun ada satu masalah lain, mungkin Ahli Yang Berhormat itu anggap lucah, tetapi sama ada mahkamah akan ada kata lucah ataupun tidak, itu soal lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma berkata di sini bahawa dalam perkara ini kalau pihak Peguam Negara membuat keputusan, tentulah dia membuat pertimbangan tentang lucah ataupun tidak lucah tape ini dan mungkin pada pendapat dia tidak lucah, sebab itu dimusnahkan, dan ini bukan kali pertama yang evidence dalam kes yang tidak akan dibawa ke mahkamah telah dimusnahkan. Kalau kita hendak simpan semua evidence kes yang tidak dibawa ke mahkamah, hari ini tidak cukuplah storehouse yang kita hendak simpan. Jadi pemusnahan video tapekah atau apa-apa bahan evidence ini tidak ada kena-mengena dengan lucah ataupun tidak lucah, barang . . .

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata oleh kerana video tape itu tidak lucu, sebab itu Peguam Negara musnahkannya. Kalau tidak lucu, kenapa musnahkan, kenapa tidak pulang kembali kepada sipemilik iaitu Yang Berhormat dari Kapar? Kalau dia mahu musnah, itu hal Yang Berhormat daripada Kapar. Bila Peguam Negara dan bila Polis mengadakan satu perkhidmatan atau satu perundingan consultation service untuk memusnahkan video tape-video tape orang ramai, adakah itu satu privatisation yang baru? *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada Polis musnah ataupun kita beri balik kepada orang itu untuk musnahkan, itu adalah perkara yang tidak bercanggah dengan apa-apa undang-undang. Sebenarnya dalam kes ini Peguam Negara membuat keputusan kalau dipersetujui oleh tuannya maka video tape ini akan dimusnahkan, kalau dia tidak bersetuju maka dipulangkan balik. Ini adalah satu keputusan biasa dan ini bukan kali pertama yang perkara ini berlaku. Soal sama ada lucu ataupun tidak lucu, tidak berbangkit dalam ribu perkara yang lain yang mana evidence ini telah dimusnahkan, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat hendak tekan tentang lucu dalam perkara ini kerana ada kepentingan politik, maka inilah yang ditimbulkan. Kalau dalam kes lain, kalau tidak ada apa-apa, dia pun tidak marah kalau diarah ataupun dinasihati oleh pihak Peguam Negara supaya dimusnahkan apa yang dikatakan evidence itu. Tetapi ini ada political opportunity, sebab itu perkara ini dibangkitkan berkali-kali di dalam Dewan ini.

Saya ingin kata sekali lagi bahawa soal lucu ataupun tidak lucu itu akan diputuskan oleh mahkamah. Kadang-kadang bagi satu orang lucu, bagi orang lain tidak lucu, jadi dalam perkara ini mungkin tafsiran yang

dibuat oleh Peguam Negara pada ketika itu pada pendapatnya tidak lucu, tetapi bagi ahli politik yang boleh menggunakan bahan ini tentulah hendak supaya dia dikatakan lucu dan kita harus tungguah keputusan daripada mahkamah. Saya tidak ada buat pengakuan apa-apa kerana saya tidak tengok tape ini sehinggalah saya dengar berkenaan dengan tape ini, apabila Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah, sudah banyak. Teruskan Yang Amat Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dia sudah beri jalan, Tuan Speaker, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Akhir.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada cakap dia tidak tengok video-video lucu ini dan gambar-gambar lucu itu, tetapi adakah beliau dapat tahu daripada Peguam Negara apa yang terkandung di dalam video-video lucu ini, dapat tahu . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Jelutong, saya minta tolong tarik balik perkataan 'lucu', sebab Yang Amat Berhormat tidak tengok video-video ini.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu dapat tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada dapat tahu daripada Peguam Negara apa yang ada dalam video-video—boleh cakap lucu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak. *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: . . . atau video-video . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Video-video itu.

Tuan R. Karpal Singh: . . . video-video itu dan gambar-gambar ini daripada Peguam Negara atau daripada Polis atau pihak-pihak lain untuk menentukan apa ada dalam video-video lucu dan . . . *(Ketawa)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Video-video.

Tuan R. Karpal Singh: Video-video dan gambar-gambar ini. *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak jawab soalan ini saya terpaksa tanya daripada Peguam Negara dan Peguam Negara punya laporan ialah dia tidak tengok gambar ini, dia dapat laporan daripada pihak Polis dan pihak Polis berkata adalah gambar yang melibatkan orang-orang tertentu . . .

Tuan Lim Kit Siang: Siapa?

Perdana Menteri: . . . dalam ini. Orang itu mengambil gambar dirinya untuk dia hendak tengok sendiri *(Ketawa)*. Saya tidak tahu. *(Ketawa)*

Tuan Lim Kit Siang: 11 video tapes, seorang sahaja? *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Ada terlibat orang lain, tetapi orang itu dia ambil gambar untuk kepentingan dia, dia hendak tengok, kadang-kadang ada setengah orang *(Ketawa)* *(Disampuk)*,

dia mereng sedikit barangkali dia suka berdiri di depan cermin bogel, takkan kita hendak pergi tangkap dia, lebih sedikit daripada itu dia beli Polaroid camera atau sebagainya, dia ambil gambar diri dia. Sekarang ini sudah ada video, dahulu hendak kena hantar pergi ke kedai suruh basuh (cuci), jadi orang lain tengok. Sekarang ini tidak payah orang lain tengok.

Jadi ada orang yang kadang-kadang mungkin perved sedikit, dia buat kerja macam itu untuk dirinya, dia hendak tengok. Jadi soalnya, apakah ini lucu atau tidak lucu, kalau dia ambil gambarnya sendiri. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bogel, ambil gambar dirinya *(Ketawa)*, lepas itu dia simpan dalam peti besinya, bukan untuk orang lain, untuk dia tengok, kerana bila dia tengok, dia seronok sedikit *(Ketawa)*.

Tuan Lim Kit Siang: Perdana Menteri sudah mengakui bahawa dalam 11 buah video-video tape itu bukan seorang, ada orang-orang lain. Apakah pihak Polis menentukan sama ada gambar itu, video tape itu di mana orang-orang yang lain ada terlibat dibuat dengan secara sukarela atau tanpa pengetahuan orang-orang yang lain dan kalau begitu, bukankah ini satu jenayah yang sudah dilakukan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu akan diputuskan oleh pihak Mahkamah sama ada benda itu menjadi bahan yang perlu didakwa di dalam Mahkamah. Tentang isi kandungannya, saya tidak hendak berbingang. Saya dengar cerita ada orang lain terlibat dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membuat tuduhan semua orang terlibat. Orang-orang itu daripada Maika Holdings. Sekarang ini semua orang sudah buat kerja video tape.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu sendiri tidak simpan video berkenaan

dengan dirinya sendiri, barangkali tidak berapa cantik, tidak berapa menariklah kok! (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Amat Berhormat, panjang lagikah?

Perdana Menteri: Panjang (*Ketawa*).

Tetapi sekarang ini ada orang dapat banyak penyakit, selama ada video tape ini, banyak orang jadi director dalam filem-filem yang macam ini, kita belum tahu siapa dia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Marang hendak apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan, sebab saya tengok DAP ini tadi. Berkenaan dengan bukti simpanan pita video ini, saya ingin dapat penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Jelutong tengok sendiri video ini? Kalau tengok, apakah dia salah. Kalah salah, apakah tindakan? Kalau tidak tengok, macam mana dia buat pendakwaan dan saya juga ingin tahu, adakah makna DAP ini bermaksud, dia ada porno?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang tidak boleh tanya orang lain, kena tanya Perdana Menteri (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, saya tanya Perdana Menteri. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apa Yang Berhormat dari Marang, duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu lagi soalan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sudah panjang kita ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan yang kedua, apakah salah kiranya pemusnahan video tape itu dimusnahkan atas arahan pemilihannya sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kata dia ada bukti. Kita percaya bila dia kata dia ada bukti, tentulah dia sudah tengok video tape itu. Kalau tidak, macam mana dia hendak kata ada bukti? Kalau dia kata dia dengar, lain kira, ini dia kata, "saya ada bukti" dalam Dewan ini. "Saya ada bukti," kita hendak tengoklah buktinya tetapi sehingga kini saya dengar bahawa dia membawa gambar-gambar yang setengahnya itu tidak ada kepala, ada badan sahaja untuk laporkan kepada polis. Tidak apalah sekarang polis sedang investigate kes ini dan saya tidak boleh hendak bercakap apa tentang kes yang masih dalam investigation. Tetapi kalau dia ada bukti tentulah dia akan memberi bukti ini kepada pihak polis, tetapi dia juga tahu, kalau simpan video tape lucah ini dia . . .

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya difahamkan, laporan-laporan yang ada dibuat sudah disiasat dan sudah ditutup, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada cakap di sini, siasatan ada dijalankan dalam laporan itu. Itu benar? Bolehkah saya dapat tahu untuk rekod?

Seorang Ahli: Fail dimusnahkan.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bercanggah dengan apa yang ada dikatakan oleh polis, fail sudah

ditutup, barangkali sudah dimusnahkan, bolehkah saya dapat tahu?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sedikit, sebab soalan saya Perdana Menteri belum habis lagi dijawab, diganggu oleh Yang Berhormat dari Jelutong yang jahat itu. Saya minta DAP, dia ada porno ini, macam mana pandangan Perdana Menteri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan, sebab kita sudah dekat satu jam ini.

Perdana Menteri: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh hendak . . .

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya belum lagi dijawab.

Perdana Menteri: Ada banyak lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Terus. Nanti, Yang Berhormat! Saya tidak beri Yang Berhormat bercakap . . .

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya belum dijawab, ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan lari.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi taktik DAP tidak hendak beri orang lain bertanya apa-apa yang lain dan memanjangkan perkara ini sehingga saya tidak dapat hendak jawab. Saya mempunyai jawapan kepada semua soalan yang ada di sini tetapi dia bangun, dia kacau apa semua, cuma hendak ambil masa sahaja supaya kita dapat bercakap berkenaan dengan perkara ini sahaja, tidak perkara lain, kerana perkara ini

mempunyai kepentingan politik bagi dirinya. Jadi lewat sedikitlah masa hendak kita teruskan, sebab sudah dekat masa.

Beberapa Ahli: Ada, ada lagi!

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh cakap lagi satu jam (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu Peraturan Dewan ini, jadi kita maafkanlah dia, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Marang ialah salah ataupun tidak simpan video tape ini dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong cukup pandai, cukup arif seperti saya katakan tadi, dia kata ada bukti; orang sangka dia ada gambar ini, tetapi bila kita hendak tahu, dia takut kalau dia kena tangkap, kerana simpan video tape lucu. Dia kata tidak ada pada dia, ada pada orang lain. Macamana dia boleh tahu ada pada orang lain, kerana perkara ini tidak dijelaskan oleh mana-mana pihak, melainkan dia ada pula spynya untuk dapat tahu apa yang berlaku dalam Dewan, dalam pejabat dan sebagainya. Inilah kerjanya, cari benda-benda politik dengan tidak menyalahi mana-mana undang-undang, kerana dia pandai fasal undang-undang, sebab itu bila dia dapat bahan-bahan ini pun dia kata dia terima melalui pos daripada anonymous, orang yang tidak dikenali, jadi orang itupun tidak boleh ditangkap, dia pun tidak boleh ditangkap. Dia serah, cukup bijak sekali, payah hendak ditangkap, licin bukan main (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya sudah jawab habis dah daripada soalan-soalan yang tujuh lagi, kalau hendak tanya ada lagi soalan yang berkaitan dengan ini, saya sanggup hendak jawab, kalau ada masa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya soalan saya

belum menjawab, bukan baru. Saya ada bertanya kenapa pemusnahan ini dijalankan dalam suasana keadaan begitu sulit dan rahsia sehingga Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, CID Director, semua tidak tahu dan untuk satu bulan Disember dan Januari mereka kata siasatan sedang dijalankan, walhal semua sudah dimusnahkan dan saya mahu ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana, dengan izin, the worst parliamentary performance by a Prime Minister in the history of Malaysia (*Tepuk*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya beri same compliment kepada Ahli Yang Berhormat for his worst parliamentary performance in the history of this Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: What to do, copy-cat!

Perdana Menteri: Setakat itu sahajalah dia punya kebolehan, setakat kata copy-cat, tidak ada apa lain.

Tuan Lim Kit Siang: Semua copy.

Perdana Menteri: Itu pun copy (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh jawab.

Perdana Menteri: Tidak apalah ada chance jadi Perdana Menteri kalau berkelahi sedikit dengan Tengku Razaleigh, dia hendak jadi Perdana Menteri-tukarlah, you jadi Perdana Menteri-fasal video tape lucu. Saya hendak jawab tetapi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap fasal lain. Kalau saya bercakap ini belum habis satu sentence, dia bangunlah, kalau tidak pun yang jahat itu bangun (*Ketawa*).

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa Yang Berhormat keliru tidak tahu, pihak polis tidak tahu, kenapa?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jawab bahawa ini kerja biasa Peguam Negara dan dia tidak perlu lapor kepada orang lain. Memang pihak polis tahu, memang Peguam Negara tahu, tetapi tahu di peringkat apa, itu terpulang kepada mereka. Tidak semestinya semua evidence itu mestilah dilihat oleh semua pihak. Gambar lucu ini mungkin panjang memakan masa barangkali tiga empat jam kalau kata 2000 gambar, 11 tapes. Kalau hendak tengok semua itu, semua orang dalam Pejabat Polis dan Pejabat Peguam Negara hendak tengok semua maka ia tidak ada kerja lainlah, rosaklah pejabat kalau hendak tengok gambar lucu.

Jadi, dalam perkara ini tidak ada yang rahsia di antara orang yang bekerja dan yang bertanggungjawab terhadap perkara ini. Mereka tengok, saya tidak tahu sama ada habis ataupun tidak dan laporan disampaikan kepada Peguam Negara dan Peguam Negara membuat keputusan biasa. Tidak ada apa-apa misteri ataupun benda yang pelik-pelik yang berlaku. Dia membuat keputusan mengikut budi bicaranya dan dia kata, oleh kerana kes kecurian ini adalah lemah, dia bersetuju kes itu tidak diteruskan ke Mahkamah dan dengan itu maka biasanya bahan-bahan ini dipulangkan balik kepada tuannya. Tetapi dengan persetujuan tuannya barang-barang ini, maka ianya dimusnahkan, bukan sampai orang tidak tahu. Semua orang yang terlibat dengan kes ini tahu, tetapi kalau hendak tanya semua pegawai Polis sama ada dia tahu ataupun tidak, mustahil semua pegawai Polis tahu tentang apa yang dibuat oleh rakan-rakan mereka dalam satu-satu kes. Satu-satu kes orang itu sahajalah yang tahu iaitu orang yang terlibat sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Itu betul, tetapi sebelum CID/Director membuat satu kenyataan mengenai keadaan sesuatu kes, tentu beliau sudah dapat satu laporan daripada mereka yang bertanggungjawab. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri buat satu kenyataan mengenai kes ini, tentu dia tidak cakap apa yang dia tidak tahu, cakap bodoh, bodoh. Tentu dia ada dapat satu taklimat, satu laporan daripada mereka yang bertanggungjawab dan tentu CID Director dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah dapat laporan yang palsu. Kalau mereka tidak cakap yang palsu, bodoh sahaja, kalau mereka tidak cakap yang palsu, mereka sudah dapat laporan yang palsu. Kenapa? Kita mahu satu penjelasan kepada rakyat, kepada negara ini apa yang berlaku.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab ini saya hendak tanya sama ada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mendapat laporan yang sahih berkenaan dengan video tape ini adalah video lucah yang melibatkan orang-orang yang tertentu daripada sipolan-sipolan, sebelum dia bangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini dan disokong pula oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Dia tengok-tengah tape itu? Saya hendak tahu, yang dia cakap merepek ini, dia tengok tidak? (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tengok tape itu. Ya, saya tidak tengok itu tape, tetapi itu bukan tanggungjawab saya, itu ialah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana dia Perdana Menteri dan beliau ada tanggungjawab dapat maklumat daripada Peguam Negara atau pihak Polis apa isi kandungan dalam tape itu. Kalau tidak, dia sudah cuai, sudah negligent. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum jawab soalan saya. Itu bukan perkara Yang Berhormat dari Jelutong tetapi kenapa Yang Berhormat

Timbalan Menteri dan CID Director boleh membuat kenyataan dan nampaknya palsu, adakah mereka sengaja buat kenyataan yang palsu untuk menipu rakyat jelata atau mereka dapat laporan yang palsu dari pihak yang berkenaan? Itulah tanggungjawab, accountability. Jangan lari daripada soalan itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk memberi penjelasan. Apabila perkara ini dibangkitkan oleh Ahli dari Jelutong terhadap kes ini di dalam Dewan ini, saya masih dalam Dewan ini. Saya tidak mendapat taklimat daripada mana-mana. Dengan sebab itu saya telah berkata bahawa perkara ini akan saya siasat. Itu sahaja. Dengan sebab itu mana ada masa saya untuk mendapat taklimat daripada mana-mana pihak kalau soalan itu timbul dalam Dewan ini dan saya berada dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Di luar Dewan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak pernah membuat kenyataan di luar Dewan.

Tuan Lim Kit Siang: Ada, di dalam suratkhobar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Suratkhobar tidak boleh dibawa kira di dalam Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! seseorang boleh bohong di luar, datang ke Parlimen, kata tidak boleh ambil kira. Ini accountability. Jawapan itu tidak boleh diterima. Stail Barisan-ada cakap kata tidak cakap. Itu bukan dalam Dewan atau di luar Dewan, tidak boleh lari dari tanggungjawab itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kata, saya membuat kenyataan sebelum saya lihat tape ini. Jadi, dengan kerana itu saya

tidak bertanggungjawab. Ahli Yang Berhormat lebih tidak bertanggungjawab lagi kerana dia yang membangkitkan perkara ini dalam Dewan. Apakah dia berkata, sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dia tidak perlu bertanggungjawab sebelum membuat tuduhan dan lebih-lebih lagi dia adalah Ketua Pembangkang, (*Tepuk*) buat tuduhan dalam Dewan ini dengan tidak tahu apa isi kandungannya. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi juga mengakui dia tidak tengok, dia kata ada pada Peguam Negara. Kalau ada pada Peguam Negara, macam mana dia tahu? Saya hendak tahu macam mana dia tahu. Apakah dia bertanggungjawab membangkitkan berkenaan dengan sesuatu perkara yang dia sendiri mengakui dalam Dewan ini dia tidak tahu?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, apabila saya cakap saya tahu apa dalam video lucah ini . . .

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat, nanti sekejap.

Tuan Zubir bin Embong: Masa sudah cukup (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa soal jawab sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 62 adalah diberi di bawah ini*).

TAPE VIDEO Y.B. D.P. VIJANDRAN—MEMUSNAHKAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah keputusan Peguam Negara

mengarahkan pihak Polis memusnahkan video kepunyaan Y.B. D.P. Vijandran, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak bertentangan dengan undang-undang dan apakah tindakan kerajaan berhubung isu tersebut seperti:

- (a) kenapakah Y.B. D.P. Vijandran, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak didakwa kerana menyimpan dan memiliki video;
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya penyiasat bagi menyiasat kedudukan dan tingkah laku Peguam Negara mengenai isu video kepunyaan Y.B. D.P. Vijandran, Timbalan Yang di-Pertua; dan
- (c) adakah penyiasatan telah dibuat berhubung aduan polis terhadap Peguam Negara bagi membersihkan nama baik Peguam Negara dimana jawatannya suatu jawatan tinggi yang memerlukan kewibawaannya tidak patut dipersoalkan dan diragukan.

9. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan tidak bersedia memecat D.P. Vijandran dari jawatannya sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat kerana penglibatan beliau dalam video lucah.

10. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Peguam Negara tidak mendakwa Y.B. D.P. Vijandran di bawah Seksyen 24(1) Akta (Penapis) Filem 1952 kerana memiliki sebelas pita video dan empat belas sampul surat yang mengandungi 2,000 gambarfoto yang dicuri daripada kediaman Y.B. D.P. Vijandran yang beliau (Y.B. D.P. Vijandran) mengakui adalah miliknya.

Perdana Menteri: Saya pohon menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan dua pertanyaan lain iaitu: No. 9 oleh Y.B. dari Jelutong; dan No. 10 oleh Y. B. dari Tanjung oleh kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama atau hampir sama.

Isu sama ada keputusan Peguam Negara mengarahkan pihak polis memusnahkan video tape kepunyaan Y.B. D.P. Vijandran bertentangan dengan undang-undang atau tidak telah saya jawab sebentar tadi.

Soal kenapa Peguam Negara tidak mendakwa Y.B. Encik D.P. Vijandran di bawah mana-mana undang-undang adalah kerana tiada siapapun membuat laporan polis terhadap Y.B. Encik D.P. Vijandran mengenai perkara pita video lucah dan gambarfoto yang dikatakan kepunyaannya. Apa yang dilaporkan ialah rompakan di rumahnya, penyiasatan polis dijalankan berasaskan kepada laporan itu.

Polis mendapati kes rompakan ini adalah lemah untuk didakwa di mahkamah dan Peguam Negara bersetuju dengan pandangan polis. Justeru itu kes ini ditutup dan barangan yang dikatakan dicuri telah dimusnahkan. Pada kebiasaannya polis hanya mengambil tindakan apabila gambar filem atau video lucah ditayang kepada penonton-penonton. Polis tidak pernah menyerbu mana-mana rumah atau orang awam kerana disyaki memiliki gambar lucah. Jika benda yang lucah dijual oleh sesiapa kepada orang awam maka polis biasa membuat serbuan.

Soal keputusan pihak Peguam Negara untuk tidak mendakwa Y.B. Encik D.P. Vijandran kerana memiliki bahan-bahan yang dikatakan lucah telah pun saya jawab semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung.

Soal sama ada penilaian yang dibuat olehnya terhadap lucah atau tidak lucah bahan-bahan yang dikatakan dimiliki oleh Y. B. Encik D.P. Vijandran tepat atau tidak akan ditentukan oleh mahkamah. Penilaian adalah soal yang subjective—ialah apa yang cantik bagi seseorang mungkin tidak cantik pada pandangan orang lain. Yang pasti ialah apabila pihak tertentu mempunyai kepentingan, ini tetap mempengaruhi penilaian yang dibuat.

Akhirnya, Kerajaan ingin mengesahkan bahawa Kerajaan berpuas hati dalam kes ini Peguam Negara telah bertindak dengan ketulusan dan kejujuran yang diharapkan daripada seorang Peguam Negara. Tidak ada bukti bahawa beliau telah berat sebelah atau berselindung dengan memihak kepada Y.B. Encik D.P. Vijandran.

Soal pemecatan Y.B. Encik D.P. Vijandran tidaklah berbangkit seperti yang ditanya oleh Y.B. dari Jelutong oleh kerana sama ada Y.B. Encik D.P. Vijandran terlibat atau tidak akan ditentukan oleh Mahkamah. Apabila mahkamah sudah menentukan maka baharulah Kerajaan dan pihak lain berhak mengambil tindakan.

Jika hanya kerana tuduhan dibuat maka Kerajaan harus bertindak menghukum seseorang, maka Ahli Yang Berhormat sendiri sudah lama dihukum. Yang anehnya ada orang lain yang sudah didakwa di mahkamah tetapi Ahli Yang Berhormat tidak mendesak supaya orang itu diberhentikan dari jawatannya. Bahkan ada kes di mana Mahkamah telah menjatuhkan hukum dan Jemaah Pengampunan telah menolak rayuan tetapi Ahli Yang Berhormat masih menyuruh supaya hukuman tidak dijalankan. Ahli Yang Berhormat amat tidak konsisten dan bertindak bukan berasas kepada undang-undang dan kebebasan judiciary tetapi atas kepentingan lain.

**PENGARAH SIASATAN
JENAYAH DATUK ZAMAN
KHAN—PEMECATAN**

11. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil tindakan terhadap Pengarah Siasatan Jenayah Datuk Zaman Khan kerana pengakuannya pada 12hb Januari 1990 bahawa beliau melakukan dua kesilapan dalam penyiasatan terhadap perkara video lucah Encik D.P. Vijandran dan memandangkan kepentingan kesilapannya, adakah Kerajaan bercadang memecat Datuk Zaman Khan atau menurunkan pangkatnya. Sekiranya tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Perdana Menteri: Memang benar Datuk Zaman Khan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah telah membuat kesilapan dalam kenyataan akhbar mengenai penyiasatan video yang dikatakan lucah itu dan telahpun membetulkan kesilapan itu melalui kenyataan akhbar. Beliau tidak ada melakukan apa-apa kesilapan dalam penyiasatan kerana penyiasatan kes itu telahpun selesai dijalankan sebelum beliau menjadi Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah.

**PAS DIBUBARKAN—SARANAN
PERDANA MENTERI**

12. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Adakah beliau berhajat untuk menarik balik saranannya supaya PAS dibubarkan atau mengambil langkah yang setimpal dengan cara yang diambil oleh PKM yang bersetuju menamatkan pergerakan bersenjata;
- (b) Apakah yang mendorong Perdana Menteri membuat saranan itu;
- (c) Sekiranya PAS hendak disamakan dengan PKM apakah

yang menyebabkan Kerajaan British dulu mendaftarkan PAS dan tidak mendaftarkan PKM dan mengapa pula dasar itu diteruskan oleh Kerajaan Perikatan yang Anti Komunis hingga ke saat Kerajaan Barisan yang begitu liberal dengan komunis sekarang; dan

- (d) Adakah Perdana Menteri tidak rasa bersalah apabila beliau menaiki pentas PAS dalam pilihanraya kecil kawasan Parlimen Kapar ketika beliau disisihkan dari UMNO awal tahun 70an dulu dan atas pertimbangan apa maka pentas PAS dinaikinya.

Perdana Menteri:

- (a) Saya belum bercadang menarik balik saranan itu.
- (b) Cita-cita politik PKM tidak diterima oleh rakyat. Cita-cita politik PAS pula telah selalu ditolak oleh rakyat. Majoriti rakyat berpendapat apa yang dikatakan cita-cita PAS telahpun diperjuangkan dengan jayanya oleh UMNO. Atas semangat untuk menyatukan umat Islam, saya berpendapat eloklah PAS dibubarkan sahaja dan ahli-ahli PAS menyertai perjuangan UMNO. Jelaslah semangat perpaduan yang diperjuangkan oleh Islam mendorong saya membuat saranan itu.
- (c) Soal pendaftaran tidak ada kena-mengena dengan persamaan daripada segi penerimaan oleh rakyat. Parti Komunis memang diharamkan dan tidak boleh didaftarkan hingga sekarang. Kerajaan tidak liberal dengan Komunis tetapi amatlah bodoh sesiapa yang suka mendedahkan askar dan rakyat kepada bahaya peperangan

sedangkan perletakan senjata ditawarkan oleh musuh. Penerimaan perletakan senjata oleh Komunis tidak menjadikan Kerajaan Liberal terhadap Komunis.

- (d) Saya menaiki pentas PAS bukan sebagai ahli PAS. PAS memberi peluang kepada saya kerana ingin memeralatkan saya. Saya pula sanggup mengambil peluang itu untuk kepentingan perjuangan orang Melayu pada ketika itu kerana ada orang tertentu yang tidak mahu memberi tempat kepada saya di atas pentas UMNO. Kaedahnya samalah dengan PAS sekarang mempelawa orang-orang tertentu menaiki pentas PAS

PENTADBIRAN PARLIMEN

13. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Osman minta Perdana Menteri menyatakan adakah Pentadbiran Parlimen sekarang diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Adalah benar dari segi organisasinya Jabatan Parlimen diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tetapi dari segi pentadbirannya Jabatan tersebut diuruskan secara tersendiri tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan.

SYARIKAT WIRA MEMBALAK DI KAWASAN LATIHAN ASKAR DI KOTA BELUD

14. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa Kementerianya telah memberi kelulusan kepada Syarikat Perwira Sdn. Bhd., untuk

membalak di kawasan Latihan Askar di Kota Belud, Sabah termasuk "manoeuvring area"nya. Kalau benar nyatakan:

- (a) bagaimanakah hal dengan tadahan air yang menjadi punca bagi bekalan air untuk beberapa buah kampung di persekitaran kawasan tersebut yang tentunya akan terganggu bila kerja pembalakan di situ dijalankan; dan
- (b) kenapa perundingan tidak dijalankan di antara masyarakat penduduk seluruh persekitaran kawasan berkenaan sebelum kelulusan diberikan kepada Syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Memang terdapat beberapa permohonan daripada individu dan Syarikat Wira (bukan Perwira seperti yang dibangkitkan) untuk membalak di dalam kawasan Latihan Tentera Darat di Kota Belud, Sabah. Memandangkan kegiatan pembalakan di kawasan ini melibatkan kepentingan Latihan Tentera Darat dan faktor keselamatan, Kementerian Pertahanan masih memerlukan kawasan berkenaan dan tidak akan membenarkan sebarang kegiatan pembalakan dilaksanakan di dalam kawasan tersebut.

TANDA HALAL— PEMERIKSAAN MENGEJUT DI KILANG-KILANG

15. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah pihak Kementerian kerap kali membuat pemeriksaan mengejut di kilang-kilang yang mengeluarkan barang makanan yang bertanda "ditanggung halal" bagi memastikan bahan-bahan yang halal sahaja yang digunakan untuk membuat barang-barang makanan itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz): Kerajaan sentiasa menjalankan pengawasan dan pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan yang mengeluarkan atau menawar untuk jualan barang-barang makanan yang bertandakan "HALAL", "DITANGGUNG HALAL", "MAKANAN ISLAM" atau apa-apa perbendaharaan lain yang menunjukkan atau mungkin difahamkan sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan oleh agama mereka memakan makanan itu. Tujuan pengawasan dan pemeriksaan ini ialah untuk menentukan bahawa Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan "Halal") 1975 dipatuhi iaitu:

- (a) bahan-bahan yang halal sahaja digunakan untuk membuat barang makanan itu;
- (b) barang makanan itu diproses atau dikilang dengan menggunakan alat-alat yang bebas daripada apa-apa benda najis mengikut hukum syarak; dan
- (c) dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya, barang makanan itu tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak halal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah jawatankuasa yang dinamakan "Jawatankuasa Mengkaji Bahan Makanan dan Penggunaan Orang-Orang Islam" telah ditubuhkan di bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1982. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah, Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh:

- (i) Bahagian Teknologi Makanan, MARDI;
- (ii) Fakulti Sains, Universiti Malaya;

- (iii) Pengarah Perkhidmatan Haiwan;
- (iv) Pengarah Kajian Sains Gunaan, Institut Teknologi MARA;
- (v) Bahagian Fakulti Sains Makanan, Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (vi) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (vii) Pengarah, Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM);
- (viii) Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains Teknologi Makanan, Universiti Pertanian Malaysia;
- (ix) Jabatan Kimia;
- (x) Kementerian Kesihatan;
- (xi) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Kerajaan Tempatan);
- (xii) Jabatan Agama Islam Negeri Johor Darul Ta'zim;
- (xiii) Jabatan Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan;
- (xiv) Jabatan Agama Islam Pulau Pinang;
- (xv) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; dan
- (xvi) Pusat Penyelidikan Islam (Urusetia).

Mengenai penggunaan label "DITANGGUNG HALAL" kepada barang-barang makanan, Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai barang makanan yang ditandakan dengan label "DITANGGUNG HALAL" yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- (a) memberi maklumat untuk tindakan lanjut terhadap penyalahgunaan label-label halal;

- (b) membuat kajian dan keputusan mengenai apa-apa kesangsian terhadap sesuatu barang makanan yang dikeluarkan oleh mana-mana pengilang;
- (c) menjalankan pemeriksaan dan kajian ke atas pengusaha-pengusaha yang memohon untuk menggunakan label halal kepada sesuatu barang makanan dan seterusnya mengeluarkan surat pengesahan;
- (d) mengesahkan (verify) penggunaan label halal kepada barang makanan untuk eksport;
- (e) mengeluarkan surat akuan untuk kegunaan negara pengeksport terhadap sesuatu barangan sebelum barangan berkenaan dieksportkan;
- (f) merujuk kepada Majlis Fatwa sesuatu kajian/keputusan yang tidak boleh ditentukan atau diragukan;
- (g) mengambil contoh-contoh makanan yang mempunyai tanda halal untuk dianalisa dan membuat lawatan-lawatan mengejut di kilang-kilang dan restoran bagi memastikan kesahihan tanda Halal yang digunakan; dan
- (h) mengeluarkan surat kelulusan secara adhoc kepada pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan sijil halal selepas kajian dibuat.

Dengan adanya Jawatankuasa ini, pengusaha-pengusaha tidak menghadapi kesulitan untuk menentukan kesahihan halal barang makanan keluaran mereka dan pengguna tidak menghadapi keraguan mengenai barangan yang menggunakan label "DITANGGUNG HALAL".

Mana-mana pengusaha yang hendak menggunakan label "halal" kepada

barang makanan bolehlah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa ini. Pihak Jawatankuasa akan membuat pemeriksaan, kajian dan analisa untuk menentukan kesahihan halal barang makanan itu. Satu akuan bertulis dikeluarkan jika barang makanan itu disahkan halal. Pemeriksaan mengejut diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan barang makanan yang dikeluarkan adalah halal. Pengguna yang meragui kesahihan halal sesuatu barang makanan yang dilabelkan halal bolehlah membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah unit rumah kos rendah yang telah dibina bagi tahun 1988 dan 1989, dan pada tempoh yang sama berapakah di antara unit-unit tersebut yang dibina oleh sektor swasta. Sama ada Kementerian beliau akan menaikkan harga rumah kos rendah memandangkan harga bahan pembinaan telah naik.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1988 unit rumah kos rendah yang siap dibina ialah 21,503 unit. Daripada jumlah ini, sektor swasta telah membina 9,623 unit ataupun 44.8 peratus. Bagi tahun 1989, anggaran bilangan unit rumah kos rendah yang siap dibina ialah 23,740 unit. Daripada jumlah ini, anggaran bilangan unit yang disediakan oleh sektor swasta ialah sebanyak 11,380 unit atau 48.0 peratus. Maklumat yang diberi bagi tahun 1989 merupakan maklumat anggaran sahaja oleh kerana butir-butir lengkap mengenai bilangan unit yang siap dibina masih belum diterima daripada pihak-pihak pelaksana. Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengesan dan mengkaji kenaikan harga bahan-bahan binaan dan kesannya terhadap harga rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk menaikkan harga rumah kos rendah yang ditetapkan pada tahap tidak melebihi \$25,000.00 seunit. Ini adalah kerana Kerajaan perlu memastikan bahawa rumah-rumah kos rendah mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah, walaupun harga bahan binaan naik. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berikhtiar mencari jalan-jalan lain bagi mengawal harga rumah murah.

EKSPORT BUAH-BUAHAN

17. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa banyak pengeluaran buah-buahan seperti pisang, jagung dan nanas tidak dapat pasaran tempatan semasa Kerajaan telah mengimport barang-barang tersebut dari negara luar. Sama ada Kerajaan bercadang untuk mengeksport buah-buahan tersebut ke negara luar.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa banyak pengeluaran buah-buahan tidak mendapat pasaran tempatan. Sebenarnya, terdapat pasaran yang menggalakkan bagi buah-buahan pada keseluruhannya di pasaran tempatan dan juga pasaran luar negeri, khususnya untuk buah-buahan yang tertentu iaitu betik dan belimbing. Perkembangan pasaran eksport bagi buah-buahan boleh dilihat khususnya semenjak tahun 1986 berikutan perkembangan pengeluaran secara lebih komersial dan usaha-usaha pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA dalam memajukan pasaran di luar negeri untuk buah-buahan. Walaupun Singapura dan Hong

Kong masih merupakan pasaran yang utama bagi buah-buahan Malaysia, pasaran baru telah ditembusi khususnya pasaran Eropah Barat, di mana eksport buah-buahan tertentu semakin bertambah.

Walaupun buah-buahan masih diimport, kebanyakan buah-buahan ini terdiri daripada buah-buahan temperate khususnya orange mandarin, epal, grapes dan pears. Buah-buahan ini diimport untuk memberi pilihan jenis buah-buahan yang lebih luas kepada pengguna-pengguna dan juga dalam masa kurangnya terdapat buah-buahan tempatan oleh kerana bukan musimnya bagi buah-buahan bermusim.

BASRI MASSE—PENGEDAR DADAH INDONESIA DIHUKUM GANTUNG

18. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah bagi mengatasi keretakan yang berlaku di antara Malaysia dan Indonesia yang bermula dari seorang rakyat Indonesia yang didapati bersalah di Kota Kinabalu; Sabah yang telah mengedar dadah yang mana media-media massa khasnya di Indonesia telah membesar-besarkan berita ini dan benarkah ada dalang-dalang yang cuba untuk menanggok di air keroh agar hubungan di antara kedua-dua negara ini bertelingkah dan cuba memecahkan bangsa-bangsa serumpun yang telah dijalinkan dengan lebih erat lagi sekarang ini.

12.3.90

46. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) sama ada beliau telah mengarahkan satu penyiasatan dijalankan ke dalam bantahan-bantahan yang berlaku di Indonesia terhadap Malaysia berikutan hukuman mati yang

dijalakan ke atas Basrie Masse, seorang warganegara Indonesia yang disabitkan kerana mengedar dadah di Sabah;

- (b) sama ada Kerajaan Indonesia telah mengambil apa-apa langkah yang membantah pelaksanaan hukuman mati itu tersebut; jika ya, apakah reaksi Kerajaan terhadap bantahan tersebut;
- (c) sama ada warganegara Malaysia dihukum mati di Indonesia dan negara-negara lain, jika ya, bilangan mereka ini dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka ini dan sama ada Malaysia telah membantah terhadap pelaksanaan hukuman mati tersebut.

14.3.90

31. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan siapakah pihak tertentu yang tidak mahu melihat hubungan Malaysia dengan Indonesia berada di peringkat yang akrab, dan

- (a) pihak siapakah yang cukup kuat untuk mempengaruhi media massa Indonesia untuk membesar-besarkan isu hukuman gantung seorang rakyat Indonesia yang didapati bersalah kerana mengedar dadah di Sabah;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia menerima bantahan atau rayuan dari badan-badan Indonesia;
- (c) apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil supaya hubungan rapat K.L.—Jakarta tidak akan terancam.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya mohon izin untuk menjawab soalan Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah serentak dengan soalan Y.B. Tuan Fung Ket

Wing dan Y.B. Tuan Lau Dak Kee memandangkan ketiga-tiga soalan ini didapati berkaitan dan menyentuh subjek yang sama.

Berhubung dengan kes hukuman ke atas rakyat Indonesia Encik Basri Masse kerana mengedar dadah, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perundangan mengenai pengedaran dadah di negara kita tidak mengenal warna kulit, bangsa, taraf atau negara. Setiap kes, termasuklah kes Encik Basri Masse telah diadili dengan saksamanya berlandaskan kepada peruntukan-peruntukan perundangan negara yang ada dan yang berkuatkuasa sekarang.

Pendirian tegas Malaysia ini mencerminkan betapa beratnya masalah penyalahgunaan dadah yang dihadapi oleh bukan saja negara Malaysia malah oleh seluruh dunia. Usaha-usaha dan tindakan-tindakan Malaysia dalam membanteraskan pengedaran dan penyalahgunaan dadah telah mula mendapat pengakuan dan penghormatan dari semua pihak dan negara. Walaupun masih lagi terdapat bantahan-bantahan terhadap dasar negara itu, namun kita menganggap bantahan ini sebagai perkara biasa yang akan berlaku di mana-manapun termasuk di Malaysia sendiri. Seterusnya, kejadian-kejadian ini tidak sekalipun menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara lain termasuk Indonesia. Hubungan di antara Malaysia dengan Indonesia tetap utuh dan ikrab.

ORANG ASLI—TARAF HIDUP

19. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa taraf hidup masyarakat Orang Asli dalam negara ini rata-rata masih rendah serta dhaif dan perlu diberi perhatian yang lebih hebat bagi memastikan mereka dapat menikmati kemudahan asas.

seperti masyarakat luar bandar yang lain. Jika ya;

- (a) apakah Kerajaan telah berpuashati dengan kesihatan, pendidikan dan ekonomi mereka; dan
- (b) apakah usaha menyeluruh yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Kerajaan sedar bahawa taraf hidup masyarakat Orang Asli di negara pada keseluruhannya ini masih agak ketinggalan jika dibandingkan dengan arus pembangunan negara. Sungguhpun demikian, kalau dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu adalah jelas taraf kehidupan Orang-orang Asli telah banyak mencapai kemajuan yang menggalakkan melalui usaha-usaha yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Walau bagaimanapun, Kerajaan belumlah berpuashati sepenuhnya dengan pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan mereka dan akan meneruskan usaha-usaha ini. Kejayaan dan pencapaian juga banyak bergantung kepada sikap positif di pihak masyarakat Orang Asli sendiri.

- (b) Usaha-usaha menyeluruh yang telah, sedang dan akan dilaksanakan adalah melibatkan tiga program iaitu:
 - (i) Program Pembangunan Ekonomi;
 - (ii) Program Pembangunan Sosial;
 - (iii) Program Latihan.

Program Pembangunan Ekonomi meliputi rancangan pertanian, ternakan, kraftangan dan perniagaan.

Dalam Program Pembangunan Sosial, Kerajaan memperuntukkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan sosial seperti pendidikan, Kesihatan dan rawatan kampung dan perubatan. Kemudahan-kemudahan yang berasingan ini hanya diadakan untuk Orang Asli apabila dan di mana tiada terdapat kemudahan-kemudahan Kerajaan yang biasa. Di bidang pendidikan hasrat Kerajaan bukan sahaja untuk mengurangkan kadar buta huruf malah untuk menambahkan lagi kadar anak-anak Orang Asli di universiti dan institusi pengajian tinggi. Perkhidmatan Kesihatan dan perubatan pula ditumpukan usahanya ke kawasan-kawasan pedalaman bertujuan untuk membaiki taraf kesihatan Orang-orang Asli.

Program Latihan pula memberi kemahiran kepada Orang Asli terutama kepada belia lepasan sekolah bagi meningkatkan peluang kerjaya bagi mereka.

Program-program dan aktiviti-aktiviti seperti yang disebutkan adalah dikaji semula dari semasa ke semasa dan akan terus diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 untuk pertingkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat Orang Asli sejajar dengan arus pembangunan negara.

HARTA KOLEJ ISLAM MALAYA

20. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan harta wakaf Kolej Islam Malaya yang diamanahkan kepada sebuah Lembaga yang ditubuhkan selepas Fakulti Islam ditubuhkan menggantikan Kolej Islam

Malaya. Apakah kedudukannya seperti berikut:

- (a) berapakah jumlah wang dan harta yang ada sekarang;
- (b) nama Pengerusi dan Ahli Lembaga;
- (c) apakah rancangan yang hendak dibuat dengan harta tersebut; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang hendak menyemak semula ahli Lembaga dan membuat penyesuaian dengan keadaan yang ada sekarang ini.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua harta Kolej Islam Malaya adalah ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Amanah yang dikenali sebagai "Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Islam Malaysia". Lembaga ini ditubuhkan berdasarkan perintah Mahkamah dan ia merupakan sebuah badan bebas. Lembaga ini diberi kuasa penuh untuk menguruskan segala harta benda Kolej Islam Malaysia mengikut kuatkuasa peraturan yang diberikan oleh Mahkamah, termasuklah melantik Ahli Pemegang Amanah yang baru sekiranya berlaku sesuatu kekosongan. Oleh kerana Lembaga ini adalah sebuah badan bebas maka ia bukanlah di bawah bidangkuasa Kementerian Pendidikan.

- (a) Jumlah wang dan harta yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Amanah ini sehingga 31-12-1989 berjumlah \$7,955,710.84.
- (b) Nama Pengerusi dan Ahli Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Islam Malaysia adalah seperti berikut:

1. Tan Sri Abdul Aziz - Pengerusi bin Zain

2. Tan Sri Dato' - Timbalan
Abdullah bin Ayub Pengerusi
3. Tuan Haji Mahfudz bin Haji Abdul Hamid
4. Tan Sri Prof. Abdul Jalil Hassan
5. Dr Haji Abbas bin Haji Alias
6. Dato' Prof Dr Ariffin bin Suhaimi
7. Dato' Haji Mahmad Mukhtar bin Mohamad Salleh
8. Prof. Tan Sri Datuk Haji Ahmad Ibrahim.

- (c) Ahli Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Islam Malaysia menguruskan harta benda yang diamanahkan adalah berdasarkan syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan oleh perintah Mahkamah yang antara lain termasuklah memberikan bantuan kepada penuntut-penuntut yang sedang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Sebarang penggunaan harta benda yang diamanahkan selain dari ketetapan atau dasar yang telah ditetapkan mestilah terlebih dahulu mendapat perintah atau keizinan Mahkamah.
- (d) Kementerian Pendidikan berpendapat, setakat ini Ahli Jawatankuasa yang ada sekarang adalah terdiri dari kalangan pegawai-pegawai yang dedikasi, bertanggungjawab dan berkebolehan. Mereka telah dapat mengendalikan harta amanah dengan baik bermula dari nilai harta sebanyak kira-kira \$300,000.00 kini telah meningkat lebih dari \$7 juta.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada cadangan atau pandangan yang baik dan membina untuk kesempurnaan Lembaga Amanah ini dari mana-mana pihak, Kerajaan bersedia mengkaji, menimbang dan sekiranya bersesuaian melaksanakannya.

MESYUARAT MENTERI- MENTERI LUAR ASEAN-EC

21. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil dari perbincangan antara Menteri-menteri negara-negara ASEAN dengan negara-negara "European Community". Adakah YB Menteri sedar Negara-negara EC sedang menjadi suatu pasaran yang penting untuk barang-barang industri kita selain daripada barang-barang komoditi. Sebab apakah hubungan perniagaan dengan EC Block tersebut tidak maju seperti yang diharapkan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Mesyuarat Ke Lapan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN dan EC (AEMM) telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 16-17 Februari 1990. Pada keseluruhannya Malaysia berpuas hati dengan hasil Mesyuarat tersebut. Perbincangan-perbincangan menyentuh hubungan kerjasama ASEAN dan Komoditi Eropah dibidang politik dan ekonomi ditahun-tahun 90an.

Di bidang politik, Menteri-menteri Luar Negeri kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan antaranya mengenai isu Cambodia, perubahan-perubahan yang berlaku di negara-negara Eropah Tengah dan Timur, Afrika Selatan, Afghanistan dan Perlucutan Senjata dan Pengawalan Persenjataan dan dibidang ekonomi termasuk soal-soal Perdagangan, Pelaburan, Komoditi, Pasaran Tunggal Eropah, Perundingan Pelbagai Hala dan Alam Sekitar.

Mesyuarat AEMM ini menunjukkan bahawa ASEAN dan EC mempunyai banyak persamaan pendapat dibidang politik misalnya seperti isu Cambodia dan Pelarian Indochina atau "Indochinese Asylum Seekers and Displaced Persons", dengan izin. Mengenai pelarian Indochina, kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa kedatangan pendatang tanpa izin yang berterusan

dan meningkat membebankan negara tempat pendaratan pertama di rantau ini. Satu-satunya jalan untuk mengatasi masalah ini ialah melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Komprehensif (Comprehensive Plan of Action-CPA) yang diluluskan oleh Persidangan Antarabangsa Mengenai Pelarian Indochina, yang diadakan di Geneva pada bulan Jun 1989 dalam jangkamasa tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat, EC merupakan rakan dialog ASEAN yang terbesar selepas Jepun dan Amerika Syarikat dan juga penyumbang yang penting dalam kerjasama pembangunan ASEAN. Oleh itu, perdagangan, pelaburan dan lain-lain isu ekonomi juga dititikberatkan di Mesyuarat tersebut. Kita mengutarakan rasa bimbang kita dan berharap agar pengujudan Pasaran Tunggal Eropah tidak akan menimbulkan sebarang sekatan kepada perdagangan kita dengan negara-negara EC dan perkembangan di Eropah Tengah dan Timur tidak akan mengakibatkan kurangnya kepentingan ASEAN dalam hubungan ASEAN-EC.

Mengenai pergolakan di negara-negara Eropah Tengah dan Timur dan kebimbangan ASEAN bahawa pergolakan dan perubahan ini akan mengakibatkan aliran perdagangan, kewangan dan pelaburan daripada negara EC dengan Eropah Tengah dan Timur tidak akan mengurangkan komitmen EC terhadap ASEAN yang telah lama sedia terjalin. ASEAN akan memastikan bahawa EC memenuhi janji mereka berhubung dengan perkara ini. Menteri-Menteri EC juga telah memberi kepastian bahawa EC akan terus mengamalkan dasar terbuka kepada rakan dagangannya selaras dengan komitmennya kepada Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala dan menambah bahawa Pasaran Tunggal itu akan memperbaiki "competitiveness", dengan izin, pasaran EC dan seterusnya, menuju ke arah perdagangan dunia yang lebih liberal.

Berhubung dengan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala, ASEAN dan EC memperakui bahawa ia merupakan jalan penting bagi mengujjudkan liberalisasi dan perkembangan perdagangan, demi membasmi sekatan dagangan (protectionism). Rundingan ini penting untuk mencari kata sepakat berhubung dengan Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT). ASEAN dan EC akan terus berkerjasama dalam memastikan menjelang Disember 1990, Perundingan Perdagangan Pelbagai Hala mencapai kejayaan.

Mengenai dadah, ASEAN dan EC menyambut baik inisiatif Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Mereka menyokong kuat keputusan mesyuarat CHOGM untuk mempertingkatkan langkah-langkah yang lebih berkesan diperingkat nasional dan antarabangsa terhadap beberapa isu penting terutamanya yang berkaitan enakmen perundangan yang sesuai terhadap kesalahan mengedar dadah, perampasan harta oleh pengedar dadah, program tanaman gantian dan bantuan perundangan yang memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak dalam membenters pengedaran dadah.

Berhubung dengan isu Alam Sekitar ASEAN dan EC memperakui bahawa ancaman terhadap alam sekitar yang menyeluruh adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan tindakan segera diperingkat nasional dan antarabangsa. Perlindungan alam sekitar haruslah dilihat dari perspektif yang adil dan penekanan perlu diberi bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang tersusun. Pihak EC bersetuju bekerjasama dari segi penyelidikan dan pemeliharaan alam sekitar serta dasar-dasar pembalakan. Kepakaran ekologi EC terutamanya berkaitan industri pembalakan membolehkan ASEAN memastikan keberkesanan dasar alam sekitarnya serta pemeliharaan hutan yang lebih teratur. Bantuan ini akan juga membolehkan

industri pembalakan akan menjadi lebih peka terhadap kehendak ekologi. ASEAN dan EC mengambil maklum akan Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar dan juga menyambut baik program perancangan Deklarasi tersebut dan juga cadangan mengadakan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada tahun 1992. Pihak EC juga dapat melihat sendiri berhubung dengan pemeliharaan hutan kayu tropika dan projek-projek pembangunan untuk masyarakat kaum Penan dan telah mendapat maklumat yang sebenarnya mengenai perkara-perkara ini.

Malaysia memang maklum bahawa negara-negara EC akan menjadi satu pasaran yang penting bagi barang-barang perdagangan kita selain daripada barang-barang komoditi. EC adalah rakan perdagangan ke tiga terbesar ASEAN selepas Jepun dan Amerika Syarikat. Soal-soal perdagangan dibincangkan di Kuching dan ASEAN meminta pihak EC supaya menghapuskan sekatan-sekatan terhadap barang-barang eksport ASEAN. ASEAN juga akan memastikan agar Pasaran Tunggal Eropah tidak akan menjejaskan eksport kita ke EC.

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang wajar telahpun diambil di peringkat Kerajaan untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan pelaburan di antara ASEAN dan EC. Kedua-dua belah pihak juga memperakui bahawa perkara ini harus diberi prioriti kerana ianya akan memberi faedah kepada kedua-dua rantau itu. Program-program untuk mempertingkatkan kerjasama dibidang ini dibuat melalui seminar-seminar, woksyp-woksyp serta lawatan-lawatan. Walau bagaimanapun sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan hanya akan dapat mengadakan insentif untuk menggalakkan dan mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan tetapi

terpulanglah kepada pihak swasta untuk mengambil peluang terhadap kemudahan-kemudahan ini. Berhubung dengan perdagangan dan pelaburan dari swasta EC adalah didapati bahawa mereka lebih berminat meningkatkan perdagangan dan pelaburan di negara-negara EC sendiri dan di negara-negara Amerika Utara. Walaupun demikian negara-negara ASEAN akan terus mengadakan perbincangan dan insentif untuk menarik lebih banyak perdagangan dan pelaburan swasta ke rantau ini.

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 50 pada 27-2-90)

RISDA—BANTUAN KEPADA PEKEBUN KECIL

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) cara-cara baru pemberian bantuan kewangan kepada pekebun kecil menerusi RISDA;
- (b) sila kemukakan statistik bantuan kewangan kepada pekebun-pekebun kecil oleh RISDA setiap tahun, daripada tahun 1985 hingga menjelang bulan Februari 1990;
- (c) adakah tugas Kementerian untuk mengawalselia daripada berlakunya penyelewangan dan eksploitasi di antara pekebun kecil dan orang tengah. Jika ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan pengawalselia ini benar-benar bermakna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Mengikut cara baru pemberian bantuan kepada Pekebun Kecil oleh RISDA, adalah dengan pembayaran cek ataupun melalui pembayaran terus

kepada akaun Pekebun Kecil di Bank dan bukannya melalui waran seperti dahulu. Pembayaran ini mula diperkenalkan pada awal tahun 1988 dan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai pada 1 Januari 1990. Langkah ini diambil bertujuan untuk mempertingkatkan lagi pengurusan kewangan pihak RISDA serta memudahkan dan mempercepat pembayaran bantuan kepada Pekebun Kecil terlibat

PERMIT PENERBITAN

24. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kelulusan permit atau lesen yang diberi tahun ke tahun oleh Kementerian ini untuk akhbar-akhbar tempatan menyebabkan akhbar-akhbar tersebut takut untuk menyuarakan pendapat dengan adil. Oleh yang demikian, kenapa Kerajaan tidak memberi kelulusan lesen untuk satu tempoh yang tetap seperti 3 tahun atau 5 tahun supaya dilonggarkan kebebasan mereka dan melicinkan pentadbiran.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian ini meluluskan sesuatu permit penerbitan atau lesen mesin cetak di atas asas permit atau lesen itu laku setahun sahaja; dan setelah tamat tempoh itu, permohonan baru hendaklah dibuat. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan keadaan di mana seseorang pemegang permit atau lesen dari merasa mempunyai harapan yang sah ("legitimate expectation) untuk mendapat permit atau lesen baru setelah tempoh permit/lesen yang dipegang.

Di segi praktikalnya pula, peraturan tersebut akan menentukan pemohon-pemohon lesen atau permit-permit membuat bayaran tepat pada masa permit atau lesen baru diluluskan. Sebarang kelambatan menyerah bayaran permit atau lesen akan membawa kesan tidak baik ke atas kelicinan urusan penyelenggaraan rekod permit atau lesen.

Untuk makluman Yang Berhormat, lesen mesin asas kelulusan permit penerbitan atau cetak yang hanya sahlaku setahun merupakan tindakan untuk mengujudkan penyelenggaraan yang bersistematik. Ianya tidak bertujuan menyekat atau menghalang pihak akhbar memainkan peranannya dalam pembangunan negara atau menjalankan tanggungjawabnya.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

25. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara dalam negeri;
- (b) jumlah hutang negara luar negeri dengan memberi angka pinjaman yang dibuat dalam setiap tahun sejak 1981 bagi (a) dan (b) tersebut serta nisbah bayaran balik hutang negara bagi (a) dan (b).

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada masa kini ialah \$89.7 billion meliputi \$65.6 billion hutang dalam negeri dan \$24.1 billion hutang luar negeri.

Pinjaman kasar yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- Bagi tahun 1981, pinjaman dalam negeri ialah \$8,068 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$3,618 juta.
- Bagi tahun 1982, pinjaman dalam negeri ialah \$11,378 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$5,380 juta.
- Bagi tahun 1983, pinjaman dalam negeri ialah \$11,347 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$5,067 juta.

- Bagi tahun 1984, pinjaman dalam negeri ialah \$11,302 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$4,155 juta.
- Bagi tahun 1985, pinjaman dalam negeri ialah \$11,492 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$7,343 juta.
- Bagi tahun 1986, pinjaman dalam negeri ialah \$12,076 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$2,893 juta.
- Bagi tahun 1987, pinjaman dalam negeri ialah \$18,589 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$1,086 juta.
- Bagi tahun 1988, pinjaman dalam negeri ialah \$19,562 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$2,796 juta.
- Bagi tahun 1989, pinjaman dalam negeri ialah \$16,184 juta, manakala pinjaman luar negeri ialah \$3,037 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, nisbah khidmat hutang ditaksirkan sebagai nisbah bayaran pokok dan faedah bagi pinjaman luar terhadap eksport barangan dan khidmat. Nisbah bayaran balik hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nisbah Bayaran Balik %</i>
1981	2.6
1982	4.3
1983	4.6
1984	5.3
1985	6.7
1986	7.1
1987	5.9
1988	6.2
1989	4.5

Konsep nisbah bayaran balik hutang tidak meliputi hutang dalam negeri.

**BAYARAN PERKHIDMATAN
BANK PERDAGANGAN**

26. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab Bank Negara mesti melayani permintaan bank-bank perdagangan untuk mengenakan bayaran perkhidmatan yang baru atau menaikkan yang sedia ada;
- (b) mengapa Bank Negara tidak menolak permintaan tersebut;
- (c) jumlah hasil tambahan yang akan diterima oleh bank-bank perdagangan kalau permintaan mereka diluluskan.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Sebagaimana kita semua maklum, Bank Negara Malaysia adalah dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawasi sistem bank di Malaysia. Tanggungjawab itu meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan sistem bank dan kesempurnaan perkhidmatannya kepada orang ramai. Dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab Bank Negara untuk melayan dan mengkaji apa juga cadangan yang dikemukakan kepadanya sama ada daripada pihak bank-bank atau daripada orang awam bagi menjamin kepentingan semua pihak. Dalam hubungan ini, penerimaan ke atas cadangan untuk mengenakan bayaran perkhidmatan yang baru oleh bank-bank tidak bermakna Bank Negara meluluskan cadangan tersebut. Penerimaan cadangan itu adalah tertakluk kepada kajian lanjut bagi menentukan kesesuaiannya.
- (b) Bank Negara Malaysia tidak menolak cadangan itu kerana ianya dikemukakan dengan

memberi sebab-sebab yang tertentu. Adalah tidak adil sekiranya cadangan itu ditolak tanpa terlebih dahulu mengkaji alasan-alasan yang diberikan ke atas cadangan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, alasan-alasan yang diberikan termasuklah:

- (i) kenaikan kos pentadbiran dan pelaburan yang besar dalam penggunaan komputer yang bertujuan untuk memodenkan perkhidmatan bank; dan
- (ii) perlunya kajian semula dibuat ke atas struktur kos bagi perkhidmatan-perkhidmatan bank dengan tujuan untuk mengurangkan atau menghapuskan pertindihan subsidi (dengan izin, cross-subsidisation) dalam kos perkhidmatan.
- (c) Adalah sukar untuk menentukan jumlah sebenar pendapatan tambahan yang mungkin diperolehi oleh bank-bank sekiranya cadangan itu dipersetujui. Ini adalah kerana kita tidak mengetahui kesan sebenar ke atas urusan bank-bank sekiranya mereka mengenakan bayaran perkhidmatan yang baru kepada pelanggan-pelanggan. Tambahan pula, cadangan pengenaan bayaran perkhidmatan yang baru itu tidak mungkin dipersetujui begitu sahaja oleh Bank Negara tanpa memastikan adanya kemudahan tambahan kepada pengguna-pengguna sebagai balasan ke atas bayaran perkhidmatan yang baru itu. Dengan demikian, pendapatan yang diterima daripada bayaran perkhidmatan yang dicadangkan itu tidak sepenuhnya menjadi pendapatan bersih bank-bank

kerana mereka juga perlu mengeluarkan belanja untuk menyediakan kemudahan tambahan kepada pelanggan-pelanggan.

SISWAZAH MENGGANGGUR

27. Tuan Shahidan bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan jumlah siswazah menganggur sekarang ini dan apakah program jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa jumlah tersebut dapat dikurangkan dari masa ke masa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah siswazah menganggur sekarang mengikut bilangan "pendaftar aktif" iaitu siswazah pencari kerja yang telah mendaftar atau membaharui pendaftaran dengan Jabatan Tenaga Rakyat dalam tempoh 6 bulan sebelum 31 Disember 1989 ialah 4,493 orang.

Program jangka panjang yang telah/ akan dilaksanakan untuk mengurangkan bilangan siswazah menganggur ialah:

- (i) Penempatan siswazah ke sektor-sektor swasta melalui Biro Perkhidmatan Ikhtisas, Jabatan Tenaga Rakyat.
- (ii) Skim Latihan Khas:
 - (a) Skim Latihan Khas dalam bidang pengurusan perniagaan;
 - (b) Skim Latihan Khas Akauntan Percukaian;
 - (c) Skim Latihan Khas Program Sangkutan (apprenticeship) siswazah ke syarikat Kerajaan dan swasta.

(iii) Skim Latihan Kemahiran:

- (a) Skim latihan dalam bidang teknologi nuklear.
- (b) Skim latihan Projek Perisis Authoring.
- (c) Skim Latihan Khas Kejuruteraan di Pulau Pinang.

GURU MELIBATKAN DIRI DENGAN KELAS TUISYEN

28. Tuan Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian bercadang hendak mengarah guru-guru di seluruh negara supaya jangan melibatkan diri dalam kelas sambilan (Tuition Class);
- (b) apakah kejayaan KBSR dan sistem penilaian UPSR setakat ini;
- (c) apakah cara-cara yang paling "up-to-date" yang digunakan oleh Kerajaan untuk menjayakan KBSR dan Kurikulum Bersepadu Sekolah. Menengah;
- (d) sejauh manakah Kerajaan yakin bahawa KBSR dan KBSM akan dapat mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengarahkan guru-guru supaya tidak melibatkan diri dengan kelas-kelas tuisyen. Ini adalah kerana Kementerian Pendidikan berpendapat penglibatan guru-guru berkenaan di dalam kelas-kelas tuisyen akan dapat menambah kemahiran dan pengalaman mengajar dalam bidang masing-masing. Walau bagaimanapun guru-guru yang

ingin mengajar kelas tuisyen dikehendaki mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pendidikan terlebih dahulu. Kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat Perintah Am 5, Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab "D", 1980 dan juga syarat Pekeliling Perkhidmatan KP. Bil. 2 Tahun 1985.

- (b) Kejayaan KBSR dapat dilihat khususnya dari segi perkembangan mental, sosial dan sahsiah murid. Melalui sistem penilaian UPSR murid KBSR didapati telah berjaya meningkatkan pencapaian mereka dalam penguasaan 3M. Selain daripada itu melalui program penilaian yang dijalankan oleh Kementerian ini didapati bahawa murid KBSR telah berjaya menguasai kemahiran belajar yang mudah seperti menyoal, berbincang dan mengeluarkan pendapat. Sebilangan besar murid juga telah menguasai kemahiran belajar yang lebih kompleks seperti mengenal idea-idea utama dan membuat rumusan. Dari segi perkembangan sosial didapati bahawa mereka boleh berinteraksi sesama sendiri, berkerjasama dan bertolak ansur. Manakala dari segi perkembangan sahsiah pula murid-murid KBSR didapati aktif, berani bercakap, mempunyai keyakinan diri serta menunjukkan minat dalam pembelajaran.

Kejayaan sistem penilaian UPSR pula dapat dilihat dari segi kemampuan sistem tersebut menentukan bilangan murid yang telah dan yang belum menguasai kemahiran yang diuji. Sistem Penilaian UPSR dibuat khusus untuk melihat

sejauh mana matlamat KBSR dari segi perkembangan akademik dapat dipenuhi. Ia menguji penguasaan murid dalam kemahiran kefahaman, penulisan, lisan bacaan dan kemahiran mengira. Setakat ini UPSR telah dapat memenuhi keperluan matlamat KBSR tersebut. Walau bagaimanapun sistem penilaian ini adalah sentiasa dinilai dan dibaiki dari masa ke masa.

- (c) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menjayakan KBSR dan KBSM. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk tujuan ini ialah:
- (i) Mengadakan beberapa siri kursus kepada guru-guru besar sekolah untuk meningkatkan dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan profesionalisme untuk mengendalikan KBSM.
 - (ii) Mengadakan bahan-bahan pual KBSR/KBSM yang lengkap seperti Video dan bahan-bahan cetak.
 - (iii) Mengarahkan pihak sekolah supaya mengendalikan kursus dalaman kepada semua guru dengan menggunakan bahan-bahan pual KBSR/KBSM.
 - (iv) Memberi latihan khas kepada Kakitangan Sumber mata pelajaran tertentu supaya mereka dapat membantu sekolah dalam mengendalikan latihan dalaman.
- (d) KBSR dan KBSM sememangnya digubal dengan kesedaran untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Di

dalam KBSR dan KBSM tumpuan diberikan kepada usaha memupuk potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu.

Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang bercorak sepadu dengan menekan kepada prinsip keTuhanan, nilai-nilai murni, perkembangan daya berfikir, budaya ilmu, semangat bertanggungjawab, setia negara dan semangat perpaduan. Kementerian juga sentiasa berusaha untuk membaiki "delivery system" (sistem penyampaian) pendidikan KBSR dan KBSM sebagaimana yang telah dimaklumkan tadi. Melalui usaha-usaha tersebut dan dengan kesedaran, kerjasama serta sokongan orang ramai khasnya ibu bapa, Kementerian yakin bahawa KBSR dan KBSM akan dapat mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

(Soalan No. 29. Sila lihat jawapan No. 52 pada 27-2-90).

HUTANG MAJLIS TEMPATAN/ LLN KEPADA STM

30. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan amaun wang yang terhutang oleh berbagai-bagai Kerajaan Tempatan kepada pihak LLN dan pihak STM dan juga nyatakan sebab-sebab hutang-hutang itu dan apakah tindakan diambil untuk menjelaskan hutang-hutang tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Menurut rekod pihak STM jumlah hutang semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia dengan pihak STM setakat 31 Disember 1989 ialah \$1,022,757.41 dan menurut rekod LLN jumlah hutang

dengan pihak LLN setakat 31 Ogos 1989 ialah sebanyak \$23,021,578.29. Sukalah saya memaklumkan bahawa hutang-hutang tersebut terdiri daripada bil-bil telefon, bayaran teleks dan bayaran penyelenggaraan yang perlu dibuat kepada STM, serta bil elektrik dan bil-bil bayar tuntutan kepada LLN. Bil-bil bayar tuntutan yang dimaksudkan termasuklah bayaran kerana perkhidmatan pemasangan lampu jalan, mengalihkan papan jangka, memasang dan mengalihkan tiang lampu dan sebagainya.

Kementerian ini sedar tentang masalah hutang yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan sendiri menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan daripada hasil-hasil tempatannya. Oleh kerana itu Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa menjelaskan hutang-hutang tersebut mengikut kemampuan masing-masing dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, perlulah saya tegaskan bahawa pihak LLN juga mempunyai hutang dengan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak menjelaskan sumbangan batu kadar, (sebagai ganti kepada cukai pintu yang dikenakan kepada LLN). Jumlah yang dihutang oleh LLN adalah lebih dari apa yang dihutang oleh Penguasa Tempatan. Rundingan sedang berjalan untuk mencari penyelesaian perkara ini.

KOMODITI UTAMA—PELUANG PEKERJAAN

31. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan tentang:

- (a) berapakah jumlah kilang yang berasaskan bahan-bahan komoditi tempatan dan memberi peluang pekerjaan kepada berapa ramai pekerja;

- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan kilang-kilang berasaskan bahan-bahan komoditi tempatan supaya ianya lebih menguntungkan negara; dan
- (c) berapakah jumlah sumbangan dalam KDNK dari sektor industri pembuatan yang ada sekarang.

Dato' Seri Rafidah Aziz:

- (a) Oleh kerana soalan Yang Berhormat agak umum, saya akan hadkan jawapan ini kepada komoditi-komoditi utama sahaja iaitu keluaran-keluaran berasaskan getah asli, keluaran-keluaran berasaskan kayu, keluaran-keluaran berasaskan kelapa sawit, keluaran-keluaran berasaskan koko dan keluaran-keluaran galian bukan logam.

Jumlah kilang-kilang berasaskan komoditi-komoditi yang tersebut ialah sebanyak 1,083 buah yang memberi pekerjaan kepada 120,029 orang.

- (b) Kerajaan memang menggalakkan penubuhan lebih banyak kilang-kilang berasaskan komoditi tempatan. Ini akan dapat memberikan nilai tambah yang tinggi kepada komoditi-komoditi tersebut melalui pemerosesan lanjut sebelum dieksport. Untuk menggalakkan penubuhan kilang-kilang tersebut Kerajaan telah menyediakan beberapa galakan cukai seperti galakan Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, dan galakan-galakan fiskal yang lain.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sumbangan sektor pembuatan terhadap KDNK negara bagi tahun 1989 ialah sebanyak \$18,251.3 iaitu kira-kira 25.6%.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA—PELANCARAN

32. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan mengenai perayaan menyambut "Tahun Melawat Malaysia" pada malam 31hb Disember, 1989 di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Tidakkah sambutan berbentuk pesta liar secara terbuka yang mengumpulkan ribuan anak muda hingga ke larut pagi, sehingga botol-botol dan sarung-sarung getah bersepah-sepah di atas padang seperti mana dilaporkan oleh akhbar "The Star". Apakah program Tahun Melawat Malaysia termasuk mengimport budaya kuning Barat yang bertentangan dengan nilai Islam dan kebudayaan Timur dan adakah ini cara memperkenalkan Malaysia kepada pelancong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Pelancongan Tahun Melawat Malaysia 1990 merupakan satu usaha dalam memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar. Pelancongan ini menunjukkan keutamaan yang diberikan terhadap industri pelancongan sebagai salah satu sektor yang penting dalam ekonomi negara. Hasil dari industri ini akan dapat menampung belanja membangun kemudahan dan keperluan di sekitar kita serta meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan awam serta persekitaran yang lebih bersih dan indah untuk dinikmati oleh semua.

Sambutan Tahun Melawat Malaysia telah dibuat dengan begitu rapi di mana telah dipaparkan perkembangan Sejarah Tanahair, Kedaulatan Institusi Beraja dan Berperlembagaan, kehidupan masyarakat pelbagai kaum dengan semangat kerjasama dan perpaduan, keutuhan kefahaman negara, kejayaan mencapai kemerdekaan dan keunikan kesenian budaya bangsa. Kesemua ini telah dipaparkan dengan begitu berkesan.

Kejayaan Tahun Melawat Malaysia bukan bergantung kepada Kerajaan sahaja tetapi juga terletak di bahu setiap anggota masyarakat. Atas kesedaran inilah maka Tahun Melawat Malaysia telah mendapat sokongan yang sewajarnya dari setiap anggota masyarakat Malaysia. Kejayaan Tahun Melawat Malaysia merupakan kejayaan bagi semua.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia serta agensi-agensi Kerajaan yang lain telah menyusun beberapa program sama ada yang berbentuk kesenian mahupun keilmuan bagi memenuhi tuntutan Tahun Melawat Malaysia. Di antara program-program yang telah disusun ialah Pesta Kesenian Asia, Perhimpunan Penyair-penyair Asia, Pameran Tamadun Islam Sedunia, Kem Muzik Remaja Sedunia, Kejuaraan Silat Kebangsaan, Pesta Wau Antarabangsa, Pesta Permainan Rakyat Malaysia, Pesta Kraftangan, Pertandingan Gasing Kebangsaan, Pesta Buah-buahan Tempatan dan lain-lain. Kesemua program-program ini bertujuan menampilkan keunikan dan keindahan negara serta ketinggian bidang keilmuan. Program-program sebegini disusun dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

TAHANAN POLIS—SIKAP PEGAWAI

33. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai apa-apa rancangan untuk mencegah pegawai-pegawai polis daripada bersikap cuai dan melakukan kekerasan terhadap orang-orang tahanan yang berada dalam tahanan polis; juga nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan lokap-lokap dan pusat-pusat remand polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah sebilangan yang kecil sahaja pegawai polis bersikap cuai dan melakukan kekerasan terhadap orang-orang tahanan yang berada dalam tahanan polis. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil perhatian akan perkara ini dan di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) anggota-anggota yang bertugas diberi penerangan dan amaran yang jelas supaya lebih berhati-hati, berwaspada serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab;
- (ii) memperbaiki keadaan lokap supaya lebih kukuh lagi dan menambah lokap-lokap baru untuk mengatasi masalah kesesakan lokap;
- (iii) mempertingkatkan cara penyiasatan supaya lebih profesional;
- (iv) mengambil tindakan tegas ke atas anggota yang cuai dan melakukan kekerasan.

Beberapa langkah-langkah juga diambil untuk memperbaiki keadaan lokap ialah dengan membaiki keadaan lokap supaya lebih kukuh dan membina lokap-lokap baru untuk mengatasi masalah kesesakan di lokap-lokap tertentu.

TAMBAK KEDUA JOHOR—SINGARURA

34. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya mengapa tawaran tidak dipanggil untuk mengemukakan cadangan-cadangan membina Tambak (Link) kedua antara Johor—Singapura, mengapakah sebuah Konsortium yang dikepalai oleh UEM dipilih dan diberi tugas mengemukakan cadangan-cadangan dan sama ada Konsortium tersebut juga dipilih untuk membina Tambak (Link) kedua ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhat Wan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak Kerajaan belum lagi membuat keputusan sama ada atau tidak lintasan kedua (second link) di antara Johor dan Singapura dibina.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pihak UEM merupakan pihak swasta yang pertama sekali mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk membuat kajian mengenai projek ini dan akan dilakukan di atas perbelanjaan sendiri, maka pihak Kerajaan bersetuju memberi kebenaran kepadanya untuk melaksanakan kajian tersebut, dengan syarat ianya tidak melibatkan sebarang komitmen oleh pihak Kerajaan.

Mengenai tawaran pembinaan lintasan kedua, perkara ini tidak timbul pada masa sekarang. Kerajaan belum lagi membuat keputusan sama ada untuk melaksanakan atau tidak projek ini.

PELANCONG MELAWAT MALAYSIA

35. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menjelaskan bermulanya dari 1 Januari 1990 hingga 15hb Februari, 1990 berapa ramai pelancong-pelancong telah melawat ke negara kita dan dari mana yang ramai sekali datang ke negara kita dalam tempoh tersebut.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Imigresen pada masa ini sedang mengumpulkan maklumat mengenai bilangan pelancong yang datang ke Malaysia.

PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLETAKAN SENJATA

36. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat persetujuan perletakkan senjata oleh Parti Komunis Malaya yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jawapan yang menyentuh perkara yang sama telah pun diberikan semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada hari Selasa, 27 Februari 1990.

INDUSTRI PERIKANAN DI SABAH

37. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) oleh sebab Potensi Industri Perikanan di Sabah sangat mengalakkan, adakah Kementerian bercadang untuk menggalakkan dan melonggarkan pemberian lesen-lesen penangkapan laut dalam di negeri Sabah; dan
- (b) oleh sebab sumber-sumber lautan di Sabah amat mengalakkan, untuk pasaran luar, dapatkah Kementerian memenuhi kehendak pengusaha industri perikanan untuk melonggarkan lesen eksport seperti ikan, ketam dan sea cucumber di mana permintaan luar amat menggalakkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Kementerian Pertanian memanglah menggalakkan pembangunan perikanan laut dalam di negeri Sabah. Adalah didapati bahawa peraturan perikanan

yang sedia ada tidak menghalang pembangunan industri tersebut di negeri itu. Sehingga kini bilangan permohonan lesen baru untuk menangkap ikan di perairan laut dalam di Malaysia Timur (termasuk Sabah) telah meningkat.

- (b) Kementerian selaras dengan usaha untuk mendapatkan harga yang terbaik bagi nelayan dan untuk mempertingkatkan enterpris perikanan, menggalakkan pengeksporan ikan. Walau bagaimanapun, bentuk kawalan tertentu harus dikenakan. Lesen akan dikeluarkan kepada pengusaha yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan pengeluaran lesen.

DATUK DR JEFFERY KITINGAN—SIASATAN BPR

38. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Datuk (Dr) Jeffery Kitingan benar-benar melawat Amerika Syarikat pada bulan Oktober/November, 1989; jika tidak mengapa pihak BPR tidak menjawab kenyataan Pegawai Perhubungan Yayasan Sabah yang mendakwa bahawa Datuk (Dr) Jeffery telah melawat Amerika Syarikat dan keluaran dan kemasukannya di cop dengan teliti di dalam pasport Malaysiannya; jika ini benar, mengapakah pihak BPR membuat kenyataan palsu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Semasa siasatan awal, Badan Pencegah Rasuah pada mulanya difahamkan bahawa Datuk Dr Jeffery Kitingan tidak melawat Amerika Syarikat pada bulan Oktober/November 1989. Walau bagaimanapun selepas memerhati pasportnya, Badan ini mendapati beliau ada membuat lawatan

ke Amerika Syarikat tetapi lawatan beliau itu tidak ada kaitan langsung dengan kes yang disiasat.

PENANAM PADI—KERUGIAN AKIBAT KEMARAU

39. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pertanian menyatakan;

- (a) jumlah padi dan kes kerugian penanam-penanam padi di Kedah dan Perlis akibat kemarau teruk baru-baru ini di negeri-negeri ini;
- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu penanam-penanam padi ini yang mana tanaman padi mereka ini rosak akibat dari kemarau teruk ini; dan
- (c) apakah rancangan-rancangan jangka panjang, jika ada untuk memastikan bahawa penanam-penanam padi tidak akan mengalami kerugian di masa-masa hadapan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Di Kedah dan Perlis, kawasan tanaman padi boleh dibahagikan kepada dua kawasan iaitu kawasan jelapang padi yang diurus oleh Lembaga Pertanian Muda (MADA) dan kawasan di luar jelapang padi atau kawasan di luar MADA. Dengan pengawalan dan pengurusan air yang baik oleh MADA, tanaman padi di kawasan MADA tidak mengalami kerosakan tanaman daripada kemarau yang melanda negeri-negeri di utara dalam musim tanaman 1989/90 ini. Di kawasan luar MADA pula, hanya skim-skim di luar skim pengairan Jabatan Pengairan dan Saliran sahaja yang terlibat dengan kerosakan akibat

daripada kemarau ini. Kawasan-kawasan ini kebanyakannya menanam padi sekali setahun dan hanya bergantung kepada hujan untuk mendapatkan bekalan airnya.

Di Kedah, luar kawasan padi yang dianggarkan rosak akibat daripada kemarau adalah seluas 2,968 hektar dan melibatkan 2,713 orang petani. Jumlah kerugian yang ditaksirkan dialami oleh petani-petani adalah sebanyak \$4.3 juta.

Manakala di Perlis pula seluas 552 hektar memperolehi hasil yang berkurangan akibat kemarau yang melibatkan seramai 462 orang petani. Jumlah kerugian ditaksirkan sebanyak \$234,977.

- (b) Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh petani-petani. Salah satu cara ialah dengan memberi pertimbangan untuk menghapuskan faedah yang dikenakan dan menjadualkan balik bayaran pinjaman-pinjaman mereka.

Sebagai rancangan masa panjang kawasan-kawasan yang ditanam sekali setahun ini dirancang untuk ditukar corak tanaman selain daripada padi yang tidak memerlukan sumber air yang banyak. Tumpuan tanaman padi akan hanya diberikan kepada lapan kawasan jelapang padi negara sahaja dan adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa kawasan-kawasan padi yang ditanam sekali setahun ditukar kepada tanaman lain. Namun demikian, Kerajaan tidak akan menghalang sekiranya petani ingin terus mengekalkan tanaman padi

mereka tetapi kemudahan infrastruktur yang sedia ada tidak akan dinaikkan taraf.

PERDANA MENTERI SINGAPURA YANG BARU

40. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Luar Negeri menyatakan Singapura akan mempunyai Perdana Menteri baru menjelang akhir tahun ini, oleh yang demikian minta Perdana Menteri menyatakan pandangan dan langkah-langkah akan diambil untuk menyesuaikan perkembangan baru yang akan datang ini, khususnya di serantau ASEAN dan Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji maklum perubahan kepada pucuk pimpinan sesebuah negara adalah perkara yang lazim berlaku. Demikian juga akan berlaku di Singapura. Dalam hal ini Encik Goh Chok Tong yang akan menggantikan Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah menyatakan ia akan meneruskan dasar berbaik-baik dan bekerjasama dengan negara-negara serantau dan dengan Malaysia khususnya. Perubahan pucuk pimpinan di Singapura itu difahami tidak akan membawa perubahan dalam dasar luarnya. Oleh yang demikian, saya berpendapat dalam kita mengikuti perkembangan ini tidaklah perlu di peringkat ini kita membuat sebarang perubahan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

MINYAK KELAPA SAWIT— KHASIAT

41. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kadar khasiat yang terkandung di dalam minyak kelapa sawit secara terperinci melalui media massa. Sila nyatakan sama ada

Kementerian telah mengadakan sebaran maklumat yang terperinci mengenai khasiat minyak kelapa sawit berbanding dengan minyak sayur-sayuran yang lain seperti kacang soya. Jika belum bilakah sebaran seperti itu akan dilakukan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Minyak kelapasawit adalah unik dan mempunyai ciri-ciri kebaikan yang sukar ditandingi. Khasiatnya tidak hanya terhad kepada bidang pemakanan sahaja bahkan juga meliputi bidang perubatan. Ini kerana minyak kelapa sawit bukanlah merupakan sejenis minyak tepu (saturated) sepenuhnya tetapi lebih tepat dikenali sebagai minyak separa tepu (semi-saturated) kerana mengandungi kadar lemak tepu dan tidak tepu yang hampir sama. Minyak ini kaya dengan Vitamin A mengandungi 50 kali lebih Beta Karotene daripada lobak merah dan 500 kali lebih dari tomato serta juga kaya dengan Vitamin E yang merupakan agen yang mencegah pengeluaran kolestrol dan menghalang kejadian kanser. Di samping itu minyak kelapa sawit merupakan satu-satunya minyak yang bebas dari kolestrol (18 bahagian per juta)

Penemuan-penemuan khasiat minyak kelapa sawit hasil daripada penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di dalam dan di luar negeri telah pun diberi publisiti oleh PORIM melalui media-massa bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negeri. Di samping itu, sekurang-kurangnya 53 artikel khasiat pemakanan minyak kelapasawit telah ditulis oleh ramai penulis termasuk pakar-pakar penyelidikan PORIM telah diterbitkan di dalam surat-surat khabar, majalah-majalah di antara tahun 1987 sehingga 1989.

Berbagai-bagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membanteras tuduhan-tuduhan dan dakyah-dakyah palsu terhadap minyak

kelapa sawit berbanding dengan minyak sayuran yang lain khususnya minyak kacang soya. Pihak industri dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Utama seperti PORIM dan PORLA telah pun mengadakan berbagai-bagai seminar, forum, kempen promosi di dalam dan di luar negeri dalam usaha untuk membuktikan hakikat yang sebenarnya berkenaan minyak kelapasawit. Di samping itu, pihak industri juga telah menubuhkan Majlis Galakan Minyak Kelapasawit Malaysia (MPOPC) sebagai satu langkah ke arah meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi minyak kelapa sawit di luar negeri. Sungguhpun langkah-langkah sedemikian telah berjaya mengawal dan menyangkal berita-berita yang mengelirukan perihal minyak kelapa sawit akibat dari propaganda yang dimulakan oleh ASA melalui kempen anti minyak tropikanya, tindakan-tindakan lanjut perlu diambil untuk menghapuskan sebarang persepsi yang negatif di kalangan pengguna dan menggantikan dengan keadaan sebenar.

BIASISWA PELAJAR— PERUNTUKAN

42. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah yang telah diperuntukkan oleh Kementerian untuk membiayai biasiswa pelajar di dalam dan di luar negeri mengikut jurusan bagi tempoh 1985 hingga hari ini; dan
- (b) bilangan pelajar yang berjaya mendapatkan biasiswa pendidikan ke tahap pengajian lebih tinggi di dalam dan di luar negeri mengikut jurusan bagi tempoh 1985 hingga hari ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Berhormat,

- (a) Peruntukan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan untuk

pengajian di peringkat ijazah di dalam dan luar negeri bagi tempoh 1985 hingga 1989 adalah berjumlah \$151.9 juta. Semua pelajar ini mengikuti kursus jurusan Sains dan Sastera yang perlu dalam bidang Perguruan.

- (b) Bilangan pelajar yang ditawarkan Biasiswa Kementerian Pendidikan untuk pengajian Sains dan Sastera di peringkat Ijazah di dalam dan luar negeri bagi tempoh 1985 hingga 1989 adalah seramai 2,838 pelajar.

SIARAN LANGSUNG MESYUARAT PARLIMEN DI TV

43. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang menyiarkan perjalanan Majlis Mesyuarat Parlimen melalui RTM. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Soalan No: 43 telah dijawab pada 27/02/90 dalam Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan No: 2 dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

MINYAK KELAPA SAWIT— PENGELUARAN

44. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah strategi Kementerian bagi mengawal industri kelapa sawit negara untuk mengatasi masalah:

- (i) pengeluaran yang begitu banyak;
- (ii) kempen anti-minyak kelapa sawit;

- (iii) saingan daripada pengeluar minyak kelapa sawit dari negara jiran yang dijangka sengit; dan
- (iv) bertukarnya pasaran terbesar minyak kelapa sawit negara ini daripada India kepada Singapura.

Dato' Alias bin Md. Ali: Peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia dari setahun ke setahun yang dijangka berterusan untuk beberapa tahun yang akan datang, adalah sebenarnya bertepatan dengan Dasar Pertanian Negara dan tidak harus dianggap sebagai suatu masalah. Pengeluaran minyak kelapa sawit mentah Malaysia dijangka meningkat menjadi kira-kira 8.5 juta tan metrik menjelang tahun 2000 berbanding dengan 6.05 juta tan metrik pada tahun 1989 dan hanya 2.57 juta tan sahaja pada tahun 1980. Oleh itu adalah jelas peningkatan pengeluaran di tahun-tahun akan datang tidaklah begitu ketara. Dari segi pasaran pula, sedangkan pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia dijangka akan bertambah sebanyak kira-kira 2.5 juta tan metrik dalam masa 10 tahun yang akan datang, permintaan untuk bahan-bahan minyak dan lemak dalam pasaran dunia dijangka akan bertambah sebanyak kira-kira 25 juta tan metrik, hasil dari penambahan penduduk dunia dan peningkatan pendapatan. Dengan prospek permintaan jangka-panjang yang cerah dan sokongan usaha galakan pasaran yang gigih, Kerajaan yakin bahawa prestasi eksport perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia akan terus meningkat dalam tahun-tahun yang akan datang.

Mengenai masalah kempen anti-minyak kelapa sawit, kedudukan perkara itu telah dijelaskan ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 28hb Februari 1990.

Mengenai persaingan, sama ada dari negara-negara jiran atau negara-negara

pengeluar minyak dan lemak yang lain, ianya harus dianggap sebagai suatu perkara biasa dalam sebarang bidang aktiviti ekonomi. Untuk menghadapi hakikat persaingan itu, perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia harus melaksanakan langkah-langkah untuk menambah kecekapan dan meningkatkan produktiviti. Pihak Kerajaan akan terus menyokong usaha-usaha sektor swasta ke arah itu dan melaksanakan langkah-langkah tertentu, di antaranya seperti berikut:

- (i) Melalui PORIM, menyelidiki cara-cara untuk mengawal dan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kadar hasil (yield);
- (ii) Mengatasi sesakan-sesakan (bottlenecks) seperti kekurangan tenaga buruh;
- (iii) Terus memperbaiki kemudahan infrastruktur seperti jalanraya dan pelabuhan; dan
- (iv) Meningkatkan usaha promosi, termasuk melalui penghantaran misi-misi ke luar negeri, penubuhan Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapa sawit dan menggiatkan khidmat nasihat teknikal kepada para pengguna.

Mengenai pertukaran pasar terbesar minyak kelapa sawit daripada India kepada Singapura, Kerajaan memang sedar akan perkara ini. Sungguh pun Kerajaan berasa kecewa sedikit dengan perubahan ini memandangkan langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk memajukan hubungan-hubungan perdagangan di antara Malaysia dengan India, pasaran India termasuk juga negara-negara lain di dalam benua kecil India masih dianggap sebagai penting bagi industri minyak kelapa sawit Malaysia. Oleh itu Kementerian Perusahaan Utama merancang untuk menghantar satu misi minyak kelapa sawit peringkat Menteri ke benua kecil

tersebut pada akhir tahun ini. Di samping itu suka juga saya menyatakan iaitu perbandingan di antara India dan Singapura sebagai pasaran bagi minyak kelapa sawit Malaysia tidaklah begitu tepat. Ini kerana Singapura merupakan pusat pemunggahan (transshipment) bagi bahan tersebut dan bukan sebagai pasaran destinasi terakhir (final destination).

LORI BAWA MUATAN LEBIH

45. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar atau tidak bahawa kebanyakan lori-lori membawa muatan lebih dari had dan begitu juga lajunya yang menimbulkan masalah pada pengguna-pengguna jalan yang lain. Kalau sedar apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kementerian Pengangkutan menyedari bahawa terdapatnya lori-lori muatan lebih dari had yang dibenarkan dan juga memandu dengan laju sehingga menimbulkan masalah pada pengguna-pengguna jalan yang lain. Masalah membawa muatan lebih mempunyai hubungkait dengan faktor ekonomi di mana pengusaha-pengusaha lori berpendapat akan memperolehi faedah atau keuntungan yang lebih jika membawa lebih banyak muatan bagi setiap trip perjalanan. Dengan menyedari masalah ini dan mengambil kira faktor-faktor keselamatan jalanraya, keupayaan lori-lori membawa muatan yang lebih banyak serta juga kekuatan permukaan jalanraya yang sedia ada, Kerajaan telah pun meluluskan kenaikan had muatan atau beban gandar bagi membolehkan lori-lori membawa muatan yang lebih dengan hanya perlu membuat sedikit perubahan struktur gandar pada lori-lori yang sedia ada. Kenaikan had muatan

yang dibenarkan diharapkan dapat mengatasi masalah lori-lori membawa muatan melebihi had yang dibenarkan. Walau bagaimanapun jika masih terdapat juga lori-lori membawa muatan lebih dari had yang dibenar walaupun had beban gandar telah dinaikkan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas lori-lori ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Jabatan Kerja Raya sedang membina beberapa buah tititimbang di jalan-jalan Persekutuan di seluruh Malaysia bagi tujuan mengenalpastikan lori-lori yang membawa muatan lebih setelah pertambahan had beban gandar diluluskan oleh Kerajaan.

Mengenai lori-lori yang dipandu laju yang boleh menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna jalan yang lain pula, Kementerian Pengangkutan pada masa kini sedang mengkaji untuk menguatkuasakan bersama polis peruntukan seksyen yang terdapat di dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan untuk menggantung permit kenderaan perdagangan yang dipandu laju melebihi had laju yang dibenarkan sama ada untuk kenderaan ataupun untuk jalan. Bagi pemandu-pemandunya pula lesen vokasionalnya akan digantung atau dibatalkan. Pada masa ini pihak polis ada menjalankan penguatkuasaan perangkap laju termasuk lori-lori yang dipandu laju melebihi dari had laju di badan lori berkenaan.

PERUNTUKAN PERUSAHAAN AWAM BUKAN KEWANGAN

46. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) amaun peruntukan Persekutuan kepada Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) bagi

1988 dan 1989 dan amaun kerugian yang dialami oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan sehingga akhir 1989 dan bilangan perusahaan tersebut yang terlibat;

- (b) bilangan PABK yang mengalami kerugian yang telah dibubarkan sehingga akhir Januari 1990 dan berapa banyak yang telah diswastakan sehingga tarikh tersebut; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi, mengkaji dan menganalisa prestasi semua PABK dan bagaimana berkesan langkah-langkah ini.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Jumlah peruntukan Persekutuan yang disediakan untuk Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) pada tahun 1988 ialah sebanyak \$748.61 juta sementara untuk tahun 1989 ialah sebanyak \$755.27 juta. Sehingga akhir tahun 1989, jumlah kerugian semasa yang dialami oleh PABK ialah \$1,099.6 juta. Jumlah PABK yang terlibat ialah 286 buah.
- (b) Sehingga akhir Januari 1990, bilangan PABK yang mengalami kerugian dan telah dibubarkan ialah sebanyak 69 buah, sementara itu 30 buah PABK pula telah diswastakan.
- (c) Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi, mengkaji dan menganalisa prestasi semua PABK dengan berkesan termasuklah:
- (i) Pembentukan Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (UPPM) dalam tahun 1985 sebagai suatu pusat pengumpulan data-data

- keuangan, operasi dan lain-lain lagi mengenai semua PABK dan syarikat-syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti;
- (ii) Pembentukan Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan di Kementerian Kewangan dalam tahun 1986 untuk menjalankan analisa terperinci ke atas PABK-PABK yang menghadapi masalah dan seterusnya untuk melaksanakan langkah-langkah sewajarnya untuk memulihkan atau untuk membubarkan PABK-PABK tersebut;
- (iii) Pembentukan Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan dalam tahun 1989 untuk mengenali masalah-masalah yang dihadapi oleh PABK-PABK dan seterusnya membuat keputusan-keputusan tegas seperti:
- (a) Cara-cara memulih PABK yang menghadapi masalah;
- (b) Langkah-langkah penutupan dan pembubaran PABK-PABK tertentu; dan
- (c) Penswastaaan PABK-PABK tertentu.
- (iv) Hasil daripada pembentukan ketiga-tiga badan tersebut, pengawasan dan penganalisaan yang rapi telah dijalankan ke atas PABK-PABK yang mengalami masalah dan beberapa langkah telah diambil untuk membaikpulih PABK-PABK tersebut. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:
- (a) Langkah-langkah pertukaran pengurusan telah dilaksanakan dalam beberapa PABK-PABK untuk meningkatkan kecekapan operasi mereka. Di antara PABK yang terlibat ialah PROTON dan Perwaja Trengganu Sdn. Bhd.;
- (b) Langkah-langkah penyusunan semula kewangan dan rasionalisasi operasi. Di antara PABK yang terlibat ialah Perwaja dan Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL);
- (c) Pembiayaan semula hutang dan penambahan modal baru untuk menguatkan lagi struktur kewangan PABK-PABK berkenaan;
- (d) Langkah-langkah mengswastakan beberapa PABK-PABK. Di antara PABK yang terlibat ialah CIMA; dan
- (e) Langkah-langkah penutupan beberapa PABK-PABK kecil dan sederhana yang mengalami kerugian berterusan.

**HOSPITAL BESAR DUCHESS
OF KENT—SANDAKAN
KEMUDAHAN**

47. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekotoran di Duchess of Kent hospital di Sandakan di mana katil, tandas, bekalan air dan keadaan net nyamuk di wad rawatan intensif di mana pesakit-pesakit yang mengidap sakit disentri ditempatkan dalam keadaan amat buruk; sila nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan Chua Jui Meng: Tindakan sedang dan akan diambil oleh pihak Hospital Besar Duchess of Kent Sandakan, untuk memperbaiki tandas, bilik mandi dan mengganti katil lama dan net nyamuk di hospital ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak \$1,034,000 telah dibelanjakan dalam tahun 1989 untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan fizikal di hospital ini. Bagi tahun 1990 sebanyak \$120,500 telah diuntukkan untuk kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian di hospital ini.

**INDUSTRI KELAPA SAWIT—
MEMPERKUKUHKAN**

48. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan lagi industri kelapa sawit daripada persaingan yang hebat dari Indonesia sebagai pengeluar utama dunia barangan tersebut pada masa akan datang;
- (b) apakah kesan-kesan yang mungkin berhasil daripada pelaksanaan langkah-langkah ini ke atas pasaran dunia dan pengeluar tempatan; dan

sebaliknya, pengaruh faktor-faktor luaran dan dalaman yang mungkin menghadkan kejayaan usaha-usaha tersebut mencapai matlamat utama mereka;

- (c) jika Kerajaan masih belum memulakan usaha-usaha sedemikian, mengapa. Bilakah Kerajaan akan mula mencari ikhtiar supaya negara kita tidak tercicir daripada kedudukan sebagai pengeluar utama kelapa sawit di dunia; dan
- (d) berkenaan dengan persaingan dari Indonesia; adakah ancaman negara ini di bidang pengeluaran getah akan juga dapat diatasi.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Langkah-langkah untuk memperkukuhkan industri minyak kelapa sawit Malaysia telahpun dijawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya pada 28 Februari 1990.
- (b) Mengenai hasil langkah-langkah yang dilaksanakan itu, sukacita saya memaklumkan seperti berikut:
 - (i) Pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia telah meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 8.9% setahun di antara tahun 1980-1989 sehingga mencapai 6.05 juta tan metrik. Adalah dijangka pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia akan terus meningkat kepada kira-kira 8.5 juta tan metrik menjelang tahun 2000;
 - (ii) Prestasi eksport perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia juga terus meningkat dari setahun ke setahun. Dari jumlah

2.27 juta tan metrik minyak sawit dan 219,000 tan metrik minyak isirong sawit dengan jumlah nilai \$2.9 ribu juta pada tahun 1980, eksport barangan yang berkenaan telah meningkat kepada 5.2 juta tan metrik bagi minyak sawit dan 661,000 tan metrik bagi minyak isirong sawit dengan jumlah nilainya sebanyak \$5.6 ribu juta pada tahun 1989;

- (iii) Saya suka memaklumkan iaitu Malaysia kini bukan sahaja negara pengeksport minyak sawit yang utama bahkan juga pengeksport minyak sayuran yang utama dalam pasaran minyak dan lemak dunia. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak leka dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sehingga ini. Kita sentiasa memikirkan dan melaksanakan langkah-langkah baru untuk mempertingkatkan lagi perusahaan minyak sawit negara. Penubuhan Majlis Galakan Pasaran Minyak Sawit Malaysia pada 25 Januari, 1990 yang lalu adalah satu dari langkah-langkah ke arah tersebut.
- (c) Saya juga mahu menekankan di sini bahawa kejayaan industri minyak sawit tidak bergantung semata-mata kepada Kerajaan. Pengusaha-pengusaha sendiri harus ikut sama mencari peluang-peluang pasaran baru, teknik-teknik pengeluaran baru yang lebih "cost efficient" bagi menghadapi persaingan pengeluaran-pengeluar minyak lain. Hanya dengan cara demikian

Malaysia akan dapat mempertahankan kedudukannya di dalam industri minyak dan lemak dunia.

- (d) Mengenai industri getah pula, Malaysia masih lagi mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar dan pengeksport utama getah asli dunia. Taraf ini dijangka dapat dikekalkan sehingga beberapa tahun akan datang. Antara langkah-langkah untuk memastikan kedudukan ini ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran dan mutu melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) dalam berbagai bidang termasuk pengeluaran dan pemrosesan serta pembuatan barangan berasaskan getah.

(Soalan No. 49. Sila lihat jawapan No. 52 pada 27.2.90).

TAHUN MELAWAT MALAYSIA—KEMPEN

50. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menjelaskan tentang:

- (a) apakah langkah Kerajaan di dalam Kempen Tahun Melawat Malaysia bagi memastikan ianya berjaya;
- (b) apakah pihak Kerajaan yakin dengan jumlah hotel, chalet, motel dan lain-lain tempat penginapan di negara ini, jika pelancong bertambah sehingga kini berapa buah hotel, motel dan chalet yang disediakan di negara ini. Apakah langkah yang disediakan untuk mengatasi kekurangan tempat-tempat penginapan tersebut;
- (c) apakah strategi jangka panjang untuk menarik minat pelancong datang ke negara ini; dan

- (d) berapakah jumlah wang yang telah dijangkakan dari pelancong luar negeri bagi tahun ini.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan berusaha memastikan semua pihak, terutamanya yang terlibat di dalam industri pelancongan, serta juga rakyat jelata melibatkan diri dan memainkan peranan masing-masing di dalam menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990 dengan bersama-sama menyediakan berbagai-bagai kemudahan di bidang pelancongan. Kerajaan juga sentiasa dari masa ke semasa berusaha mengadakan berbagai kempen promosi di dalam dan di luar negeri melalui media cetak/elektronik serta pembinaan papan iklan di samping membuat liputan dan lawatan bagi memperkenalkan Malaysia ke luar negeri.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat secara keseluruhan kita mempunyai bilangan kemudahan penginapan yang mencukupi bagi para pelancong. Walau bagaimanapun kekurangan tempat-tempat penginapan berlaku di tempat-tempat tertentu pada masa-masa yang tertentu pula. Umpamanya di musim-musim cuti sekolah atau cuti-cuti perayaan/hujung minggu. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan semua pihak yang berminat, mengadakan/mendirikan tempat-tempat penginapan berupa chalet, motel, hotel, dan lain-lain di tempat-tempat yang tertentu.
- (c) Bagi mengekalkan minat para pelancong untuk datang ke

Malaysia, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan sentiasa menjalankan kempen-kempen promosi di luar negeri terutamanya di negeri-negeri yang dikenalpasti mempunyai potensi seperti Jepun, Amerika Syarikat, Australia dan Taiwan. Di samping itu Kementerian juga berusaha memperbaiki kemudahan-kemudahan awam di tempat-tempat tumpuan pelancong di samping membangunkan tempat-tempat yang baru dikenalpasti boleh menarik pelancong.

- (d) Jumlah pendapatan yang dijangkakan diperolehi daripada pelancong pada tahun ini ialah sebanyak \$2.6 ribu juta.

VIDEO LUCAH—KESALAHAN MENGEDAR

51. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah orang yang telah ditahan didakwa kerana kesalahan menonton dan mengedar video lucah. Apakah hukuman yang akan dikenakan jika seseorang terbabit dalam:

- (i) menonton video lucah;
- (ii) mengedar video lucah;
- (iii) berlakun dalam video lucah; dan
- (iv) menyimpan video lucah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahi Yang Berhormat, sejumlah 112 orang telah ditahan dan didakwa atas kesalahan menonton dan mengedar video lucah sejak 5 tahun kebelakangan ini.

- (i) bagi mereka yang sabit kesalahan mengedar dan menonton video lucah, hukumannya ialah denda tidak lebih \$10,000.00 di bawah Seksyen 15(1) Akta Filem Penapisan 1952.

- (ii) tidak ada peruntukan undang-undang yang tepat boleh diambil untuk mandakwa mereka yang bersalah berlakun dalam video lucah.
- (iii) bagi kesalahan menyimpan atau memiliki pita video lucah pula, hukumannya mengikut peruntukan Seksyen 24 (1) Akta Filem Penapisan 1952 ialah denda tidak lebih \$10,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

GURU TERLATIH DI SABAH— KEKURANGAN

52. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) keseriusan kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah di Sabah dan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan yang teruk itu;
- (b) kekurangan teruk sekolah-sekolah di Sabah dan sebab utama mengapa masalah ini berlaku dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut; dan
- (c) sama ada orang-orang tempatan akan diberi keutamaan utama dilatih sebagai guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah tersebut; jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang peka dengan kekosongan guru terlatih di sekolah-sekolah di Sabah, tetapi kekurangan ini tidaklah begitu serius sehingga ke tahap serius/genting sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan

telah, sedang dan akan sedaya upaya menampung kekurangan ini secara beransur-ansur. Bagi tahun 1989/1990 ini sahaja, seramai 187 orang guru siswazah dan 155 orang guru bukan siswazah dari Semenanjung telah ditempatkan di sekolah-sekolah di Sabah.

- (b) Di antara langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan ini termasuklah:

- (i) Menambah pengambilan pribumi Sabah sebagai guru pelatih bagi maktab-maktab perguruan di Sabah pada tahun 1989.

- (ii) Menambah bilangan calon guru pelatih (Program Rancangan Pertukaran Pelatih) dari Sabah yang dilatih di maktab-maktab perguruan di Semenanjung Malaysia.

- (iii) Mengekalkan Program Kursus Dalam Cuti (KDC) Bagi Guru Sandaran Tidak Terlatih di Sabah, walau pun program ini telah dimansuhkan di Semenanjung Malaysia.

- (iv) Menempatkan lebih ramai guru terlatih khususnya di Sabah dari Semenanjung di samping penempatan guru-guru terlatih pribumi Sabah sendiri.

- (v) Mengisi kekosongan jawatan guru terlatih dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.

- (c) Pribumi Sabah sememangnya diberi keutamaan untuk dilatih sebagai guru terutamanya di 4 buah Maktab Perguruan yang sedia ada di negeri tersebut. Selaras dengan itu, siswazah tempatan Sabah tanpa Diploma

Pendidikan dengan bantuan Yayasan Sabah digalakkan mengikuti Diploma Pendidikan di universiti tempatan. Di samping itu Kementerian Pendidikan memberi kelonggaran syarat kelayakan bagi pengambilan calon guru pelatih Sabah.

KENDERAAN MELANGGAR PERATURAN— PENGUATKUASAAN

53. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa pihak Polis dan JPJ hanya mengambil masa yang banyak mengawasi jalan-jalanraya ketika hari-hari perayaan sahaja pada hal pada masa-masa yang lain khasnya di waktu malam banyak kenderaan-kenderaan yang melanggar peraturan, kalau sedar apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Memang benar pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan pada kebiasaannya mempertingkatkan operasi penguatkuasaan di musim-musim perayaan berbanding dengan hari-hari biasa. Ini memandangkan jumlah kenderaan di jalanraya khususnya bagi kenderaan-kenderaan yang membuat perjalanan jauh atau balik kampung adalah tinggi di musim perayaan.

Ini tidak bermakna pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan kurang menjalankan aktiviti penguatkuasaan di luar musim perayaan kerana agensi-agensi berkenaan mempunyai program penguatkuasaan harian yang tersendiri di mana orang-orang awam mungkin tidak menyedarinya termasuk operasi di waktu malam. Program ini diaturkan setelah analisa dibuat terhadap perangkaan kemalangan jalanraya di seluruh negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, purata penguatkuasaan bulanan yang dijalankan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sebanyak 19 kali dalam sebulan. Manakala purata penguatkuasaan bulanan bagi bulan-bulan yang terdapatnya musim perayaan iaitu perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Hari Deepavali dan Hari Krismas adalah sebanyak 21 kali dalam sebulan. Purata penguatkuasaan bulanan yang dijalankan pada sebelah malam adalah sebanyak 9 kali sebulan.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG TERMINAL 2—PERKHIDMATAN

54. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah beliau sedar akan kesibukan dan kekurangan perkhidmatan yang terdapat di Terminal 2 di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Sebaliknya, kesunyian di Terminal 1 amat dirasakan. Ini adalah kerana Terminal 1 hanya dikhususkan kepada penerbangan antarabangsa. Apakah beliau juga sedar bahawa ramai penumpang-penumpang yang menghadapi masalah pengangkutan di antara Terminal 1 dan Terminal 2 walaupun pengangkutan disediakan. Ini adalah kerana kekurangan maklumat dan juga kelemahan kakitangan-kakitangan yang baru bertugas di lapangan terbang tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Bangunan Terminal II telah mula digunakan untuk operasi penerbangan domestik mulai 1 Disember 1989. Kerajaan memang sedar bahawa pada peringkat awal, penggunaan Terminal II telah menimbulkan beberapa masalah tertentu kepada penumpang-penumpang. Kerajaan telah mengambil keputusan menggunakan semula Terminal II kerana langkah ini dirasai dapat mengurangkan masalah kesesakan yang dialami di Terminal I

sebelum ini. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada waktu-waktu tertentu, khususnya semasa "peak hours" bangunan Terminal I mengalami masalah kesesakan yang agak teruk. Masalah kesesakan ini, jika tidak diatasi akan menimbulkan keadaan kurang selesa kepada orang ramai khususnya penumpang-penumpang.

Sejak Terminal II digunakan semula masalah kesesakan yang dialami di Terminal I sebelum ini telah dapat diatasi. Mengenai masalah pengangkutan di antara Terminal I dan II, orang awam dan penumpang boleh menggunakan perkhidmatan teksi yang dikenakan tambang \$3.00 satu perjalanan. Perkhidmatan bas secara percuma juga disediakan antara dua terminal setiap 15 minit. Matlamat Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan selesa kepada penumpang-penumpang tetap diberi penekanan. Bagi Terminal II ini, segala kelemahan-kelemahan yang timbul akan diperbaiki dan ini termasuklah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau.

PROJEK HIDRO BAKUN

55. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Pos dan Telekom:

- (a) sama ada pihak Kementeriannya sudah memutuskan tidak akan melaksanakan Projek Hidro-elektrik Bakun di Negeri Sarawak, memandangkan sudah naik ke 12 billion ringgit dari 8 billion ringgit yang asalnya dianggarkan;
- (b) apakah sudah terjadi dengan perundingan di antara pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan pihak Kerajaan Persekutuan dalam cadangan untuk mengambil alih Sarawak Electricity Supply Corporation SESCO.

Menteri Tenaga, Pos dan Telekom (Dato' Seri S. Samy Vellu): Kos sesuatu projek hanya merupakan satu daripada beberapa kriteria untuk menilaikan sama ada perlu atau tidaknya projek tersebut.

Dalam kes projek Bakun, pertimbangan perlu juga diberi kepada kos projek-projek alternatif kepada Bakun yang perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga elektrik negara pada masa hadapan dapat dipenuhi, dan lain-lain kriteria yang berkenaan.

Hasil dari pertimbangan-pertimbangan ini Kerajaan masih menganggap projek hidro Bakun sebagai satu dari alternatif yang perlu diberi pertimbangan.

Mengenai rundingan antara pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sarawak mengenai pengambilan alih SESCO, ia masih dijalankan.

PEMBELIAN ALATGANTI TUDM—PENYALAHGUNAAN KUASA

56. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertahanan menyatakan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di dalam Angkatan Tentera Udara berhubung dengan pembelian alat-alat ganti. Apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Adakah perkara serupa ini berlaku di dalam tender-tender lain di dalam Kementerian Pertahanan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Kementerian Pertahanan sepertimana Agensi-agensi/Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain akan mengambil tindakan terhadap apa-apa sahaja penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam Kementerian ini. Dalam melaksanakan tugas ini,

Kementerian Pertahanan adalah berpegang teguh kepada prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang sepertimana yang termaktub di dalam Rukun Negara. Mana-mana kakitangan yang di dapati bersalah di bawah sesuatu akta berkenaan akan dikenakan hukuman setimpal mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

HELIKOPTER NURI—SIASATAN KEMALANGAN

57. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh manakah perkembangan penyiasatan beberapa trajedi kemalangan helikopter Nuri hingga setakat ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Punca sebenar nahas helikopter yang berlaku baru-baru ini masih lagi belum dapat dipastikan dengan tepat, kerana Lembaga Penyiasatan masih lagi meneruskan penyiasatannya. Walau bagaimanapun maklumat awal menunjukkan kemalangan tersebut adalah berpunca dari keadaan cuaca yang buruk. Punca sebenar akan diketahui sebaik sahaja keputusan Lembaga Penyiasatan selesai menjelaskan siasatannya.

PENJUALAN RAHSIA KESELAMATAN NEGARA

58. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah implikasi dan kesan negatif kepada keselamatan negara berikutan penjualan rahsia keselamatan negara oleh sekumpulan pegawai-pegawai tentera kepada sesebuah negara ASEAN baru-baru ini. Dan apakah tindakan seterusnya dari segi keselamatan negara.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Walaupun maklumat-maklumat yang

telah dijual oleh sebilangan kecil anggota tentera kepada salah sebuah negara ASEAN adalah berdarjah, kejadian sedemikian tidaklah mendatangkan sebarang implikasi yang nyata oleh kerana maklumat-maklumat tersebut adalah merupakan maklumat semasa sahaja dan sudahpun diambilalih oleh keadaan sekarang (over taken by event). Walaupun demikian, untuk memastikan kejadian sedemikian tidak berulang lagi, tindakan-tindakan tertentu untuk memperkemaskan lagi keadaan keselamatan telahpun diambil.

KEBAJIKAN BEKAS ANGGOTA TENTERA

59. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah Rancangan 5 tahun untuk mengatasi masalah kebajikan bekas-bekas anggota tentera di mana mereka telah berbakti kepada negara dan bangsa.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Setakat ini belum ada suatu Rancangan 5 tahun untuk mengatasi masalah-masalah kebajikan bekas-bekas perajurit. Apa yang ada ialah suatu Program Pembangunan Bekas Perajurit yang dijalankan berterusan yang dijalankan dari tahun ke tahun di peringkat Kementerian Pertahanan melalui program Latihan Peralihan bagi anggota-anggota tentera yang akan tamat tempoh perkhidmatan mereka dalam tempoh 24 bulan sebelum tarikh akhir meninggalkan perkhidmatan tentera.

Walaupun bagaimanapun, program mengatasi masalah-masalah kebajikan bekas perajurit menjadi tanggung jawab utama Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) di mana Kerajaan telah menghulurkan bantuan secara langsung dan tidak langsung melalui Aktiviti Kutipan Derma Sempena Rayuan Hari Pahlawan Tahunan dan

juga pemberian-pemberian geran, tapak-tapak tanah perumahan dan tanah-tanah pertanian daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri. Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan juga telah membantu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) mewujudkan "Tabung Amanah PBPM—Mas" dan penubuhan sebuah syarikat dengan sumbangan daripada Syarikat Petronas dengan tujuan selain daripada memperkukuhkan tabung kewangan PBPM ini juga adalah untuk memberi bantuan-bantuan kebajikan kepada bekas-bekas perajurit.

Di peringkat Kementerian Pertahanan, Program Latihan Peralihan yang berjalan sekarang bertujuan:

- (a) Meningkatkan kemahiran bekas-bekas perajurit dalam bidang Vokasional dan Teknikal, Pertanian dan Ternakan;
- (b) Membina dan melahirkan usahawan di kalangan bekas perajurit;
- (c) Meningkatkan kemahiran pengurusan kepada bekas-bekas perajurit.

Program-program ini dijalankan melalui pengurusan dan pelaksanaan kursus-kursus/Latihan Ketukangan, Perniagaan dan Usahawan yang dijalankan di seluruh negara melalui agensi-agensi Kerajaan dan Swasta. Selain daripada itu Kerajaan juga memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada usahawan-usahawan bekas perajurit dari beberapa segi seperti, mendapatkan lesen serta permit-permit perniagaan, klinik-klinik ushawan dan bengkel-bengkel.

TELEFON DI BONGAWAN, SABAH—PERKHIDMATAN

60. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan akan

mengadakan talian dan kemudahan perkhidmatan telefon bagi kawasan Bongawan di Sabah. Adakah beliau sedar bahawa daerah kecil Bongawan sedang berkembang dengan pesat dan amat memerlukan perkhidmatan sebagai alat perhubungan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Syarikat Telekom Malaysia Berhad sebenarnya telah merancang untuk menyediakan kemudahan telefon ke Pekan Bongawan mulai pertengahan tahun 1990 dengan memasang satu ibusawat telefon yang baru dengan muatan 1000 talian.

Tarikh pelaksanaan projek ini sekarang telah terpaksa ditunda sehingga pertengahan tahun 1991 oleh kerana kontraktor yang telah ditawarkan untuk membina bangunan ibusawat berkenaan telah gagal menyiapkan bangunan itu dan pihak STM telah terpaksa mengeluarkan satu tawaran baru untuk pembinaannya.

SKYHAWK—HARGA PEMBELIAN/BAIKPULIH

61. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) harga pembelian satu kapal-terbang A-4 Skyhawk termasuk harga baikpulih;
- (b) berapakah harga yang pihak Kerajaan berhasrat hendak menjual melalui AIROD 35 kapal-terbang A-4 Skyhawk kepunyaan TUDM yang sekarang ini terdampar di Amerika Syarikat dan berapakah kos anggaran baikpulih sebelum kapal-terbang ini boleh dijual.
- (c) sama ada terdapat mana-mana pembeli yang telah menunjukkan minat. Jika ya, sebutkan siapa.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu
Bandar Abang Haji Mustapha:**

- (a) Harga pembelian sebuah pesawat A-4 Skyhawk termasuk harga baikpulih ialah M\$7.4 juta.
- (b) Harga untuk dijual tidak dapat dipastikan lagi sekarang. Kerajaan akan cuba mendapatkan harga terbaik bagi penjualan pesawat-pesawat tersebut.
- (c) Setakat ini saya difahamkan Negara Singapura, Argentina dan Chile telah menunjukkan minat mereka untuk membelinya.

**PEGAWAI AWAM
BERKKHIDMAT
DI SEMENANJUNG/SARAWAK**

**62. Tuan Bujang bin Haji Ulis minta
Perdana Menteri menyatakan:**

- (a) berapakah jumlah pegawai-pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang kini berkhidmat di Sarawak dalam:
 - (i) Jabatan Perkhidmatan Awam;
 - (ii) Jabatan Perkhidmatan Pengurusan/Pelajaran.
- (b) berapakah jumlah pegawai-pegawai dari Sarawak yang kini sedang berkhidmat di Semenanjung Malaysia;
- (c) bagaimanakah penyelarasan gaji dan elaun-elaun untuk mereka setakat ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin
bin Raja Sulaiman):**

- (a) Jabatan Perkhidmatan Awam Cawangan Sarawak telah ditutup pada 1 Januari 1990.

Bilangan pegawai dalam perkhidmatan pengurusan dan pendidikan yang berasal daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di agensi-agensi Kerajaan di Negeri Sarawak pada 30 November 1989 ialah seramai 2,170 orang.

- (b) Bilangan pegawai yang berasal daripada Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung pada 30 November 1989 ialah seramai 531 orang.
- (c) Dari segi pelarasan gaji untuk pegawai-pegawai dari Sarawak yang kini berkhidmat di Semenanjung Malaysia dan pegawai-pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang kini berkhidmat di Sarawak, mereka adalah diberi pelarasan gaji yang sama seperti pegawai-pegawai lain yang berkhidmat dengan Kerajaan sepertimana yang diputuskan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa. Mereka juga diberi elaun dan kemudahan yang sama iaitu Elaun Wilayah, kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal dua tahun sekali, kemudahan rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan dan lain-lain elaun dan kemudahan yang diberi dari satu masa ke satu masa.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan

Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Mac, 1990)

3.38 ptg.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$3.2 juta adalah untuk menampung perbelanjaan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Commonwealth (CHOGM) pada bulan Oktober, 1989. Sebanyak \$16.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$9.1 juta untuk membiayai perbelanjaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan lebuhraya dan jalan-jalan utama, membaiki/menurap semula Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya dan jalan-jalan utama dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebanyak \$3.6 juta adalah untuk membeli kain linen dan barang-barang hidangan perak bagi Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebanyak \$3.4 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) yang telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Sebanyak \$11 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.53—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menampung bayaran Emolumen RISDA. Sebanyak \$4.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.20—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan, pertukaran pegawai dan kakitangan keluar negeri dan balik, kenaikan kos utiliti Pejabat-pejabat Perdagangan di seberang laut, bayaran perkhidmatan guaman dari Amerika Syarikat berhubung dengan rayuan di Mahkamah Perdagangan Antarabangsa mengenai kes counterveiling (CVD) ke atas eksport 'Carbon Steel Wire Rock' ke Amerika Syarikat dan bayaran rawatan perubatan pegawai-pegawai dan keluarga Pejabat-pejabat Perdagangan.

Sebanyak \$3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.13—Kementerian Kehakiman untuk menampung bayaran upah pekerja sambilan, sewaan ruang pejabat di Bangunan Plaza Perangsang, Shah Alam, penyelenggaraan bangunan-bangunan Mahkamah dan tuntutan-pertukaran.

Sebanyak \$2.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) bagi memenuhi permohonan Pendahuluan Diri dari Kementerian Pertahanan di bawah Arahan Perbendaharaan 59.

Sebanyak \$900,000 dikehendaki di bawah Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk aktiviti-aktiviti di bawah Program Belia yang bertujuan melatih para belia negara dalam bidang-bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial.

Sebanyak \$887,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya untuk menampung pembelian peralatan-peralatan utama pilihanraya.

Sebanyak \$750,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.3—Jabatan Audit untuk menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan Kerajaan.

Sebanyak \$575,400 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menampung perbelanjaan dan tuntutan perjalanan pegawai-pegawai dan kakitangan yang menjalankan temuduga bayaran bil-bil elektrik, air, telefon, percetakan borang-borang SPA, penyelenggaraan komputer, alat hawa dingin dan kenderaan.

Sebanyak \$371,200 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.1—Parlimen untuk menampung perbelanjaan Majlis Perpisahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong Yang Kelapan, kos percetakan Jernal Parlimen Malaysia dan risalah mengenai Parlimen Malaysia, rawatan perubatan bagi anggota keluarga Ahli Parlimen dan perbelanjaan Ahli Parlimen Malaysia ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ke 44 di New York.

Sebanyak \$205,400 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.32—Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menampung bayaran tunggakan Emolumen berikutan penyelarasan gaji kakitangan Kerajaan.

Sebanyak \$72,300 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.24—Jabatan Perpustakaan Negara untuk membiayai perbelanjaan membekal koleksi buku-buku dan terbitan-terbitan Malaysia ke Universiti Ohio, Amerika Syarikat dan pembelian alat-alat

kelengkapan komputer bagi Unit Prosesan Data.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1989 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1990 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A/Tahun 1990.

Tuan Yang di Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1989.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil 3) Tahun 1989 adalah berjumlah \$313,781,200. Dari jumlah tersebut sebanyak \$313,781,160 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$40 adalah peruntukan tanda bagi perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan peruntukan bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian, Jabatan adalah seperti berikut:-

Sebanyak \$250 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28—Perbendaharaan untuk membiayai penyusunan semula Syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.

Sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.26—Kementerian Pendidikan. Daripada jumlah tersebut \$10 juta adalah untuk membiayai kos pembinaan bilik-bilik darjah tambahan KBSM bagi mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah, kerja-kerja penyenggaraan sekolah-sekolah dan kerja-kerja kecil, menyediakan kemudahan sukan di Sekolah-sekolah Menengah.

Bakinya sebanyak \$40 juta adalah untuk menampung bayaran kemajuan kerja-kerja membina Kampus Tetap Universiti Utara Malaysia. Sebanyak \$9.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.45-Kementerian Buruh untuk membiayai pembayaran alat-alat kelengkapan Instituti-institusi Latihan Perindustrian Alor Setar, Melaka dan Kuantan.

Sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.7—Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek pembangunan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Yang lain adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuk peruntukan tanda di bawah Maksud P.17—Kementerian Belia dan Sukan, Maksud P.18—Kementerian Perusahaan Utama, Maksud P.19—Kementerian Pertanian, Maksud P.22—Muzium Negara, Maksud B.42—Jabatan Percetakan Negara dan Maksud P.47—Kementerian Pengangkutan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1989 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Ketiga) 1989 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1989

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$313,781,200 diperuntukkan daripada Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$313,781,200 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama

suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.50 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan usul yang telah dibawa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak membangkitkan dua perkara, iaitu pertama, Maksud B.17, Kementerian Belia dan Sukan di mana tambahan sebanyak \$900,000 adalah dikehendaki untuk membiayai aktiviti-aktiviti di bawah Program Belia dengan tujuan melatih para belia dalam bidang-bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial. Pertama, saya ingin mengetahui dengan lebih terperinci apakah yang dimaksudkan dengan bidang kepimpinan, ekonomi dan sosial yang memerlukan peruntukan sebanyak \$900,000 ini.

Hubungkait dengan masalah ini ialah perkara mengenai dengan peranan Kementerian Belia dan Sukan mengawasi sepertimana bidang-bidang ekonomi, terutamanya mengenai dengan perjalanan KOBENA (Koperasi Belia Nasional). Yang kita tahu

KOBENA di dalam laporannya baru-baru ini mengalami kerugian sebanyak, mengikut laporan suratkhbar, hampir \$95 juta dan juga pada masa yang sama menanggung hutang hampir \$85 juta. Mengikut dakwaan Pengerusinya sekarang bahawa kerugian di dalam KOBENA sekarang disebabkan oleh para Pengerusi ataupun Pengurus-pengurus yang lalu, tidak ada kaitan dengan soal Pengurus yang sekarang. Tetapi soal pokoknya bahawa wujudnya KOBENA sebagai suatu institusi koperasi untuk menolong dan menyemai kegiatan ekonomi di kalangan para belia sudah lama berada di bawah pengawasan Kementerian Belia dan Sukan, bukan soal Pengurus sekarang ataupun Pengurus dahulu.

Soal untung-rugi dalam perniagaan memang soal perkara biasa. Kita akui hakikat itu ada waktu untung dan ada waktu rugi, tetapi kerugian yang hampir \$90 juta lebih ini dibiarkan begitu lama sehingga terbongkar baru-baru ini baru hendak diambil tindakan, suatu yang saya percaya tidak bertanggungjawab, terutamanya kepimpinan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, terutamanya dalam soal mengenai dengan KOBENA ini sebab ianya bukan sedikit, bukan sahaja secara tidak langsung Kerajaan yang menyokong membiayai ataupun memberi geran kepada KOBENA, tetapi juga kepada para belia yang menjadi ahli kepada koperasi tersebut.

Saya ingin menarik perhatian di sini malah di bawah pengurusan sekarang sesudah bertukar tangan walaupun mungkin kerugian yang berlaku tidak di bawah pengurusan ataupun Pengerusi yang ada sekarang, tetapi mengikut dakwaan dan ada bukti yang menunjukkan bahawasanya dalam tempoh yang singkat berlaku juga penyelewengan ataupun salahguna wang yang sepatutnya digunakan untuk tujuan perniagaan, tetapi digunakan untuk tujuan lain, termasuk juga dari

segi pembiayaan Pengerusi dengan lain-lain kegiatan yang tidak ada sangkut-paut dengan kegiatan perniagaan KOBENA. Apa akan jadi kepada kepentingan ahli, kepada kepentingan para belia yang dikatakan hendak melatih para belia dalam bidang ekonomi.

Hari ini \$900,000 lagi tambahan diperlukan, manakala selama ini sudah gagal dan pada masa yang sama timbul cadangan untuk menubuhkan satu koperasi baru, Koperasi Belia Pembangunan. Negara yang baru, walaupun belum didaftar, sudah mula bercadang untuk mengutip wang daripada ahli-ahli dan Menteri Belia dan Sukan buat kenyataan bahawasanya Kerajaan akan beri ataupun akan bantu atau tolong dengan \$10 juta 'soft-loan'. Apakah ini bertujuan untuk menutup kegagalan KOBENA? Bagaimana dengan kerugian, bagaimana dengan hutang yang ditanggung oleh KOBENA ini?

Maka sebab itu oleh kerana adanya syak bahawasanya berlaku penyelewengan yang tidak diguna wang tersebut untuk tujuan kegiatan perniagaan dan melatih para belia sebenarnya, baru-baru ini terdapat di kalangan Pemuda membuat aduan Polis bersabit dengan pengurusan KOBENA ini. Kita serah dan kita harap pihak Polis menyiasat bersabit dengan aduan ini. Tetapi dalam masa yang sama ada suatu kenyataan oleh kerana yang membuat aduan itu terdiri di kalangan Pemuda 46 yang kebetulan saya jadi Ketua, ada salah satu soalan ataupun satu kenyataan pada hari yang sama kononnya salah seorang buat kenyataan mereka hendak siasat pula sewaktu saya menjadi Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sama ada saya sudah salahguna kuasa ataupun tidak.

Dalam Dewan yang mulia ini saya hendak buat pengakuan dan penegasan bahawa secara terbuka saya rela disiasat kerana saya mahu juga apa yang berlaku dalam KOBENA disiasat.

Kalau dahulu saya masuk ISA dua kali tanpa pembicaraan, saya rela dengan nama Allah subhanahu wataala, jika saya melakukan kesalahan, saya bersedia masuk, apatah lagi kalau kesalahan saya itu dibuktikan melalui pembicaraan. Saya bangkitkan perkara ini ialah oleh kerana permainan untuk menutup apa yang berlaku terhadap pengurusan dalam KOBENA. Saya percaya, insya Allah, kalau didapati saya bersalah, anak saya mungkin ada orang jaga, tidak ada masalah. Tetapi saya buat kenyataan ini semata-mata kerana saya mahu melihat bahawa penyiasatan mesti dibuat terhadap KOBENA ini, sama ada pengurusan dahulu dan pengurusan sekarang dan tidak ada yang boleh lepas daripada tanggungjawab undang-undang yang telah diperuntukkan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Saya tertariklah dengan semangat sikap terbuka Yang Berhormat dari Pasir Mas yang dengan mudah membuat suatu tuduhan kepada KOBENA sebagai satu penyelewengan akibat daripada kerugian yang lebih daripada \$90 juta, kemudian Pergerakan Pemuda Semangat 46 membuat laporan kepada Polis. Mungkin saya percaya setakat hari ini amalan di negara kita apabila ada sahaja laporan Polis sudah semestinya akan diikuti dengan tindakan untuk membuat penyiasatan. Tetapi saya merasa hairan dengan sikap yang diambil oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dengan cepat mengatakan bahawa berlaku penyelewengan sedangkan penyiasatan belum lagi dibuat atau penyiasatan belum lagi disempurnakan. Apakah ini sikap yang baik yang patut ditunjukkan oleh seorang Yang Berhormat yang berwibawa, apatah lagi menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Semangat 46 yang memberitahu kepada rakyat untuk membela bangsa, membela negara dan membela agama, tetapi tuduhan dengan

mudah dibuat. Apakah Saudara sendiri sudah membuat penyiasatan, sedangkan Saudara minta pihak Polis untuk buat penyiasatan.

Kedua, Saudara mengatakan bahawa sikap terbuka Saudara, Saudara rela disiasat. Saya kira dalam negara kita pada hari ini sesiapa pun yang melakukan kesalahan tidak kira siapa, kalau ada kesalahan, tetap dia akan dibawa ke hadapan pengadilan. Apakah perkara-perkara seperti itu tidak pernah berlaku di negara kita sebab BPR sebelum daripada ini sudah banyak kes-kes yang dibawa ke hadapan mahkamah apabila mereka ada *prima facie* case, tetapi nampaknya tuduhan ini satu tuduhan yang liar sedangkan penyiasatan belum lagi dibuat. Apakah ini satu sikap dan gambaran pemikiran politik Semangat 46? (*Tepuk*)

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sememangnya perdebatan beginilah yang saya harapkan, insya Allah. Kalau itulah pandangan yang ditanya kepada saya, kalau itu penilaian, terpulang kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Saya mengatakan ada dakwaan kononnya penyelewengan, sebab itu ada laporan Polis dibuat. Memang selama ini kalau ada laporan diambil tindakan, disiasat oleh pihak Polis, tetapi kita bimbang dan takut ada pula yang dipendamkan begitu sahaja. Itu sahaja kebimbangan saya seperti apa yang dibincangkan dalam Soal-Jawab tadi mengenai dengan masalah video.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti dahulu, sedikit lagi. Selepas ini kamu pulalah!

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Apakah

selama ini Yang Berhormat dari Pasir Mas mempunyai satu prejudis, buruk sangka kepada Polis, takut kes ini dipendamkan, takut laporan ini tidak diambil tindakan, takut apa yang dibuat oleh Semangat 46 tidak dilayan oleh pihak Polis? Tidakkah itu menggambarkan satu prejudis? Kalau hendak kata pun biarlah dahulu yang Polis itu ternyata tidak ambil tindakan, baru kata. Ini belum lagi apa-apa, sudah kata. Inikah dia gambaran, saya pun rasa kesal. Dahulu semasa duduk dalam UMNO, cakap lain. Sekarang bila di luar UMNO, lain, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Betul!

Tuan Zubir bin Embong: Betul, Tuan Speaker (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Kalau setakat hendak berdebat semata-mata hendak berdebat, bukan untuk mencari kebenaran dan keadilan, sampai kiamat tidak akan sampai kepada penghujungnya. Tetapi kalau niat untuk mencari kebenaran, insya Allah, kebenaran itu akan berada di tempat yang kita cari. Jadi, soal tadi mengatakan semasa dalam UMNO bercakap lain, sekarang bercakap lain, saya bukan hendak pertahankan diri saya, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita ucap dalam Dewan Rakyat ada dalam *Hansard*. Apa yang kita berucap di luar ada direkod. Yang kita ulang berkali-kali, mana yang baik kita sokong, mana yang tidak baik, kita beri teguran.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi...

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nantilah dahulu! (*Ketawa*). Sudah tidak sabar, saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu orangnya penyabar. Jadi, saya sudah mengatakan tadi bahawasanya ada dakwaan, saya bukan tuduh menyeleweng, ada dakwaan. Dan saya tidak

ada sikap prejudis kepada Polis. Saya menyanjung tinggi kewibawaan Polis di negara kita ini. Tidak timbul soal-soal kita prejudis, cuma saya membangkitkan dalam ucapan ini hendak mengingatkan supaya penyiasatan dipercepatkan bagi melindungi kepentingan terutama para belia. Yang cepat melenting ini apa fasal—apakah kerana terlibat di kalangan beberapa anggota Pemuda UMNO dalam KOBENA ini, yang melenting cepat sangat. Tetapi soalnya, Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hendak beri jalankah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak habis lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah dahulu. Point of order 35 (1): "Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi". Dia tengok kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sahaja. Dia mesti tengok Tuan Speaker. Jadi, saya pun naik takut. Begini sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! nanti! nanti!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduk! duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sabar. Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 35 (1). Biar dia tengok Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. Hendak minta penjelasan di atas apa pula?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan di atas ucapan Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Zubir bin Embong: Bolehkah Yang Berhormat dari Pasir Mas, boleh? Fasal dia duduk, bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ucap syabas kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya tidak menafikan apa yang diucap dahulu dengan apa yang diucap sekarang, kemudian kita boleh tengok, boleh tengok apa yang tertulis. Tetapi yang saya persoalkan bukan yang tertulis, yang saya persoalkan yang tersirat. Sebab yang tersirat ketika berada dalam UMNO berbeza dengan yang tersirat ketika berada di luar UMNO. Itu sahaja. Kemudian, prejudis kepada pihak Polis. Pihak Polis sebagaimana yang saya katakan tadi belum pun lagi melaksanakan ataupun belum sempurna melaksanakan penyiasatan. Yang dia hendak minta cepat-cepat kerana apa? Apakah kerana dia tahu kalau Polis mengumumkan sewaktu hampir pilihanraya, Semangat 46 yang akan dapat untung, begitukah? Tetapi saya percaya dan saya yakin Polis akan membuat penyiasatan yang sempurna. Kenalah secara yang adil supaya ianya

memberi keadilan kepada semua pihak. Kita perlukan masa yang panjang kerana kita hendak mencari kebenaran sepertimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, tidak usah ragulah—“Apabila datang kebenaran, maka lenyaplah kebatilan”. Apa yang dibimbangkan sangat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya percaya kalau orang yang ada ketenangan yang memang menyokong serta menjunjung tinggi kebenaran, tidak akan bertindak sebagaimana Yang Berhormat dari Pasir Mas, mempolitikkan isu ini . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . .

Tuan Zubir bin Embong: . . . sudah buat laporan Polis.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat itu.

Tuan Zubir bin Embong: Fasal dia dengar maka saya bercakap ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa, saya beri dia betul-betul puas (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak teruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Terengganu yang telah memberi pandangan tadi dan sekali lagi saya menegaskan kalau pun dia hendak bahas balik, dia tidak bersetuju dengan pandangan saya, selepas ini dia boleh bercakaplah, dia hendak hentam habislah pun hentam. Cuma izinkan saya selesaikan apa yang saya hendak sampaikan di Dewan yang mulia ini. Saya katakan tadi, pertama dia kata sikap saya tadi dahulu dan sekarang berbeza. Sebab UMNO dahulu lain,

UMNO sekarang lain. UMNO lama dahulu . . . saya hendak pandang Tuan Yang di-Pertua—terlupa! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Jangan pandang kepada dia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya pandang sinilah. (*Ketawa*) UMNO dahulu lain, UMNO sekarang lain, maka sebab itu kalau hendak sebut dari segi apa yang tersirat, memang tersirat, kalau ianya perbezaan yang besar dalam soal bab itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan di sini sekali lagi, oleh kerana masalah kewibawaan Polis tadi dibangkitkan seolah-olah saya meragui. Sekali lagi saya menegaskan, saya menyanjung tinggi kewibawaan Polis dalam negara kita ini. Mengikut hemat saya, tidak ada satu Pasukan Polis dalam negara Asia dan Pasifik, lebih-lebih lagi negara kita iaitu Pasukan yang memang benar-benar cekap. Soalnya kadang-kadang timbul cekap, tidak cekap ini kalau ada campur tangan orang politik. Bila kita bercakap bab macam ini orang kata kita hendak gunakan ini sebagai isu politik.

Tadi ada disebut apakah Semangat 46 harap dengan terdedahnya benda ini cepat, akan untung sebab pilihanraya hendak diadakan sekarang. Saya orang berterus terang, kalau hendak dikata politik, politiklah, sebab kita orang politik. Sebab perjuangan kita dalam politik ialah hendak menegakkan kepimpinan yang baik, kepimpinan baik itu politik. Kalau ini disebut politik, nah inilah politiknya! Apa yang kita hendak katakan kita hendak menafikan ini bukan untuk kepentingan politik. Kalau kita dedahkan kerana kita datang daripada Semangat 46, mendedahkan sesuatu yang baik, memperjuangkan sesuatu yang baik dan dapat sambutan dan kita dapat sokongan politik, itu berjayalah kita sebab dalam politik, itu berjayalah kita sebab membangkitkan perkara seperti ini?

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh, sekali lagi saya mengatakan saya tidak menuduh. Yang saya bangkitkan tadi ialah kerana ada dakwaan, saya baca dalam surat-khabar, banyak rencana-rencana ditulis, kerugiannya begitu banyak, ada ahli-ahli belia yang menjadi ahli dan melabur walaupun sedikit menulis surat. Jadi, kita baca surat itu, kita baca artikel keluhan mereka. Jadi, sudah tentu mereka mahu perkara ini disiasat cepat. Bila disiasat cepat, kalau tidak berlaku dakwaan penyelewengan, mereka yang ada sekarang pun bersih, nama mereka pun baik, nama Kementerian Belia dan Sukan pun baik dan itu tujuannya. Bukan bererti kita hendak mengenakan mana-mana pihak—tidak. Supaya segala program untuk melatih belia dalam apa jua bidang termasuk bidang ekonomi akan mencapai kejayaan. Itu harapan kita. Bukan bererti apa yang kita bangkitkan itu politik, bangkitkan ini politik, habis tidak boleh bercakap langsung, sebab semuanya politik dan kita ini orang politik. Oleh kerana saya mengaitkan tadi soal mengenai dengan waktu saya dahulu sebab ada sedikit kenyataan disebut begitu.

Saya hanya menawarkan kalau hendak disiasat, siasatlah dan kalau kita didapati bersalah, kita sedia dihukum. Tidak ada masalah, sebab tidak ada siapa yang boleh mengatasi keluhuran undang-undang dan Perlembagaan Negara. Begitulah dan kita harap rakan-rakan lain pun bersemangat begitu. Maka sebab itu dalam soal Kementerian Belia dan Sukan ini kewajipan Menteri Belia dan Sukan menjelaskan secara terperinci sebab ada pemimpin-pemimpin dahulu dalam belia yang mengendali KOBENA ini, sekarang ini sudah berhenti dan ada juga mengatakan tidak ada kena-mengena. Naib Presiden dari Kepala Batas juga dahulu pernah mengawasi KOBENA dan juga ada yang lain-lain. Jadi, masing-masing tuduh-menuduh dan akhirnya nanti orang-orang yang

tidak ada kena-mengena terpaksa memikul tanggungjawab tersebut. Itu kasihan juga.

Tak patut, Tuan Yang di-Pertua, kewibawaan seseorang itu dicemarkan begitu. Lebih-lebih lagi Pengerusi yang ada sekarang, kita tahu pengerusi yang berwibawa tetapi oleh kerana ada dakwaan demikian maka perlu dipercepatkan siasatan, kalau cepat siasat, lagi cepat bersih nama, lagi baik untuk KOBENA, lagi baik untuk Kementerian. Tetapi tujuan kita adalah tujuan menegakkan apa yang benar, apa yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Itu mengenai dengan KOBENA. Maka, saya harap masalah ini mestilah mendapat perhatian Kementerian Belia dan Sukan menjelaskan secara terperinci sebab-sebab kerugiannya, sebab-sebab pelaburannya kenapa rugi dan masalah dakwaan-dakwaan yang dibangkitkan itu mesti dibersihkan, tanpa apa-apa prasangka, tanpa ada apa-apa niat yang tidak baik.

Kalau saya duduk dalam pihak Kerajaan pun, katalah menjadi ahli di pihak Backbenchers pun saya akan bangkitkan perkara yang sama juga untuk membersihkan nama kawan-kawan daripada dicemari dan itu sahaja proses yang boleh kita bersihkan iaitu melalui penyiasatan yang terbuka dan adil untuk semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah mengenai dengan Maksud P.26 Kementerian Pendidikan, Butiran (Projek) Universiti Utara Malaysia yang memerlukan sebanyak \$40 juta. Kita lihat kemajuannya begitu menggalakkan. Cuma saya hendak tarik perhatian supaya Naib Canselor UUM ini jangan jadi seperti Naib Canselor Universiti Malaya, kalau hendak buat perbandingan. Sebab Naib Canselor Universiti Malaya tidak patut dijadikan contoh oleh mana-mana Naib Canselor dalam universiti di negara kita ini. Biar cukup kita ada seorang

Vice-Chancellor “kongkang”. Sebab dia mengatakan profesor yang ada sekarang ini profesor “kangkung”, saya pula mengatakan Vice-Chancellor yang ada sekarang Vice-Chancellor “kongkang”—itu istilah baru yang saya sendiri proses, Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya mengatakan demikian, tidak wajar sebagai seorang Naib Canselor mana-mana universiti memberi reaksi yang begitu emosi kepada mana-mana Ahli Parlimen yang bercakap dalam Dewan yang mulia ini, tanggungjawab sebagai seorang Ahli Parlimen. Soal betul salah itu soal lain. Tetapi soal kenyataannya itu tidak wajar, menyerang membabi buta, memanggil sidang akhbar, manakala jawapan itu harus dijawab oleh Menteri Pendidikan. Dia sepatutnya memberikan jawapan atau maklumat itu kepada Menteri Pendidikan, tetapi “lebih Menteri daripada Menteri”.

Saya hendak cakap kepada Vice-Chancellor Universiti Malaya, kalau hendak jadi ahli politik, letak jawatan, turun ke dalam gelanggang politik. Dia hendak masuk mana-mana parti, itu hak dia, tetapi saya tidak bersetuju dengan cara dan sikapnya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit, bolehkah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya setuju beri jalan sebab dia yang kena ini (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah maksud hujah Yang Berhormat itu memperlihatkan bahawa Naib Canselor sekarang ini hendak jadi Menteri Pendidikan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya nampak begitu, lebih daripada Menteri Pendidikan, sikit-sikit ‘press conference’, bercakap dengan UMNO lebih banyak daripada orang UMNO

sehingga orang UMNO sendiri pun keliru. Satu kenyataan di Johor baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, dia kata “Hang Tuah ini orang samseng”. Saya tak kenalpun siapa Hang Tuah ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita pun lahir . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, betulkah dia kata begitu? Betulkah dia kata “Hang Tuah samseng”?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang betul.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Alah! (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu sahaja hendak ganggu, “alah”. Dia sebut Hang Tuah itu samseng, sebab Hang Tuah ini kononnya dahulu menerima perintah Raja melarikan Tun Teja membabi buta, maka Hang Tuah ini samseng. Tetapi bagi saya, yang pentingnya—ini orang Melaka pula.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas kerana kita tahu ada ramalan yang mengatakan kalau Semangat 46 menang, Ahli Yang Berhormatlah yang akan menjadi Menteri Pendidikan. Jadi, kalau Yang Berhormat menjadi Menteri Pendidikan, apakah tindakan yang akan Ahli Yang Berhormat lakukan terhadap Vice-Chancellor yang berkelakuan sebegini rupa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa lebih baik saya jawab bila saya sudah “jadi” betul-betul. Kalau saya “jadi” betul-betul, saya rasa Naib Canselor ini mungkin tak sampai dua hari, sebab sebagai seorang Menteri, mestilah saya tahu apa yang Vice-Chancellor buat. Ini tak tahu, alih-alih hendak tolong berdamai pula.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan. Jadi, sekarang ini Yang Berhormat Pasir Mas ini sedang menjadi Menteri Pendidikankah? (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau anggapan begitu, begitulah kira-kiranya, (*Ketawa*) begitulah kira-kiranya. Saya rasa lain macam, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa lain macam betul ini. Jadi, soalnya . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat dari Pasir Mas seolah-olah telah memperkatakan ataupun cuba hendak menunjukkan bahawa Menteri Pendidikan hari ini tidak tegas. Adakah itu, tujuan Yang Berhormat mengatakan demikian?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Batu Berendam sebab apabila saya baca kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam suratkhbar hari ini, dia kata dia hendak jadi orang tengah, hendak berdamai di antara Vice-Chancellor Universiti Malaya dengan Ahli Parlimen Marang. Ini bukan perang Iran-Iraq.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan sedikit dan pembedulan. Saya tidak mengatakan Menteri Pendidikan tidak tegas, saya hanya bertanya sama ada Yang Berhormat Pasir Mas itu menganggap bahawa Menteri Pendidikan hari ini tidak tegas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Siapa yang kata, Yang Berhormat sendiri yang kata tadi. Jadi, saya hendak jawab tadi, saya mestilah berikan dia punya preamble, mukaddimah sedikit, sebab hendak tahu tegas atau tidak tegas, jadi dia kata hendak tolong berdamai. Ini bukan soal pergaduhan.

Soalnya ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang harus mendapat perhatian dan sebagai Menteri dia kena tahu apa yang dibuat oleh Vice-Chancellor. Dia kena betulkan perkara itu, bukan hendak berdamai. Ini lebih politik daripada tugas sebagai seorang Menteri tetapi kita tak katalah kerana politik, sebab memang orang politik begitu. Tetapi soalnya sekarang ini apa yang terjadi di Universiti Malaya.

Saya bukan hendak persoalankan apa perubahan, bagaimana pemecatan, tetapi soal reaksinya itu—bercakap panggil press conference, keluar siaran dalam TV lebih hebat daripada Menteri, bercakap dengan nada yang tinggi—dan saya pun boleh ajuk cara dia bercakap, lebih camca daripada bubur. Ini menurut rakan-rakan berdekatan. Jadi, seolah-olah saya lihat apa yang jadi pada Universiti Malaya sekarang ini sudah jadi bahan gelak ketawa. Sebuah universiti yang unggul, yang terulung, yang paling lama dalam negara kita ini, yang dibina oleh salah seorang tokoh akademik yang banyak berjasa Profesor DiRaja Ungku Aziz, pada hari ini sudah jadi bahan ketawa. Saya bimbang dan takut selepas ini habis pensyarah universiti itu berhenti dari Universiti Malaya nanti, hanya tinggal beberapa kerat sahaja lagi. Ini akan terjadi di Universiti Malaysia nanti, kalau Menteri Pendidikan tidak kawal cepat-cepat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan sedikit. Kenapa banyak yang sudah berhenti, selain daripada Professor, bolehkah Yang Berhormat jelaskan bahawa banyakkah yang sudah berhenti?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sama ada ramai atau banyak pokoknya ada yang berhenti. Dan saya rasa tak perlu saya beri penjelasan kepada Yang Berhormat dari Marang, sebab dia sendiri yang menyenaraikan orang-orang yang berhenti itu. Jadi, tak

payahlah saya beri senarai lagi. Jadi, pokoknya apa yang saya bimbang, saya takut ramai lagi yang berhenti selepas ini.

Tuan Ong Tee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan serba sedikit daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Apakah pendirian Parti Semangat 46 dan Yang Berhormat sendiri tentang isu perlantikan Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan Pengajian dalam Universiti Malaya yang berlaku baru-baru ini. Dan apakah beliau bersetuju bahawa perlantikan semacam ini memanglah adil berasaskan kepada keupayaan ataupun kaliber seseorang dan juga senioritinya? Saya hendak tahu pendirian Parti beliau.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pertama, soalan saya balik kepada Yang Berhormat dari Ampang Jaya. Apakah soalan itu dibangkit sematamata kerana sentimen yang terlantik yang baru ini di kalangan orang-orang yang bukan bumiputera maka kita rasa tersinggung. Saya bukan bangkit soal bumiputera atau bukan bumiputera. Soal sikap Vice-Chancellor. Saya timbulkan isu sikap Vice-Chancellor, perangai Vice-Chancellor. Itu yang saya bangkitkan ini. Soal siapa yang patut duduk di sana, orang Melayukah, bukan Melayukah, kita sudah dengar hujah selama ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan sedikit Yang Berhormat, boleh?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Banyak sudah beri jalan ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah sedikit.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Baik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau di segi kekananan atau seniority serta kepandaian dan

sebagainya, saya kira profesor lain lebih banyak lagi yang pandai daripada Naib Canselor sekarang. Misal kata, Prof. Wang Gangwu. Prof. Wang Gangwu hari ini kalau hendak ikut dari segi kanan atau seniority, saya ingat Prof Syed yang ada itu tidak dapat jadi Naib Canselor. Jadi, beliau hari ini diakui dari segi kanannya bila ada bukti di mana Prof Wang Gangwu ini telah pergi ke Hong Kong dan juga menjadi Naib Canselor di Universiti Hong Kong. Tetapi Naib Canselor sekarang ini diletakkan sebagai Naib Canselor bukan kerana kekananan (seniority) atau kepandaianya tetapi atas sikap, kuota, kesedaran Dasar Pelajaran Kebangsaan yang mengutamakan dan memperlihatkan orang Melayu. Di sini bukanlah saya hendak katakan anti Melayu ataupun benci Melayu tetapi di segi menyahut semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan itu sendiri. Apakah pandangan saya ini menjawab kepada pandangan Yang Berhormat dari Ampang Jaya, Yang Berhormat? Sila beri jawapan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sememangnya kita tahu dalam soal perlantikan kenaikan pangkat ini ada peraturan, ada Standing Order, ada peraturan. Kita semua tahu, memang ada peraturan. Tetapi dalam soal ini, apa yang dibuat oleh Vice-Chancellor, sudahlah dia melenting, emosi cara jawab; apa yang dijawab pun keliru dan kita sendiri pun tidak faham. Itu yang saya kata tadi soal sikap Vice-Chancellor itu. Tetapi, saya boleh ambil satu contoh macam Fakulti Ekonomi, sebagai contoh.

Fakulti Ekonomi dulu Dekannya ialah Prof. Mokhtar Tamin. Ada yang layak, dan sudah lama layak kalau dia kata tidak ada yang layak iaitu Prof Dr Firdaus. Kenapa nama ini ditinggalkan? Tetapi kalaulah Dr Firdaus tidak ada, ada Profesor rakan-rakan kita daripada bukan Melayu, kita sokong. Soalnya apakah yang dilantik ini melanggar seniority orang lain.

Apakah benda itu betul-betul sebagai-mana kata Vice-Chancellor bahawa tidak ada orang lain yang senior, maka sebab itulah orang itu dilantik. Sebab itu saya bangkit soal sikap. Kita mahu semua kaum, semua pihak mengambil bahagian dalam pembangunan negara, mengisi jawatan-jawatan sesuai dengan semangat yang kita bina selama ini. Tetapi soalnya soal sikap Vice-Chancellor.

Tuan Ong Tee Kiat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Kiat: Terima kasih. Sebenarnya, saya rasa soalan saya tadi belum dijawab lagi. Sebab, Yang Berhormat dari Pasir Mas ucapan beliau cuma berkisar kepada sikap dan apa yang saya hendak tahu itu sebenarnya ada sebab musababnya. Sebab kebelakangan ini saya rasa parti Semangat 46 dan juga DAP iaitu rakan terbaharunya beria-ia benar berkempen di sana sini mengatakan bahawa meritocracy dan keperluan yang disokong oleh kedua-dua parti itu dalam penentuan dasar-dasar baik dalam bidang iktisad mahupun dalam segala-gala bidang yang lain. Itulah sebabnya saya hendak minta penjelasan, bukan kerana saya hendak bezakan bumiputerakah atau bukan bumiputera.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi. Soalnya soal merit. Pada saya merit! Kalau merit kenapa Prof Dr Firdaus tidak dilantik sesudah digugurkan Prof Mokhtar Tamin. Inilah yang susah MCA tidak faham, dulu tidak faham, sekarang tidak faham (*Tepuk*) Tidak usah hendak bermain soal sentimen perkauman. I am not chauvinist, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan chauvinist, saya bukan perkauman. Tetapi kita mahu keadilan kepada semua pihak yang mana patut didahulukan. Di mana keadilan patut diletakkan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah pandangan Yang Berhormat dari Ampang Jaya juga sama dengan pandangan daripada Ketua Pemuda MCA, Sdr Yap Pian Hon iaitu yang mengatakan bahawa saya berpandangan perkauman, berfikiran sempit, rendah pengetahuan dan sebagainya. Saya kira pandangan saya itu tidak jauh, tidak lari, sama dengan Yang Berhormat dari Pasir Mas, cuma parti sahaja lain-lain. Jadi, adakah ini kunci daripada Yap Pian Hon atau bagaimana?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu kena tanya Yap Pian Hon sendirilah. Macam mana saya hendak jawab. Tanyalah dia sendiri, saya tidak perlu jawablah dan saya tidak mahu panjangkan monologue ini, Tuan Yang di-Pertua. Cukup setakat itu, kerana saya bangkit tadi dengan niat yang baik untuk menjaga kewibawaan sesebuah universiti. Sesebuah universiti dihormati. Dan kita mahu dihormati bukan sahaja status itu dalam negara kita tetapi seluruh dunia. Dan Universiti Malaya mempunyai status itu. Tetapi dalam masa 20 bulan dengan kelakar dan gelagat Vice-Chancellor ini, segala keharuman ataupun kehebatan universiti yang ada sudah dicemar oleh Vice-Chancellor yang ada sekarang—pada pandangan saya. Sebab itu, kalau Menteri Pendidikan tegas, dia mesti hentikan sikap tingkah laku Vice-Chancellor ini ataupun dinasihatkan kalau hendak masuk politik, berhenti dan masuk politik, kalau dia hendak masuk politik. Sebab kalau terus dibiarkan begini, saya yakin jahanamlah universiti. Bukan soal yang saya bangkit tadi, saya bimbangkan polarisasi lagi banyak berlaku, dialog lagi banyak berlaku, maka pecah pula.

Sudahlah sekarang ini ada UMNO Baru, ada 46. Ini dalam universiti dengar Syed Hussein ini pula ada A, ada B pula nanti. Kita tidak mahu. Biarlah di kalangan kakitangan universiti, kakitangan Kerajaan semua sekali bersatu untuk membangun negara ini. Orang politik memang terus berjuang dengan pandangan politik masing-masing. Tetapi kita tidak boleh izinkan institusi yang termasyhur begini boleh rosak dan musnah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini hendak minta penjelasan sebab jangan jadikan institusi pengajian tinggi ini timbul masalah kedua. Pemecatan ataupun penurunan pangkat ketua-ketua jabatan ini kerana timbul beberapa masalah dari segi seniority dan kepakaran.

Saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Parlimen dari Pasir Mas apakah sudah berlaku kesilapan di atas perlantikan mereka di peringkat awal dulu sehingga sekarang baru disedari bahawa itu adalah satu perlantikan yang tidak betul. Kerana, daripada segi kebolehan dan kepakaran mereka yang tidak lengkap untuk menjadi ketua-ketua jabatan.

Yang keduanya, adakah ini akan menjadi satu teladan untuk menurunkan ataupun memecat ketua-ketua jabatan di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Kerana kalau sudah boleh berlaku di Universiti Malaya sebagai contoh, "lulus jarum, lulus kelindan." Dan kalau ini berlaku apakah tindakan yang sepatutnya dibuat sepertimana penurunan pangkat sebahagian daripada guru-guru yang terlibat dalam skim dua gaji di dalam negara hari ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Panjang tadi itu penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tinggal lagi pertama Yang Berhormat dari Bagan Serai bertanya sama ada betul atau tidak perlantikan Vice-Chancellor. Saya jawab mudah sahaja, Vice-Chancellor yang ada sekarang; tengok kepada tingkah lakunya sekarang tidak betullah. Sebab kalau dia betul tidaklah jadi macam sekarang. Riu sekali, malu! Institusi pengajian tinggi boleh jadi macam itu. University, dengan izin, pusat pengajian tinggi yang terletakinya ahli-ahli fikir, professor, yang cerdik pandai boleh jadi macam itu.

Kalau persatuan kampungkah, syarikatkah, tidaklah kisah sangat. Ini sebuah institusi pengajian tinggi jadi bahan gelak ketawa. Sehingga orang gelar; ini bukan saya yang sebut; tetapi orang gelar, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa dalam Dewan ini. Ada yang gelar, "ini betulkah Vice-Chancellor Universiti Malaya sekarang ini Vice-Chancellor/inteleks samseng" Ada orang tanya saya begitu, suruh saya komen. Akhbar pun tanya begitu. Jadi, saya kata "apa ini". Bukan soal Vice-Chancellor itu yang menjadi sasaran, nama universiti itu penting. Universiti Malaya itu harus dipertahankan. Itu yang kita hendak jaga. Dan seorang Vice-Chancellor dengan universiti tidak boleh dipisahkan.

Begitu juga pemimpin dengan negara tidak boleh dipisahkan, sebab di situlah lambang, keutuhan dan kewibawaannya.

Maka dengan sebab itu, saya berharap Menteri Pendidikan menghalusi perkara yang berbangkit ini, membetulkan sikap Vice-Chancellor ini dan diharap jangan isu ini timbul sebagai isu perkauman. Saya harap jangan jadikan ini isu perkauman, jangan sekali-kali, jangan lagi terjebak dengan isu-isu seperti ini, sebab akhirnya orang yang tidak fasal-fasal

menjadi mangsa. Yang pokok yang kita lihat, sesuatu masalah itu timbul kerana ketua—Ketua Universiti Malaya iaitu Vice-Chancellor. Maka itulah pusat dan masalahnya dan saya melahirkan rasa kesal sikap dia dengan membidas . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit, sebelum Yang Berhormat duduk. Saya difahamkan bahawa kemungkinan besar Universiti Malaya akan membuat perlantikan 3 orang Profesor bumiputera dalam masa dua tiga hari akan datang ini. Saya hendak tahu pandangan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju ataupun berpuashati jika setakat 3 orang sahaja bumiputera akan dilantik sebagai Profesor untuk menenangkan keadaan yang hangat hari ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak tahu jumlah kuota yang sebenarnya, kalau hendak tanya puas hati atau tidak puas hati. Bagi kita, kita hendak semua pihak yang berkelayakan itu diberi peluang, keadilan itu lebih penting. Itu saya tegaskan, keadilan itu lebih penting. Tetapi oleh kerana orang-orang Melayu/bumiputera dahulu, akibat daripada perbezaan yang wujud begitu lama di zaman penjajah dan sesudah kita mendapat kemerdekaan, berlaku peristiwa 13 Mei, Allahyarham Tun Abdul Razak menyusun Dasar Ekonomi Baru, hendak mengimbangkan sedikit sebanyak sesuai dengan hasrat dalam Perkara 153 Perlembagaan di mana wujudnya hak istimewa orang Melayu selain daripada dua tiga lagi perkara yang lain, maka kita harap ada ruang-ruang seperti ini untuk melatih di kalangan orang-orang bumiputera—bukan sekali-kali menidahkan pihak-pihak yang lain. Kita juga kecewa kalau ada golongan lain seperti rakyat kita yang bukan bumiputera yang ada kelayakan

diketepikan begitu juga. Tetapi pokok pangkal berbangkit ini, yang jadi macam ini kerana keadilan, cara dibuat itu tidak kena—letup sana, letup sini, bercakap dahulu sebelum buat lagi, umum sana—sini tidak buat lagi, orang itulah orang inilah, habis jadi kelam-kabut. Itu sebagai satu contoh apa yang berlaku dalam masyarakat di negara kita, sekarang pun begitu juga samalah apa yang berlaku di Universiti Malaya.

Maka sebab itu saya menekankan bahawasanya Vice-Chancellor Universiti Malaya ini menjadi tanggungjawab Menteri Pendidikan. Kalau Menteri Pendidikan berwibawa, sama ada dia kena dihentikan, suruh dia berhenti, saya ulang lagi—suruh dia masuk politik, masuk gelanggang politik, kalau dia hendak bertanding di Marang pun, boleh, melawan Ahli Parlimen Marang. Dia hendak bertanding di Pasir Mas pun, boleh, kalau dia hendak masuk menjadi ahli politik. Tetapi jangan sekali-kali merosakkan nama baik Universiti Malaya.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya sudah mengambil masa yang panjang kerana banyak gangguan tadi—bukan kerana saya. Saya selalunya bercakap pendek, straight to the point, dengan izin. Tetapi oleh kerana banyak gangguan, maka sebab itulah jadi panjang. Jadi lain kali saya harap dapat peluang lagi, jangan tengok saya bercakap panjang, tidak dapat pula, ini adalah oleh kerana gangguan.

Sekian, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar.

4.35 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kertas Perintah 1A Tahun 1990, mukasurat 7, Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan dengan

tambahan perbelanjaan sebanyak \$38,630,000, saya ingin membuat beberapa teguran terhadap Kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan yang dimaksudkan adalah untuk membeli alat-alat ganti dan penyelenggaraan kapal-kapal TLDM sebanyak \$13,630,000 dan pesawat-pesawat TUDM sebanyak \$25 juta. Saya ingin membuat beberapa teguran di dalam membeli alat-alat ganti. Kita sering dengar berbagai masalah yang menghadapi kelengkapan perang Angkatan Tentera kita. Ada kalangan yang membuat tuduhan berkenaan dengan pembelian alat-alat ganti yang tidak sesuai dengan keperluan ataupun pembelian alat-alat dengan tidak mengambil kira peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan termasuk keperluan membuat tender terhadap pembelian alat-alat yang melebihi had harga tertentu.

Kita juga sedia maklum bahawa pihak BPR telah menjalankan siasatan terhadap beberapa orang pegawai tinggi TUDM. Siasatan-siasatan seperti ini memberi gambaran bahawa kemungkinan berlakunya penyelewengan dalam pembelian alat-alat ganti oleh pihak pegawai-pegawai TUDM. Kita sangat berharap bahawa pihak Kementerian Pertahanan akan mengambil perhatian yang lebih teliti di dalam segala pembelian alat-alat perang untuk kegunaan anggota-anggota Tentera Udara kita. Kita tidak mahu melihat kejadian-kejadian kemalangan seperti yang terjadi kepada pesawat Nuri di sempadan Perak/Kelantan dan juga di Lundu, Sarawak berulang lagi atau sekurang-kurangnya sebab-sebab kemalangan yang mungkin berpunca daripada perkara-perkara teknikal dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu kerap kejadian kemalangan pesawat TUDM berlaku di akhir-akhir ini. Pihak

Kementerian Pertahanan kadang-kadang membuat penjelasan bahawa kemalangan pesawat tentera udara bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga berlaku di negara-negara lain. Kadang-kadang gambaran yang diberi seolah-olah kemalangan kepada Tentera-tentera Udara negara-negara asing adalah lebih banyak daripada apa yang berlaku di Malaysia. Perbandingan yang dibuat dengan Tentera Udara Amerika Syarikat, saya rasa, tidaklah sesuai. Sebabnya, Angkatan Udara negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, umpamanya, mempunyai kekuatan yang lebih besar. Tentera Udara Amerika Syarikat mempunyai berpuluh ribu pesawat pejuang, bukan seperti TUDM yang hanya mempunyai beberapa skuadron pesawat sahaja.

Oleh itu kemalangan berlaku di antara TUDM dengan Angkatan Udara Amerika Syarikat menunjukkan bahawa nisbah kemalangan pesawat TUDM adalah sangat tinggi. Kalau ditaksirkan betul-betul, kemungkinan sudah beratus-ratus pesawat Tentera Udara Amerika Syarikat telah menemui kemalangan setiap tahun.

Oleh yang demikian, alasan bahawa kemalangan yang berlaku di TUDM adalah perkara biasa, saya kira tidaklah tepat. Saya kira apa yang perlu ditekankan oleh kita ialah supaya kemalangan-kemalangan pesawat TUDM hendaklah dielakkan lebih-lebih lagi jika punca kemalangan disebabkan oleh perkara-perkara teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa pesawat-pesawat TUDM seperti Helikopter Nuri tidak dilengkapi dengan alat-alat yang boleh memberi kestabilan kepada pesawat-pesawat tersebut sewaktu penerbangan di dalam segala keadaan cuaca. Saya rasa alat-alat penstabil ini harus dipasang untuk menjaga

keselamatan Juruterbang dan anak-anak kapal atau penumpang-penumpang Helikopter Nuri.

Saya juga difahamkan bahawa alat ini tidak berharga tinggi, hanya dalam lingkungan \$20,000 atau \$30,000 satu unit sahaja untuk kegunaan sesebuah helikopter. Perbelanjaan sedikit ini boleh menyelamatkan bukan sahaja helikopter-helikopter TUDM, tetapi sudah tentu akan menyelamatkan nyawa anggota-anggota Tentera Udara dan lain-lain penumpang di masa hadapan. Cukuplah pengorbanan nyawa dan peralatan yang telah terjadi. Janganlah kita biarkan sahaja sehingga banyak lagi yang akan mati. Perasaan keresahan berkenaan kemalangan-kemalangan pesawat TUDM bukanlah satu perkara yang dirungsingkan oleh orang ramai sahaja tetapi juga oleh anggota-anggota TUDM sendiri yang mula bimbang atas keselamatan mereka. Kesemua mereka sanggup mati di dalam pertempuran tetapi adalah tidak wajar jika ramai akan terkorban dalam nahas-nahas udara disebabkan oleh masalah kekurangan peralatan ataupun alatganti yang tidak sesuai. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

4.40 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit di bawah Rang Undang-undang Supplementary.

Tuan Yang di-Pertua, \$9,150,000....

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Kepala berapa, Yang Berhormat?

Dr Chen Man Hin: Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri, Kertas Perintah 1A, mukasurat 5.

Tuan Yang di-Pertua, \$9,150,000 telah dibelanjakan untuk membersihkan lebuhraya-lebuhraya di Wilayah Persekutuan pada tahun lalu sebagai persediaan untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Kementerian Luar Negeri pula membelanjakan \$3,253,800 untuk mesyuarat yang sama dan kesemua ini berjumlah \$12.4 juta. Ini adalah amount yang diakui oleh Kerajaan setakat ini tetapi sumber-sumber yang layak dipercayai menyatakan berbagai perbelanjaan yang dibuat di bawah berbagai Kepala menetapkan jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan sebagai kira-kira \$300 juta. Ini adalah satu amount yang begitu banyak yang dibelanjakan untuk mementaskan mesyuarat tersebut semata-mata untuk memuaskan ego Perdana Menteri serta meningkatkan imej antarabangsa.

Mesyuarat selama seminggu itu telah menghasilkan dua pengisytiharan iaitu Pengisytiharan Kuala Lumpur mengenai hak-hak manusia dan Pengisytiharan Langkawi mengenai perlindungan alam sekitar. Kedua-dua pengisytiharan tersebut memang mengagumkan tetapi selepas Ketua-ketua Kerajaan berlepas pulang keadaan di negara ini pula kembali kepada sediakala.

Berucap mengenai alam sekitar, pencemaran masih berterusan di negara ini tanpa disekat, kadang-kadang kereta-kereta masih mengeluarkan bahan-bahan toxid, khususnya di Lembah Klang atau Klang Valley dan di lain-lain bandar perindustrian.

Pencinta alam sekitar mendakwa bahawa sekiranya kadar pembalakan di negara ini dibiarkan berterusan, hutan-hutan Malaysia akan pupus ataupun akan hampir-hampir dimusnahkan sama sekali dalam tempoh 5 tahun nanti. Menurut Putera Charles, Raja Muda Britain, pembalakan yang begitu intensif di Sarawak telah menjejaskan kehidupan kira-kira 9,000 orang

Penan. Beliau berkata gangguan yang dilaku . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan apa Yang Berhormat ucapkan iaitu di atas Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri. Itu tidak bersangkutan, Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Ada bersangkutan sebab itu belanja untuk Commonwealth Conference.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, fasal apa sangkut dengan Penan pula?

Dr Chen Man Hin: Ya, Declaration Langkawi itu ada menyebut alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba baca Peraturan Mesyuarat 67 (5) iaitu berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti dinyatakan dalam peruntukan. Kalau sekiranya pergi jauh sangat itu lain langsung, jika sekiranya Penan itu disentuh—lain langsung dengan Maksud B.7.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, ini peruntukan \$9 juta, kepada Menteri Luar Negeri—\$3 juta ialah untuk Commonwealth Heads of Governments Meeting. Di dalam Conference itu ada keluar dua Declarations berkaitan dengan environment dan hak-hak manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham tetapi perbelanjaan itu adalah untuk di Kuala Lumpur. Jikalau sekiranya bercakap dengan apa-apa keputusan ini yang dibuat di dalam Declaration itu umpamanya berkaitan dengan Bangsa-bangsa Bersatu, kita tidak boleh berhak bercakap di atas perkara Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Chen Man Hin: Baiklah, saya skip itu dan saya bercakap berkenaan dengan hak-hak manusia Kuala Lumpur Declaration. Itu adalah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, DAP berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam pendiriannya menentang Apartheid. Kami juga memuji beliau kerana menyuruh seluruh dunia berlaku adil terhadap orang-orang Palestin dalam perjuangan mereka untuk memiliki tanah air mereka dan menikmati hak-hak manusia. Namun demikian, DAP inginkan Perdana Menteri supaya bersikap konsisten dalam pendekatannya terhadap hak-hak manusia sementara beliau menjadi pejuang untuk hak-hak manusia dan musuh prejudis perkauman di pentas dunia. Beliau harus memperlihatkan cita-cita yang sama di negaranya sendiri iaitu Malaysia. Sekiranya beliau benar-benar adalah pejuang hak-hak manusia maka semua dasar berkait dengan politik, ekonomi, budaya dan agama harus diberi pendekatan-pendekatan berasaskan berbagai kaum, bahasa dan agama. Sekiranya beliau benar-benar memperjuangkan hak-hak manusia dengan memeteraikan perjanjian perdamaian dengan Parti Komunis Malaya maka beliau harus memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itupun saya rasa tidak termasuk di dalam Maksud B.7.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam ucapan alu-aluannya yang disampaikan untuk Pemimpin Palestin, Yasser Arafat, menuduh negara-negara Barat sebagai hanya pay lip—service kepada hak-hak manusia sementara menafikan orang-orang Palestin hak-hak mereka. Kata-kata yang sama boleh diutarakan terhadap Perdana Menteri kita sendiri di mana kelayakan atau credentials, dengan izin, sebagai jaguh hak-hak

manusia boleh dipersoalkan memandangkan wujudnya undang-undang yang repressive seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tidak harus diadakan "double standards", lain untuk pentas antarabangsa dan lain pula di sini. Seorang itu sama ada menyokong hak-hak manusia atau menentanginya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta janganlah berucap lagi di atas perkara itu. Itu tidak bersangkut paut dengan lebuhraya Kuala Lumpur.

Dr Chen Man Hin: Saya cakap sekarang dengan Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya, Kertas Perintah 1A, muka 5 juga.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya telah melancarkan urusan pendaftaran pemilihan pada 1 Mac tanpa pemberitahuan dan publisiti yang cukup, khususnya bagi orang-orang muda dan pemilih-pemilih baru. Urusan tersebut yang diadakan secara tiba-tiba telah mengejutkan ramai orang, terutama sekali rakyat kita yang bekerja di seberang laut yang telah kembali untuk merayakan Tahun Baru China tetapi kini telah berlepas ke luar negeri pula. Lazimnya, urusan pendaftaran pemilih tahunan didahului dengan pemberitahuan dan publisiti beberapa bulan. Kali ini pula ia diadakan secara tiba-tiba atau mendadak dan senyap-senyap seperti seorang pencuri yang mempunyai muslihat. Ia adalah satu urusan pendaftaran yang diadakan secara mengejut . . .

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Pendang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua,

ini dalam soal Suruhanjaya Pilihanraya, saya sudah beri jawapan dalam Dewan ini bahawa atas permohonan DAPlah dahulu. DAP cadangkan kalau boleh kita buat pendaftaran sepanjang tahun. Jadi, kita hendak buat tahun ini pada bulan Mac. Mungkin kita buat awal tahun dan ini kita buat dua kali. Yang diungkitkan buat apa? DAP yang minta supaya buat pendaftaran sepanjang tahun.

Dr Chen Man Hin: Tetapi tidak cukup notislah. Beri publisiti dahulu!

Tuan Othman bin Abdul: Ada pula tidak cukup notis. Sekarang pun boleh daftar, tidak payah satu bulan, kita beri awal, bulan Februari sudah kita umumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan menjalankan pendaftaran dalam akhbar, dalam television. Nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak baca akhbarkah?

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, dia boleh cakap, tetapi yang betul dia tidak dapat arahan daripada UMNO. Ini adalah satu urusan pendaftaran yang diadakan secara mengejut.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pendang bangun pula hendak beri jalan?

Dr Chen Man Hin: Tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak bagi?

Dr Chen Man Hin: Jangan buang masa.

Tuan Othman bin Abdul: Takut hendak bagi?

Dr Chen Man Hin: Tak takut.

Tuan Othman bin Abdul: Bagi atau tidak mahu bagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pendang, sila duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Dr Chen Man Hin: Tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Marang—bagilah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak bagi juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bagi juga.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap lagi, ya.

Dr Chen Man Hin: Kepantasan di mana urusan tersebut dilakukan, dibuktikan dengan ketidakupayaan Suruhanjaya Pilihanraya menyediakan daftar pemilih tahun 1989 untuk membolehkan rakyat memeriksa dan menyemak nama mereka.

Mengikut tradisi dan amalan daftar pemilih yang disiapkan berikutan urusan pendaftaran pemilih dahulu akan disiapkan sebelum urusan pendaftaran baru bermula. Inilah kali pertamanya tradisi atau amalan ini tidak diikuti. Tanpa daftar pemilih untuk tahun lepas, tiada cara bagi seorang untuk menyemak sama ada nama pemilih-pemilih yang layak berada di dalam senarai pemilih ataupun nama mereka telah tertinggal atau dipotong akibat kesilapan mahupun kerana muslihat kotor. Tidak juga terdapat apa-apa peluang untuk memastikan sama ada nama pemilih-pemilih di kawasan Pembangkang terpotong ataupun dipindah secara borong ke atas kawasan yang lain. Juga tidak terdapat apa-apa peluang untuk mengesan sama ada “pemilih-pemilih

hantu” atau “phantom voters”, dengan izin, dari lain-lain kawasan telah dimasukkan ke dalam kawasan-kawasan Pembangkang seperti berlaku di Seremban dalam pilihanraya tahun 1982 di mana beribu-ribu “pemilih hantu” telah didaftarkan di kawasan Seremban itu.

DAP hendakkan urusan pendaftaran pemilih yang sedang berjalan ini ditunda atau dibatalkan. DAP juga akan memaklumkan kepada Badan Pengesan Pilihanraya mengenai kepantasan serta penyediaan yang terlalu kurang di mana Suruhanjaya Pilihanraya sedang menjalankan kempen pendaftaran pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh Kementerian Pendidikan Maksud B.26, Kertas Perintah 1A/1990, mukasurat 7.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berlakunya perubahan-perubahan yang pantas di arena antarabangsa Malaysia hendaklah menyesuaikan dirinya kepada situasi tersebut agar dapat mengekal kedudukan politik dan ekonominya serta memainkan peranan yang positif sebagai pemain utama di rantau Asia Pasifik, yang akan menjadi pusat pertumbuhan pesat dalam masa yang akan datang. Peranan pendidikan dalam menyediakan warganegara-warganegara untuk menyumbang ke arah pembangunan negara adalah amat penting. Dasar Pendidikan hendaklah diubahsuaikan untuk menggalakkan perpaduan negara, melahirkan rakyat yang tinggi kemoralannya, menggalakkan pemuda-pemudi kita menerusi sains dan teknologi serta pengetahuan komputer serta melatih mereka menyertai dalam perkara perindustrian negara Malaysia.

Berkenaan reformasi-reformasi pendidikan, Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa deraf pindaan-pindaan kepada Akta Pelajaran 1962 telahpun siap dan sudahpun diedarkan

kepada parti-parti komponen Barisan Nasional untuk mendapat pandangan-pandangan dan komen-komen mereka. Tidak ada gunanya untuk mengedarkan deraf tersebut kepada parti-parti komponen Barisan Nasional kerana mereka hanya akan menyetujui dan menyokongnya dengan tidak mencerminkan hasrat dan cita-cita rakyat. Orang yang sepatutnya dibenarkan untuk melihat dan membaca deraf tersebut adalah ibubapa-ibubapa dan para pendidik-pendidik yang lebih tahu apa yang terbaik sekali untuk anak-anak dan murid-murid masing-masing.

DAP menggesa Menteri Pendidikan mengedarkan deraf tersebut kepada ibubapa-ibubapanya dan pendidik-pendidik dan biarlah satu perbahasan awam diadakan sama seperti cara yang mana Rang Undang-undang Dadah Berbahaya telah dibentangkan dan pandangan-pandangan diterima oleh Jawatankuasa yang telah pergi ke merata tempat di seluruh negara untuk menemui rakyat berkaitan dengan Rang Undang-undang tersebut. Satu Dasar Pendidikan untuk memupuk perpaduan negara hanya boleh dicipta sekiranya dasar tersebut mencerminkan cita-cita dan keinginan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, keperibadian moral dan disiplin negara adalah di tahap yang sangat rendah. Wujudnya rasuah yang berleluasa dan isu video lucah yang melibatkan Timbalan Speaker memberikan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan “lucah” tidak boleh disebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak sebut “Vijandran”—am.

Dr Chen Man Hin: Am—boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kita bercakap hari-hari berkenaan dengan apa?

Dr Chen Man Hin: Tadi di dalam perbahasan ada disebut, Perdana Menteri pun ada sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan “lucah” saya minta tarik balik.

Dr Chen Man Hin: Tarik balik. Video-video yang melibatkan Timbalan Speaker memperlihatkan kemunduran dari segi moral, malah Peguam Negara telah hilang keupayaannya untuk membezakan apa yang betul dan apa yang salah apabila beliau memutuskan untuk memusnahkan pita-pita video yang dianggap sebagai bukti negara atau, dengan izin, state evidence.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat yang itu telahpun berkali-kali diucapkan dalam perbahasan.

Dr Chen Man Hin: Okay, sudah-sudah, baik-baik—tidak boleh tahan lagi, ya? (*Ketawa*). Maka pengajaran moral hendaklah dijadikan sebahagian daripada kurikulum sekolah. Dengan adanya pendidikan moral, DAP mahu Menteri Pendidikan membenarkan kelas-kelas diadakan untuk Agama Islam, Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism, mengikut kepercayaan agama para pelajar berkenaan. Tidak harus diadakan paksaan untuk mempelajari satu matapelajaran agama yang bertentangan dengan kemahuan para pelajar. Dalam pada ini matapelajaran Tamaddun Islam atau Islam Civilisation tidak harus dijadikan matapelajaran wajib ataupun compulsory bagi pelajar-pelajar baik di peringkat menengah atau di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, zaman komputer atau space age ini sedang menggantikan zaman perindustrian, maka adalah amat penting matapelajaran sains komputer dijadikan matapelajaran utama di semua sekolah. Kurikulum baru bagi tahun-tahun

1980an yang merancang untuk mengajar 3R iaitu, dengan izin, Reading, Writing dan Arithmetic kini hendaklah dimasukkan pelajaran komputer di dalamnya seperti 'kenal huruf' atau 'literacy' seperti ditafsirkan hari ini bukan hanya 3R, tetapi 3R dan C. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Nibong Tebal.

4.58 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan peruntukan tambahan yang dipohon oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Memandangkan bahawa kedudukan kewangan sedang bertambah baik, wajarlah bagi Kerajaan membelanja lebih untuk kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Di sini saya hendak menyentuh beberapa perkara yang tertentu.

Pertama, Jabatan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud B berapa itu, Yang Berhormat?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Marang.

4.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut berucap atas Penyata Keluaran wang daripada Simpanan Luar Jangka bagi tempoh 1 September, 1989 hingga 31 Disember, 1989 menurut Seksyen 6 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966.

Saya ingin menyentuh terus kepada Kementerian Pendidikan—Maksud P.26.

Ucapan ini adalah untuk menerangkan suasana di Universiti Malaya ketika ini demi untuk menentukan segala perkembangan yang dilakukan di Universiti Malaya adalah menurut cita-cita, matlamat dan aspirasi negara. Ucapan dan pandangan saya ini sekali-kali tidak bermaksud menimbulkan sebarang kekecohan atau menyoal tentang hak Yang Berhormat Menteri Pendidikan membuat perlantikan kepada siapa sahaja. Ucapan ini juga tidak bermaksud untuk membawa soal-soal emosi, apatah lagi soal-soal perkauman dan juga tidak bermaksud mencari publisiti murah, tetapi adalah untuk menjelaskan suasana yang berlaku di Universiti Malaya dalam beberapa bidang.

Sebelum pada itu ingin saya jelaskan bahawa baru-baru ini timbul soal pandangan saya yang telah disalah tafsirkan hasil daripada ucapan saya di Dewan Rakyat oleh setengah-setengah pihak dan telah dijawab dengan penuh emosi secara rendah akal budi, kurang daya intelektualisme oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Syed Hussein Al-attas.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila duduk dengan hormatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pertama mengenai dengan

Profesor. Bilangan Profesor bumiputera amat berkurangan, nisbah Profesor kepada kakitangan akademik bumiputera dalam tahun 1988—era Syed Hussein ialah 1:25.2 berbanding dengan nisbah 1:12.2 untuk nisbah yang sama bagi kakitangan bukan bumiputera. Nisbah untuk Ekspatriat, yakni yang luar negeri pula ialah 1:5.5.

Kedua, jurang perbezaan bilangan Profesor bumiputera dengan bukan bumiputera semakin hari semakin bertambah. Saya tidak hendak sebut bacaannya, tetapi kalau ditanya, saya akan beritahu.

Ketiga, pertumbuhan bilangan Profesor bumiputera amat menyedihkan. Sepatah kata Naib Canselor yang hebat—Syed Hussein katanya 90 Profesor bukan bumiputera, sekadar 18 sahaja bumiputera—itu bukan kata saya, dialah.

Yang keempat, oleh kerana semua Profesor adalah secara automatik menjadi ahli Senate Universiti dan Senate Universiti merupakan badan akademik yang tertinggi di Universiti, maka komposisi Senate Universiti Malaya amat membimbangkan. Sekiranya komposisi ini dikekalkan berpanjangan, kemajuan bumiputera dalam bidang akademik di Universiti Malaya akan terjejas dan terbantut.

Buat pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap soal ini dua tiga empat hari yang lepas, saya mendapat tahu bahawa tiga orang lagi Profesor akan dilantik. Mungkin sekadar untuk mengambil hati suasana yang dirintih dan didukacitakan oleh masyarakat ataupun oleh sebab-sebab lain, saya tidak berapa pasti, tetapi tunggulah masa, saya kira beberapa orang Profesor Melayu akan dilantik. Bila tekan, bila picit—ia keluar, tidak tekan, tidak picit—ia tidak keluar, Naib Canselor!

Kedua, mengenai dengan Profesor Madya. Bilangan Profesor Madya bumiputera amat berkurangan. Nisbah Profesor Madya kepada kakitangan akademik untuk bumiputera, bukan bumiputera dan Ekspatriat ialah masing-masing; 1:6.9, 1:2.7 dan 1:3.8.

Ketiga, jurang perbezaan bilangan Profesor Madya bumiputera dengan bukan bumiputera semakin besar, bukan semakin kecil—semakin besar. Ketiga, pertumbuhan bilangan Profesor Madya bumiputera juga tidak membanggakan.

Keempat, mengenai dengan pensyarah—ada yang hendak bangun? Satu pertumbuhan bilangan pensyarah bumiputera amat membanggakan. Perkembangan yang baik ini adalah hasil ilham yang diwujudkan di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) yang mula dilaksanakan dalam tahun 1975 dan kalau tidak silap saya diilhamkan oleh Yang Berbahagia Tuan Profesor Ungku Aziz.

Walau bagaimanapun, bilangan Pensyarah bukan bumiputera nampaknya berkurangan, tetapi mereka masih lagi merupakan golongan akademik majoriti di Universiti Malaya. Semakin ramai daripada golongan bukan bumiputera dinaikkan pangkat ke Profesor Madya dan Profesor.

Kelima, memandangkan bahawa golongan akademik bukan bumiputera di Universiti Malaya masih bukan majoriti, maka rancangan SLAB harus diteruskan untuk mengimbangkan kedudukan bumiputera di Universiti Malaya dan menepati aspirasi negara.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kota Melaka minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Marang, mengapa beliau menentang sangat lantikan kaum bukan Melayu yang menjadi Profesor Madya sungguhpun lantikan mereka adalah berasaskan kelayakan dan kecemerlangan prestasi yang dicapai oleh mereka? Apakah ukuran yang patut dibuat untuk melantik ahli-ahli akademik tersebut? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beritahu awal-awal tadi bahawa saya bukanlah bersifat perkauman dan jauh sekali untuk menentang bukan bumiputera yang dilantik. Persoalan saya mengapa bumiputera yang telah dilantik, empat orang yang telah layak itu diturunkan pangkat dan juga diketepikan, bukan sahaja Profesor, tetapi Profesor Madya, Pensyarah dan juga yang lain-lain. Bagi Saudara yang seharusnya faham matlamat, cita-cita dan aspirasi negara, mengapa kalau kuota Dasar Ekonomi Baru itu boleh kita pertahankan dan tidak dijadikan sebagai satu ukuran perkauman itu boleh diterima, mengapa soal ini tidak boleh kita terima?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. Mengapa Yang Berhormat dari Marang ini yang suara begitu sumbang tidak pergi ke Universiti untuk berbincang dengan Naib Canselor itu? Adakah ia lebih layak untuk melantik orang-orang sebagai Dekan.

Yang keduanya, saya nampak Maksud P.26 dan B.26 pun tidak kena mengena langsung dengan perlantikan di Universiti, cuma Universiti Utara

sahaja. Jadi, lebih baik Yang Berhormat menumpu kepada perhatian yang dimaksudkan di sini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia ini tidak faham. Kita bercakap Kementerian Pendidikan, soal dasar, bukan kita bercakap macam Ketua Pembangkang DAP yang menceceh sana, menceceh sini yang tidak mengikut dasar. Kita bercakap soal dasar ini, Saudara Kepong bingung!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan 'bingung' tidak elok digunakan, minta tarik balik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tarik balik, saya tidak gunakan lagilah. Yang lain-lain saya tidak hendak layan lagilah pasal perkara tadi, hendak sebutpun takut kena marah.

Jadi, mengenai dengan Skim Latihan Bumiputera, skim ini adalah untuk membolehkan lebih ramai orang Melayu menjadi Pensyarah. Semenjak skim ini ditubuhkan, saya lihat ramailah bumiputera yang mendapat Ijazah Ph.D.

Oleh kerana skim ini mengikat mereka, maka mereka sepatutnya mendapat tawaran menjadi pensyarah, malangnya mereka tidak diberi jawatan-jawatan yang sepatutnya di slot untuk mereka kerana mereka menyertai SLB. Selepas ditolak oleh pihak Universiti, sekonyong-konyong mewujudkan jawatan-jawatan baru dengan mengubah sedikit syarat-syarat kelayakan dan dengan demikian dua orang pensyarah baru bukan Melayu telah diterima masuk. Ini bukan bermakna saya anti, tetapi saya hendak cerita dasar SLB untuk bumiputera. Ini bukan sahaja kes yang telah mengubah dasar serta cita-cita matlamat skim latihan bumiputera itu, tetapi menjelaskan kepada kita yang sudah ada tidak kita capai, yang disediakan, kita bunuh. Naib Canselor, Naib Canselor.

Selain daripada itu mengenai dengan pengajar. Pertama, keseluruhannya, bilangan pengajar bumiputera berkurangan. Sebilangan besar daripada pengajar yang cemerlang akan diterima sebagai pensyarah. Sejak akhir-akhir ini bilangan pelajar bukan bumiputera bertambah. Bilangan pengajar di bawah skim SLB semakin menurun. Ini akan menjejaskan usaha-usaha menyediakan kakitangan akademik bumiputera di masa hadapan. Rancangan SLB perlu diteruskan dan dipergiatkan lagi, terutama di Fakulti-fakulti yang penting seperti Perubatan, Kejuruteraan, Sains, Pergigian, Ekonomi dan juga Pentadbiran. Selain daripada Fakulti-fakulti yang kita utamakan seperti Syariah, Usuluddin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita bercakap dalam bidang yang lain iaitu pengambilan pelajar. Masih jauh jurang perbezaan dalam pengambilan pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Lanjutan, yakni dalam Sarjana dan juga Kedoktoran di antara bumiputera dan bukan bumiputera, khusus bagi Fakulti-fakulti Sains dan Kejuruteraan. Ini disebabkan oleh kurangnya dorongan dan motivasi bagi pelajar bumiputera meneruskan pelajaran di peringkat lepasan Ijazah di Universiti Malaya. Kemungkinan juga tidak ramai siswazah bumiputera yang berkelayakan tinggi untuk diterima masuk. Biasanya, kelayakan minima ialah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Dua Atas. Peluang melanjutkan pelajaran di luar negeri lebih cerah bagi siswazah bumiputera yang berkelayakan cemerlang. Lazimnya untuk rancangan Ijazah Lanjutan melalui Penyelidikan Peruntukan Wang. Penyelidikan amat diperlukan, terutamanya di Fakulti-fakulti Sains, Kejuruteraan dan Perubatan. Oleh kerana bilangan kakitangan akademik bumiputera tidak ramai dan ramai juga di antara mereka yang tidak mempunyai peruntukan penyelidikan yang mencukupi, maka amatlah sukar untuk

mereka menarik siswazah-siswazah bumiputera yang cemerlang untuk meneruskan pelajaran di Universiti Malaya. Sebaliknya, di Fakulti Sastra bilangan calon bumiputera lepasan ijazah amat membanggakan kerana terdapat ramai para akademik bumiputera dan peruntukan wang untuk penyelidikan tidak begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap mengenai dengan penglibatan kakitangan akademik bumiputera menyelia calon-calon Ijazah Lanjutan Sarjana dan Kedoktoran. Penglibatan kakitangan akademik bumiputera dalam penyelidikan dan penyeliaan calon-calon lepasan Ijazah dalam tahun 1988 amatlah membanggakan dan memberangsangkan. Walau bagaimanapun, bilangan kakitangan akademik bumiputera yang terlibat dalam penyeliaan di peringkat kedoktoran masih rendah di semua Jabatan kecuali di Jabatan Botani dan di Fakulti Kejuruteraan. Keadaan di Jabatan Metametrik dan Jabatan Kimia yang mempunyai ramai kakitangan akademik, ramai juga Professor Madya dan Professor sangat-sangat menyedihkan. Saya ulang lagi—sangat menyedihkan. Majoriti Professor Madya dan Professor di kedua-dua Jabatan tersebut terdiri daripada golongan bukan bumiputera. Sekali lagi saya nyatakan saya tidak anti yang bukan bumiputera, sekadar ingin menyatakan aspirasi negara, matlamat pendidikan jauh lagi untuk dicapai.

Adalah diharapkan bahawa bilangan calon-calon bumiputera di peringkat Sarjana dan Kedoktoran . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah . . . di Universiti Malaya bertambah mengikut kadar pertambahan kakitangan akademik . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, dia tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Orang kata duduk. Tuli betul. Bahagian Peruntukan Penyelidikan Vot. F sejak akhir-akhir ini kakitangan bukan bumiputera telah sentiasa menerima pembahagian peruntukan yang jauh lebih besar daripada peruntukan penyelidikan berbanding dengan peruntukan yang diberi kepada kakitangan bumiputera. Ini telah berlaku walaupun majoriti Dekan terdiri daripada golongan bumiputera. Ini membuktikan bahawa pentadbir bumiputera tidak pernah melakukan gross injustice . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kepong?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak beri . . . terhadap kakitangan akademik bukan bumiputera seperti yang sering. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 67 (5) . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia membangkitkan berkenaan dengan Tertib Mesyuarat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa dia.

Dr Tan Seng Giaw: Dia tidak berucap mengikut yang ada di sini, iaitu 67 (5) mengatakan hanya dihadkan kepada dasar-dasar dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan di dalam Peruntukan Tambahan yang dimaksudkan. Jadi, saya nampak di bawah Maksud B.26 dan P.26 tidak termasuk yang dibincangkan sekarang ini oleh Yang Berhormat dari Marang, tidak ada langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita lihat Kertas Perintah 3—Muka 4, ada satu berkenaan dengan Pentadbiran Am.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak layan sangat, buang masa saya, dia tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mintalah Yang Berhormat cepatkan sedikit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sering diadakan buat masa ini oleh pihak yang tertentu, di Pembahagian Peruntukan Penyelidikan kita lihat membuktikan bahawa jawatan-jawatan penting yang menentukan polisi dan membuat keputusan jika diamanahkan kepada orang-orang yang tidak mementingkan atau mengambil kira pembangunan kerjaya dan masa hadapan kakitangan bumiputera, maka kakitangan bumiputera pasti akan ketinggalan. Walaupun kakitangan bukan bumiputera telah diberi peruntukan yang begitu besar, mereka juga tidak berusaha menerima masuk kakitangan bumiputera ke dalam projek-projek mereka. Mereka tidak berusaha untuk mengongsikan kemudahan dan kepakaran mereka dengan kakitangan bumiputera. Contohnya, projek-projek seperti laser and electroic, micro ecology denggue dan penyelidikan halba-virus, pantangan plastik kimia, hasil-hasil tabii, piawaian kualiti air dan banyak lagi telah menerima peruntukan wang yang sungguh besar, tetapi semuanya tidak menerima masuk atau menggalakkan kakitangan akademik bumiputera menyertainya, walaupun ada kakitangan akademik bumiputera yang mempunyai latihan dan pengkhususan yang tepat sekali dan melayakkan mereka berkecimpung dalam projek-projek tersebut.

Ini bermakna bahawa seringkali kakitangan akademik bumiputera terpaksa bekerja secara perseorangan, terpaksa membangunkan makmal dengan lengkap dari bekalan yang paling biasa hingga kelengkapan yang lebih khusus. Tetapi usaha ini sudah pasti tidak akan berjaya kerana peruntukan yang diterima begitu kecil dan tidak ada juga access kepada kemudahan yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu . . .

Tuan Mohamed Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Terima kasih. Kalau tidak silap saya, baru-baru ini Vice-Chancellor Universiti Malaya ada berkata, di masa akan datang keadaan akan bertambah baik kerana sekarang terdapat lebih kurang 113 Professor Madya Bumiputera. Saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat, sama ada bersetuju ataupun tidak dengan pandangan saya, bagaimanakah pensyarah-pensyarah ini, iaitu pensyarah bumiputera mempunyai masa depan yang cerah jika mereka tidak diberi peluang untuk memimpin Fakulti ataupun Jabatan-jabatan tertentu. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Kalau sekiranya kaum bumiputera tidak diberikan kepercayaan, tidak diberikan galakan, motivasi, dorongan dan sebagainya, maka saya kira tidak akan menjadi apa-apa. Memang benarlah, kadangkala kita juga bersetuju bahawa keilmuan, kebijak-pandaian dan sebagainya, tetapi soal dorongan, soal dasar, aspirasi dan cita-cita negara perlu dilihat dalam bentuk yang lebih rasional dan menyeluruh. Soalan itu samalah kalau jawapannya kenapa kita juga harus mengadakan DEB. Tuan Yang di-Pertua, ketidakadilan dan gross injustice . . .

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Lepas ini saya berilah. Kesimpulannya, ketidakadilan dan gross injustice tidak wujud di Universiti Malaya di antara golongan pentadbir bumiputera dengan kakitangan bukan bumiputera seperti yang diperkatakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Sejak akhir-akhir ini, perkembangan Universiti Malaya adalah menggalakkan oleh kerana penglibatan kakitangan akademik bumiputera dalam semua kegiatan di Universiti. Kecemerlangan di Universiti tidak semestinya bergantung sebulat-bulatnya kepada kecemerlangan akademik individu sahaja, tetapi memerlukan para akademik yang cemerlang dalam bidang akademiknya dan faham serta berdedikasi yang berterusan kepada aspirasi dan polisi negara.

Pucuk pimpinan Universiti Malaya mestilah terdiri daripada mereka yang faham, peka dan mempunyai vision berterusan tentang peranan universiti dalam masyarakat untuk mencapai aspirasi negara serta cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan. Kejayaan Universiti Malaya sehingga hari ini adalah hasil usaha pentadbiran serta kakitangan yang mempunyai hasrat tersebut di atas. Perlantikan para pentadbir universiti yang tidak mempunyai hasrat ini dengan secara langsung atau tidak langsung pasti menjejaskan perkembangan positif di Universiti Malaya. Polisi pentadbiran dan pengurusan Naib Canselor

sekarang amat mencurigakan. Kebanyakan kakitangan akademik khususnya kakitangan akademik bumiputera kerana:

Pertama, Naib Canselor tidak merestui rancangan-rancangan yang telah diwujudkan oleh pihak Universiti Malaya dahulunya untuk memenuhi aspirasi negara umpamanya, Naib Canselor menyoalkan dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang SLAB dan kepentingannya. Naib Canselor menyoalkan dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang Pusat Asasi Sains dan peranannya. Naib Canselor juga menyoalkan dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang bimbingan khas, sekarang ini dibuka kepada bukan bumiputera juga oleh Naib Canselor.

Naib Canselor menyoalkan dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang pentadbir-pentadbir bumiputera. Naib Canselor juga mempersoal dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang kelayakan akademik dan keupayaan kakitangan akademik bumiputera di Universiti Malaya. Malah Naib Canselor juga menyoal dan membenarkan orang-orang lain menyoal tentang keanggotaan bumiputera dalam Senate Universiti Malaya, malah lebih daripada itu Naib Canselor mengeneppikan nasihat, cadangan-cadangan dan pandangan Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan tetapi sebaliknya menerima nasihat, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan daripada satu kumpulan serpihan yang terdiri daripada kebanyakannya kaum bukan bumiputera yang mempunyai rancangan mereka tersendiri.

Naib Canselor menjejaskan perhubungan Universiti Malaya dengan badan-badan luar terutamanya dengan British Council, Universiti Riau, Indonesia dan pihak Kerajaan Jepun dan menyekat hubungan kakitangan

dengan pakar-pakar luar negeri. Naib Canselor juga telah memutuskan bahawa minit-minit Majlis Universiti Malaya tidak diedarkan kepada Senate Universiti Malaya termasuk Timbalan-timbalan Naib Canselor dengan alasan yang lemah di beberapa ketika bukan pada semua keadaan.

Naib Canselor dan penasihat-penasihatnya sedang berusaha meminda, membubar semua kursus lepasan ijazah di IPT yang telah diluluskan oleh Senate dan Majlis Universiti Malaya serta Kementerian Pendidikan sedangkan IPT adalah satu institusi yang telah direstui oleh Kerajaan sebagai satu pusat latihan pengajian siswazah yang unik bagi Malaysia dan serantau Asia Pasifik. Naib Canselor tidak mempunyai vision dan sebaliknya menekan kepada perkara-perkara remeh-temeh seperti prosedur mengambil cuti, sistem lalu-lintas dan papan tanda Universiti Malaya dan lain-lain lagi. Ini ternyata sekali daripada ceramah-ceramah beliau dan juga perbincangan-perbincangan yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soal ini, saya mengesyorkan pihak berkuasa digesa mengambil langkah-langkah untuk memastikan peralantikan pegawai-pegawai tinggi di Universiti Malaya dibuat hanya daripada kalangan mereka yang menyedari hasrat serta mampu melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Dan tidak memutus asakan masyarakat bumiputera khususnya bumiputera dalam kampus Universiti Malaya.

Saya juga mengesyorkan bahawa Naib Canselor yang dilantik di semua universiti bukan sahaja di Universiti Malaya mestilah seorang Naib Canselor yang mampu melihat aspirasi dan cita-cita negara. Naib Canselor juga harus berkeupayaan untuk memberikan vision serta pandangan-pandangan yang sihat yang bukan anti perkauman, yang bila diberikan

persoalan dan juga kenyataan tidak diasaskan kepada emosi, kepada perasaan ataupun mengaku sifatnya sentiasa berintelektualisme.

Kita juga ingin melihat bahawa dasar pelajaran yang dibentuk adalah merupakan dasar pelajaran yang bukan diminta ataupun dituntut oleh satu golongan yang tertentu tetapi diasaskan, dituntut kepada falsafah pendidikan negara yang diasaskan kepada kelemahan-kelemahan kita, bumiputera masa dahulu, bumiputera di masa kini dan juga mengandaikan bahawa falsafah pendidikan negara ini juga bukan bermastautin dan akan diwujudkan buat masa kini tetapi juga diwujudkan untuk masa-masa yang akan datang. Kita mesti ingat bahawa falsafah pendidikan negara merupakan satu bekas, satu acuan yang sangat penting malah menjadi satu saham yang tidak ada tolok bandingnya dalam soal menentukan bidang-bidang yang lain termasuklah bidang politik, bidang ekonomi, bidang sosial, bidang bahasa, bidang agama atau juga bidang-bidang soal hidup yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan rasa sedih, merakamkan rasa kesal saya di atas pandangan saya yang ikhlas, diatas niat saya untuk memperlihatkan bahawa Dasar Pelajaran ini berjalan dengan lancar, tetapi disambut dengan cara yang rendah perkiraannya. Saya mengalu-alukan hasrat dan pandangan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim untuk menjadi orang tengah bagi mempertemukan saya, Ahli Parlimen Marang dengan Saudara Syed Hussein Alatas bagi menyelesaikan perkara, kedudukan, isu, tenaga-tenaga bumiputera di Universiti Malaya dalam kadar dan cara yang baik tetapi terus terang saya katakan, kalau setakat untuk bertemu dan berbincang, saya tidak mempunyai personality clash, saya juga tidak berkelahi ataupun bertelagah ataupun bergaduh dengan sesiapa sahaja, malah

masa ini, hari ini, saat dan waktu ini saya boleh bertemu dengan beliau ini, dengan Saudara Syed Hussein. Tetapi yang penting bagi saya bukanlah diri saya, yang penting bagi saya ialah isu kedudukan Profesor-profesor, tenaga-tenaga akademik yang lain, Dekan-dekan dan seumpamanya diselesaikan. Biarlah persoalan itu bukannya dihadapkan kepada diri saya. Saya ini mungkin akan berlagak, bertindak sebagai posman semata-mata, tetapi yang terpenting pokok asasnya bagaimanakah suara hati dan sungutan masyarakat terbesar, Universiti Malaya ini mesti diambil kira.

Saya kira untuk jumpa dengan saya adalah perkara yang kecil. Saya mungkin budak mentah tetapi persoalan yang mencukupi di Universiti Malaya, gelagat, huru-hara dan kelam-kabut ini mesti diselesaikan. Terus terang saya katakan majoriti terbesar di Universiti Malaya terutama Pensyarah-pensyarah, Dekan-dekan, Profesor-profesor Madya di Universiti Malaya hari ini tidak puas hati mengenai dengan apa yang disuarakan. Ramai mereka yang berhenti, ramai mereka yang tidak mahu menyambung pelajaran bukanlah kerana atau niatnya yang ikhlas ataupun sekadar suci hatinya tetapi adalah disebabkan oleh tekanan-tekanan yang sangat luar biasa, percanggahan-percanggahan polisi yang dikira tidak menepati aspirasi negara. Dan perkara ini sedang berlaku dengan maha hebatnya. Kalaulah perkara ini dibiarkan berlarutan, saya kira ramailah lagi hasrat cita-cita kita akan terbantut.

Setakat hari ini kalau dikatakan pencapaian Dasar Ekonomi Baru itu berkisar, berjalan dalam kadar 19.5% maka begitulah kedudukan-kedudukan, perangkaan-perangkaan, data-data yang ada. Saya boleh tunjuk dan saya boleh baca ini dia data satu persatu kalau mahu. Kalaulah ini sedang berlaku sedangkan Dasar Falsafah Pendidikan Negara dan juga Dasar Ekonomi Baru

akan tamat pada tahun ini, saya minta DAP yang menyatakan bahawa parti ini bukan merupakan parti yang tidak berperkauman, yang mendasarkan kepada perjuangan yang rasional, yang juga mementingkan seluruh kepentingan masyarakat bumiputera, yang mementingkan aspirasi cita-cita Malaysia, masyarakat Malaysia yang bersatu padu, harmoni dan baik, saya minta dia ini menerima keadaan dan kenyataan ini.

Saya bukan seorang nasionalis, ekstrimis yang membuta tuli, pekak telinga, buta hati ataupun buta mata, tetapi jeritan saya ini adalah untuk menggambarkan serta menjelaskan betapa kepincangan yang ada ini perlu diperbetulkan segera.

Saya sangat kasih, saya sangat hormat, saya sangat sayang kepada Menteri Pendidikan. Saya juga meletakkan keyakinan kepada diri beliau, supaya perkara ini diambil sebagai perkara yang serius, bukan merupakan satu perkara berbentuk individu. Bukan persoalan saya tetapi merupakan satu persoalan pokok, satu longgokan cita-cita yang maha agung dan maha besar. Sekiranya masalah ini dapat diselesaikan, ia akan mencapai matlamat pendidikan negara sekali gus matlamat untuk membangunkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat melalui kunci yang terpenting iaitu pendidikan akan tercapai.

Tetapi sekiranya falsafah ini, tujuan ini dikhianati oleh orang-orang seperti yang saya sebutkan tadi, nescaya falsafah ini akan terbantut di pertengahan dan kita akan melihat dalam putih mata, dalam angan-angan dan khayalan.

Kepada semua pihak saya minta maaf, saya ulang sekali lagi bahawa saya tidak mempunyai suatu hasrat nawaitu ataupun cita-cita bahawa saya tidak bersetuju dengan kemasukan ataupun penggantian kaum-kaum lain

ataupun anti orang lain, itu bukan cara dan stail saya. Tetapi yang kita persoal dan perdebatkan ialah menurut kata hati dan akal budi yang ilmiah tentang keadaan-keadaan kepincangan yang sewajarnya kita perbetulkan. Saya minta mana-mana pihak termasuk Yang Berhormat dari Tanjong, termasuk Yang Berhormat dari Jelutong, termasuk Yang Berhormat dari Kepong, termasuk Yang Berhormat dari Kota Melaka yang lantang berbicara, yang mengamalkan konsep kononnya sama rata dan sama rasa, perkatakan ini dengan penuh kejujuran, menerimanya dengan hakikat pandangan yang murni dan bersih, bukan menjadikan Dewan Rakyat yang mulia ini sebagai zoo tempat saudara-saudara bergelak ketawa ataupun mengejek-ejek Perdana Menteri yang kita kasihi atau meletak serta merencanakan suatu plot untuk menjatuhkan Barisan Nasional melalui skandal video dan juga yang lain-lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, kita mintalah perkara ini dipertimbangkan dengan sewajarnya, diperkata dengan seadil-adilnya bagi membolehkan keadaan suasana pendidikan negara kita berjalan dengan lancar.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Ong Tee Keat: *(Bangun)*

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada pertanyaan, sila.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya berdiri bukan bermaksud hendak mengganggu Yang Berhormat dari Marang walaupun baru sebentar tadi saya digelar sebagai kuncu kepada si anu, si anu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Marang telah berkali-kali menyebut atau menyentuh aspirasi

negara, tetapi setelah saya mendengar panjang lebar ucapan beliau, saya dapati bahawa pada fahaman beliau seolah-olah beliau bermaksud bahawa pengisian jawatan akademik di semua institusi-institusi pengajian tinggi haruslah berdasarkan kepada kaum sahaja. Adakah itu betul? Adakah itu yang difahamkan oleh beliau sebagai aspirasi negara?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta maaf, fahaman dia rendah lagi. Saya tidak pernah bercakap ataupun menggambarkan ataupun berniat bahawa soal pengisian kakitangan akademik di Universiti Malaya itu berdasarkan kepada kaum yang dibuat secara membuta tuli, tetapi boleh didasarkan kepada kaum yang bertujuan untuk mencapai aspirasi negara.

Saya ingin mempersoalkan yang menyoal saya, apakah dengan cara melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu kita mesti meletakkan sebagai dasar untuk anti antara kaum? Saya ingin juga mempersoalkan bahawa meletakkan Raja-raja Melayu itu anti kaum? Meletakkan Perdana Menteri orang Melayu, Timbalan Perdana Menteri orang Melayu anti kaum? Meletakkan wakil-wakil kita, Menteri-menteri, Menteri MIC, Menteri MCA itu anti kaum? Semuanya ini digabung dan dijalinkan dalam satu acuan yang bernama Negara Malaysia. Kalau dirujuk kepada parti yang bernama Barisan Nasional adalah untuk impian, target, cita-cita kita inilah asas pimpinan kita.

Saya juga tidak bersetuju kalau sekiranya Universiti Malaya itu dibina atas seluruhnya majoriti orang Melayu ataupun universiti-universiti yang lain, tetapi saya tidak bersetuju sekali-kali sekiranya martabat kedudukan universiti itu dimonopoli oleh suatu kaum kerana ini bertentangan dengan dasar kita. Apa gunanya kita meletak-

kan Dasar Pendidikan ataupun Dasar Ekonomi Negara dengan meletakkan kuota-kuota ini yang telah diterima bukan sahaja oleh orang Melayu bumiputera, tetapi oleh seluruh orang, kemudian kita bangun pula bercakap, kita menentang secara sewenang-wenangnya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Marang menganggap Universiti Malaya sekarang dimonopoli oleh satu kaum, iaitu orang Cina? Adakah selepas dia jadi graduan, dia kembali ke Universiti itu untuk menyaksikan dengan sendiri bilangan penuntut dan bilangan pensyarah, profesor dan sebagainya. Cuma dia petikkan satu-dua angka, dia laung seperti orang yang tidak begitu wajar untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini, sebagai buah kedempung sahaja (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini macam bangkai tidak bernyawa. Dia tanya saya adakah saya menganggap Universiti Malaya itu dimonopoli oleh satu kaum Cina? Saya tidak pernah anggap, saya tidak pernah kata. Cuma saya kata ketidakseimbangan pembahagian kedudukan kakitangan akademik antara bumiputera dan bukan bumiputera. Saya tidak sebutpun orang Cina, saya sebut bukan bumiputera kerana dalam bukan bumiputera terdapat juga kaum-kaum yang lain, Orang Putih pun ada jadi pensyarah di situ, "Mat Salleh" pun ada, India pun ada dan sebagainya. Saya tidak anggap. Puas hati?

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang lain pula bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah kedudukan universiti-universiti tempatan yang lain pula. Mengapakah kalau kononnya kebanyakan ahli-ahli akademik di Universiti Malaya terdiri daripada kaum bumiputera, bukankah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Marang ialah mengadakan satu sistem kuota yang berasaskan perkauman. Itu nyata dalam kenyataannya dalam suratkhobar.

Yang kedua, ialah mengenai kedudukan di universiti-universiti yang lain.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan-kedudukan kakitangan akademik lain di universiti-universiti lain berbeza dengan Universiti Malaya, sebab itulah fokus masyarakat hari ini tidak kepada universiti-universiti lain. Cuba bilang kepada saya mana ada satu universiti dalam Malaysia ini selain daripada Universiti Malaya yang kakitangan akademiknya kurang daripada 30%? Bangun jawab!

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak faham soalan saya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak faham apa? Berat Yang Berhormat ini.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Marang hanya marah apabila dia berasa bahawa bilangan ahli-ahli akademik dari sesebuah universiti menjadi masalah apabila kebanyakan daripada mereka terdiri daripada kaum bukan bumiputera, tetapi kalau sesebuah universiti yang kebanyakannya terdiri daripada kaum bumiputera, ini tidak merupakan satu masalah. Saya rasa di situ ada 'double standards'. Tetapi yang penting sekali

saya rasa ukurannya terhadap perkauman adalah satu ukuran yang salah, ukuran untuk menjaga supaya kita dapat memelihara prestasi akademik universiti-universiti tempatan. Ia mesti berasaskan kecemerlangan, kelayakan akademik yang dicapai oleh ahli-ahli akademik tersebut. Begitu sahaja barulah kita boleh memelihara prestasi akademik di universiti-universiti tempatan kita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di Universiti Malaya memanglah kedudukan bumiputera terutamanya sebagai Dekan dan juga Profesor jika dibandingkan dengan universiti-universiti yang lain, saya kira universiti-universiti yang lain lebih baik kedudukannya daripada apa yang berlaku di Universiti Malaya. Yang saya kesalkan iaitu Profesor ataupun Dekan yang telah dilantik di Universiti Malaya yang ada sekerat itu, sekecil itu pun dikurangkan dan ini dibuang dan dipotong. Itu yang menjadi persoalan pokok bagi saya dan keadaan ini akan berlaku sekiranya tidak ada teguran, tidak ada penjelasan, tidak ada isu yang dibangkitkan. Saya bukanlah kata maksudnya untuk menekan, menindas yang lain.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, dia bangun dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengikuti perbincangan dan juga ucapan Yang Berhormat dari Marang dan pertanyaan beberapa orang Ahli Dewan kepada Yang Berhormat. Isunya ialah mengenai soal kakitangan Universiti Malaya, tetapi pada pandangan saya itu bukan isunya.

Isunya ialah Vice-Chancellor, tetapi oleh kerana facts accidental to the issue, dengan izin, sebab itu ditimbulkan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, saya kira fakta-fakta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi mungkin fakta-fakta yang diperolehi daripada kakitangan universiti ataupun daripada research yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang sendiri.

Persoalan saya ialah apabila berlaku kekurangan seperti itu di Universiti Malaya, kakitangan-kakitangan daripada orang-orang bumiputera, apakah rationalitynya, hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat, apakah kerana selama ini di bawah pimpinan baru Universiti kelihatan atau seemingly, dengan izin, kakitangan Melayu ataupun bumiputera di Universiti Malaya dinafikan. Misalnya, bagaimana kita mahu mempertingkatkan prestasi akademik di Universiti untuk melihat kepada kakitangan Universiti Malaya yang terdiri dari orang bumiputera, tetapi orang ini menafikan. Apakah kerana berlaku penafian itu maka sebabnya sekarang Yang Berhormat dari Marang bangun membela, bukan atas dasar soal chauvinistic atau soal perkauman, tetapi soal membela penafian yang dibuat selama ini oleh pihak Universiti. Jadi, saya kira Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak menyebut pun perkara ini. Kalau itulah rationalitynya maka tentulah kita memperbahaskan sesuatu berdasarkan kepada keadilan, bukan soal berdasar kepada perkauman sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: DAP tidak menerima penjelasan yang semacam itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskanlah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Maknanya saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sebut. Misal kata, di Fakulti Perubatan, Professor yang dikatakan diretirement, ditukarkan, tidak tahulah, saya beri contoh, Professor Anwar Zeni Mohd. Zain digantikan dengan Professor Teo Soon Teong. Kenapa tidak digantikan dengan Professor Melayu yang ada, yang layak. Antaranya, misal kata, Professor Khairuddin Mohd. Yussof, Professor Khairuddin ini—Tuan Yang di-Pertua hendak tahu—ialah bekas Timbalan Naib-Canselor dan bertaraf Professor. Selain daripada beliau, terdapat lagi pensyarah-pensyarah yang lain, misal kata, Professor Madya Rokiah Ismail, Professor Madya Amir Khir, Professor Madya Asmah Omar, Professor Madya Rubi Hussin, Professor Madya Syed Nuri, banyak lagi yang lain saya hendak sebutpun tidak larat, yang layak, boleh. Jadi, inilah yang saya persoalkan, yang saya kata menjadi satu perkara yang tidak adil. Begitu juga kalau saya sebut mengenai dengan Fakulti yang lain . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sekejap, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun. Hendak apa Yang Berhormat, hendak penjelasan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tumpang semangkuk sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Marang bahawasanya setiap perlantikan Dekan-dekan di Universiti ini mesti Vice-Chancellor merujuk kepada Menteri Pendidikan. Menteri Pendidikan mesti tahu mengenai dengan perlantikan-perlantikan ini. Seorang Menteri dia mesti tahu, sebab jawatan-jawatan ini jawatan kanan dan mengikut peraturan

pun seorang Menteri mesti tahu. Jadi, dalam hal ini, saya menganggap bahawasanya Vice-Chancellor Universiti Malaya sudah maklumkan kepada Menteri Pendidikan. Menteri Pendidikan tahu, sebab itu dia buat perlantikan. Jadi maknanya Menteri Pendidikan juga harus dipertanggungjawabkan—satu. Yang kedua, masalah Vice-Chancellor ini pula ialah masalah sikap seperti saya turut membahaskan tadi. Macam mana pandangan Yang Berhormat dari Marang, sebab tidak timbul soal hendak berdamai, soalnya tanggungjawab seorang Menteri dalam perkara yang berbangkit ini?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perlantikan Dekan, Vice-Chancellor perlu rujuk kepada Menteri Pendidikan. Beginilah jawapannya, kalau kita rujuk kepada *Hansard* . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Tanah Merah, sekejap. Kalau kita rujuk kepada *Hansard* tanggal 1hb Mac, 1989 . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, biar dia habis, selepas itu boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Menurut *Hansard* bertarikh 1hb Mac, 1990 ini, Menteri Pendidikan mengatakan perlantikan Dekan ini adalah ditentukan oleh Vice-Chancellor. Betulkah tidak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain—angkok belaka, betul. Jadi, bermakna tadi dalam soal ini saya kira Vice-Chancellor tidak merujuk ataupun tidak mengambil kira apa implikasi

perlantikan itu, saya pun tidak faham. Tetapi apa yang dia tanya, itulah jawapan yang tepat. Betulkah atau tidak Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan sekali lagi. Soal dari segi kuasa yang wujud sama ada dia mesti rujuk atau tidak kepada Menteri Pendidikan, itu satu hal. Tetapi seorang Menteri yang berkesan, berwibawa, dia mesti mengambil tahu, sama ada ada kuasa atau tidak ada sampai ke peringkat tukang sapu pun dia kena ambil tahu, boleh makankah, tidak boleh makankah, dia ada rumahkah, tidak ada rumahkah dan sebagainya. Apatah lagi dalam soal perlantikan Dekan sudah barang tentu seorang Menteri mesti tahu dan bertanggungjawab dan mempunyai kewajiban, kerana ini masalah besar. Jadi, ada dua perkara dalam bab ini, Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini terpulanglah kepada Menteri Pendidikan. Dalam pertanyaan sudah tentu ada jawapan.

Tuan Hashim bin Safin: Boleh minta penjelasan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pula.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat dari Marang yang telah bercakap agak panjang dalam isu ini. Pertama, apakah Yang Berhormat sedar bahawa isu ini berpunca daripada satu tokoh yang telah disebutkan dan perkara ini setelah mendapat maklumat mungkin dapat diperbetulkan? Kedua, apakah Yang

Berhormat sedar perkara ini sedang diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu, ada yang hendak tumpang semangkuk, dua mangkuk dan sebagainya dalam isu ini sehingga Yang Berhormat sendiri terperangkap? Ketiga, apakah Yang Berhormat bercakap ini sehingga pergi kepada perkembangan lain sehingga melahirkan satu pihak yang terfikir seolah-olah satu perkauman yang besar sedang berlaku dalam negara ini? Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat setakat mana Yang Berhormat mahu bercakap, apakah tidak boleh kita selesai secara baik, kalau pun ada kesalahan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya akui bahawa ianya berpunca daripada tindakan satu tokoh, sedang diambil kesempatan tumpang semangkuk, bukan semangkuk, Yang Berhormat dari Tanah Merah, ada dua mangkuk, tiga mangkuk, macam-macam mangkuklah. Tidak mengapa, baik mangkuk tumpang, mangkuk asal dan sebagainya. Yang penting bagi kita kepincangan dan juga yang tidak sempurna di Universiti Malaya itu perlu diperbetulkan. Sila, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Lanjutan . . . Ahli Yang Berhormat dari Tanjung hendak apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak ada apa-apa.

Tuan Zubir bin Embong: Fasal saya tengok Ketua Pembangkang bangun, sebab itu saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dan lanjutan daripada apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, dalam soal pentadbiran, apakah Yang Berhormat dari Marang bersetuju kalau saya katakan bahawa dia tidak mungkin akan dapat menjalankan, melaksanakan pentadbiran, kalau tidak ada delegation of powers ataupun perwakilan kuasa. Jadi, soal ini saya kira tentulah kuasa ini telah diwakilkan kepada Vice-Chancellor. Tentu dia tidak akan melibatkan Menteri. Kalau Menteri terpaksa kena, check sampai ke tukang sapu pun Menteri kena check, saya ingat Menteri tentulah tidak akan ada kerja lain yang dapat dilaksanakan atau dilakukan olehnya, fasal kena kerja macam itu sahaja, sudah tentu tidak akan berjalan sistem pendidikan di negara kita dan sudah tentu tidak akan dapat dilakukan reformasi sepertimana yang pernah dilakukan oleh Menteri Pendidikan sekarang. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Marang bersetuju, sebab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ini ialah pertanyaan yang memeringkapkan Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah, memang saya nampak ada jerat, tetapi saya pun bijak—kijang aslilah. Jadi, saya lihat memang benarlah delegation of power ini ataupun diwakilkan kuasa kepada Vice-Chancellor ini telah pun dilakukan. Sebab itulah daripada awal tadi saya sebut, malah daripada lhb sehingga saat ini, saya tidak menyalahkan Menteri Pendidikan. Yang saya persoalkan ialah tentang kuasa yang telah diberikan kepada Vice-Chancellor dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, tetapi dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu serta pengesyorannya iaitu apakah boleh diselesaikan secara damai, saya ada sebut. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap. Ahli dari Pasir Mas . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sudah sebut, sedikit lagi—nanti putus point. Tetapi kalau dengan saya secara damai tak ada masalah. Masa itu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak ada di sini, ini hendak damai, damai dengan siapa? Ini bukan soal kita bergaduh, bertelagah ataupun personality clash ataupun seumpamanya. Soalnya bagaimanakah soal yang berlaku di Universiti Malaya yang menjadi aduan, yang menjadi rungutan, yang menjadi tak puas hati itu dapat diselesaikan dan diterima oleh pihak sana. Kalau saya hendak berdamai tak ada masalah apa, boleh saya bercakap dengan Saudara Syed Hussein, bukan ada apa-apa, bukan saya ada berkelai apa-apa, berjumpa saya tegur, dengan DAP pun saya baik semua. Ini soal yang menyentuh, yang menyangkut tentang satu persoalan besar. Kalau dia kata hendak damai, ini bukan soal damai, ini soal polisi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak dapat penjelasan berkait dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Saya tidak pasang jerat, sebab dalam ilmu alam semulajadi ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak jerat orang pasang, kalau orang itu cerdik, dia tak masuk jerat. Dan saya percaya Ahli Parlimen dari Marang tak masuk jerat. Dikecuali kalau dia sendiri hendak masuk jerat, itu bab lain.

Soalnya soalan saya dari segi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan dari segi "delegation of power" iaitu menyerahkan tugas kepada pegawai-pegawai

di bawah kerana kalau tidak menteri-menteri ataupun pemimpin atas tidak ada masa hendak buat kerja lain. Takkanlah langsung tidak ada masa. Selepas mesyuarat Kabinet, setahu saya ada Post-Cabinet Meeting. Waktu Post-Cabinet Meeting selalunya orang-orang yang terlibat sentiasa dipanggil, ketua-ketua yang paling penting, yang tertinggi, takkan tidak ada consultation, takkan tak ditanya, takkan tak dirujuk, perlantikan seumpama ini? Itu saya tak boleh terima, kerana tak masuk akal.

Akhirnya, kalau inilah yang menjadi amalan, kalau pegawai atau kakitangan yang kerja di bawah buat baik, mereka tak dapat nama, yang dapat nama ialah pemimpin politik, Menteri-menteri. Kalau salah di bawah, pegawailah tanggung. Adakah itu yang menjadi konsep kepimpinan dan politik dalam negara sekarang? Sebab itu saya percaya dua-dua pihak ada tanggungjawab, kedua-dua pihak, consultation itu mesti ada. Dan sebagai seorang Menteri yang sensitif, sudah barang tentu—saya percaya Yang Berhormat dari Marang boleh memberikan penjelasan - iaitu sebagai Menteri yang sensitif, yang sentiasa peka dan peka yang bukan main bertanggungjawab tentulah dia mesti tahu perkara penting begini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu minta penjelasankah atau bersyarah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Bersyarah dan penjelasan semua sekali, semangkuk itu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya kadangkala . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, saya hendak tumpang semangkuk (*Ketawa*). Saya hendak tanya, berapa lama lagi?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Selama Tuan Yang di-Pertua beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri 3 minit, kita kena habiskan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tiga minit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta 2 minit—tiga campur dua, lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tiga campur satu—empat minit.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Empat minit, jalan tengah, terima kasih. Saya berterima kasih dan kagum di atas Ketua Pemuda Semangat 46 kerana sokong soal kita. Tetapi Ketua Semangat 46 Malaysia—kena ingat—bagaimana sikap rakan-rakan seperahunya—DAP—yang menentang apa yang telah saya bangkitkan, menimbulkan sebagai isu perkauman, disokong oleh Ketua Semangat 46 Malaysia, ditentang oleh kunci-kunci DAP.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa hal dengan Ketua Semangat 46?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: . . . bersaudara DAP . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tiba-tiba terpekik sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya pun takut . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: . . . fasal 46 bergabung dengan DAP, 46 joint-venture, 46 kahwin, 46 telah duduk atas pelamin, bersanding beriring-iringan tangan. Bangun Ahli

dari Jelutong, bangun Ahli dari Kepong . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tertib mesyuarat 36 (1). Teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1), saya tak buat lagi. Jadi, dengan keadaan ini saya juga merasakan bahawa Ketua Semangat 46 mungkin letak jawatan dan akan masuk UMNO. Ketua Pemuda 46 akan masuk UMNO fasal dia sudah meluat, sudah benci dengan cara DAP.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tengok itu Ahli dari Kota Melaka bangun hendak tentang Ahli dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasan, sebab statement ini serious, Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak pasang jerat, insya Allah saya tak masuk, don't worry, dengan izin.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Orang hendak beri istana pun tak mahu fasal sudah terjerat dan terpikat dengan DAP, (Democratic Action Party), "Dia ada porno". DAP itu "Dia ada porno" (*Ketawa*). Sampai Setiausaha Agung DAP pun ter-cengang, tak boleh buat apa lagi. Sampai Ahli dari Jelutong pun panik, Ahli dari Ipoh pun tak tahu hendak buat apa. Surrender semua, sudah out.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Semua tidak ada wibawa, lagak lebih, macam ini hendak berbahas dengan Perdana Menteri saya, dengan saya pun tak larat. Outlah, belahlah, sudahlah.

Peruntukan ini, saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nibong Tebal, saya beri 10 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, peluang Yang Berhormat itu sudah habis. Mana boleh bercakap dua kali, tadi dia sudah berdiri, bercakap dan sudah duduk, mana boleh cakap lagi kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta maaf, Yang Berhormat Nibong Tebal sila duduk.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan sedikit, tadi . . .

Tuan Lim Kit Siang: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal, ucapan sudah habis, saya ingat Yang Berhormat belum berucap. Sekarang tidak bolehlah. Yang Berhormat dari Tanjong saya beri peluang 10 minit, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berhasrat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini, tetapi apabila mendengar ucapan Yang Berhormat dari Marang, saya rasa perlulah bahawa beberapa perkara dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Marang pada hari ini dan beberapa hari yang lalu, sudah membangkitkan satu keadaan di seluruh negara bahawa satu isu

dimainkan oleh mereka yang berpeka dengan politik perkauman, yang mahu menggunakan politik perkauman. Kalau Yang Berhormat tidak faham, bahawa dalam beberapa hari ini oleh kerana isu ini, ramai rakyat Malaysia khususnya mereka yang bukan Melayu, merasakan bahawa mereka tidak ada tempat, tidak ada peranan dalam negara mereka; bahawa perlantikan dalam University of Malaya atas kecemerlangan itu satu perkara yang menjadi kesalahan besar, sehingga semacam satu jenayah.

Kita sekarang mahu masuk dalam dekad 1990an, kita mahu bersaing dengan negara-negara yang lain, mahu menjadi sebuah negara yang maju tetapi kalau kita mahu mencapai tujuan itu, kita mesti mendapat satu formula untuk 1990an di mana semua rakyat Malaysia tak kira kaum boleh menggunakan, mengembangkan kebolehan bakat mereka. MPEN ditubuhkan, kita dengar bahawa ada parti-parti dalam Barisan Nasional, MCA, GERAKAN yang kata mahu satu sistem merit dengan keperluan, (merit coupled with the needs), satu era yang lebih terbuka, yang boleh memupuk, yang boleh menggalakkan semua rakyat Malaysia memberi sumbangan terhadap pembinaan negara, kemajuan negara. Tetapi sekarang kita menghadapi satu masalah ini yang nampaknya diketengahankan dengan begitu emosi-emosi perkauman, semacam menjadi seorang bukan Melayu yang ada kebolehan menjadi Dekan satu kesalahan yang besar.

Adakah Yang Berhormat dari Marang bersimpati, faham . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan kepada orang-orang yang menunjuk . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak beri jalan, macam mana cakap . . .

Tuan Lim Kit Siang: . . . yang menunjuk, tadi sikap dia yang begitu biadap . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: . . . saya kalau suruh cakap saya beri jalan. Tetapi saudara tidak beri jalan, saudara tidak bertanggung-jawab apa yang saudara cakap. Saudara tidak peka dan juga tidak sensitif . . .

Tuan Lim Kit Siang:.....dan saya mahu tanya orang . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: . . . saya hendak beri penjelasan, saudara tidak mahu beri. Kenapa saudara tidak mahu beri jalan kepada saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: semacam gila, semacam orang gila! Tengok macam orang gila!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tarik balik perkataan itu—point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat! Yang Berhormat Marang . . .

Tuan Lim Kit Siang: Macam orang gila!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sangkaan jahat—36 (6), dia kata saya gila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat . . .

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak gila, duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak mahu duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tanjong. . .

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu duduk . . . (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Memang Tanjong lebih gila. 36 (6) . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, duduklah.

Tuan Zubir bin Embong: Ini ucapan gila, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Dan itulah mustahak . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat Tanjong terus berucap supaya jangan Yang Berhormat lain mengganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Dia memang mengganggu. Ini satu perkara yang serius.

Tuan Zubir bin Embong: Peraturan Mesyuarat. Point of order..

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order. Okay, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: You sit down!

Tuan Lim Kit Siang: You tidak boleh panggil saya to sit down! Panggil dia sit down dulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, apakah point of order?

Tuan Zubir bin Embong: Di dalam ucapan Yang Berhormat dari Tanjong . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order. Mana satu? Ini ada injury time, tentu!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Dalam ucapan Yang Berhormat daripada Tanjong sebentar tadi . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, point of order yang berapa tadi?

Tuan Zubir bin Embong: 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud]: 36 (6), okay.

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak cakap lembut ini. Di dalam ucapan Yang Berhormat dari Tanjong sebentar tadi menyebut perkataan “gila” kepada Yang Berhormat dari Marang. Ucapan seperti ini ialah satu ucapan yang tidak boleh diterima dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua supaya Yang Berhormat dari Tanjong yang juga menjadi Ketua

Pembangkok menarik balik, bersopan-santun menggunakan perkataan. Kerana “gila” ini, kalau orang gila macam mana boleh jadi Ahli Dewan? Tarik balik. Takut, tidak tahulah kalau puak-puak DAP itu gila— itu saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong, saya hendak tanya, adakah sebut yang Ahli Yang Berhormat Marang itu “gila”?

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata dia bertindak semacam seorang gila— “semacam seorang gila” (*Ketawa*). Kalau dia orang gila, tidak boleh duduk sini, mesti pergi ke Tanjong Rambutan! (*Ketawa*). Tetapi jangan bertindak sebagai seorang gila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: I am not joking. Saya bukan berlakun.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, duduk dua-dua!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, duduk dulu! Yang Berhormat dari Tanjong, kalau kita sebut orang itu sebagai orang gila, anggapan itu salah. Saya minta tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Dia mahu bertindak sebagai gila, saya tidak boleh kata dia begitu, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Terima kasih, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini satu perkara yang serius. Ini bukan satu perkara mengenai seorang tokoh di Universiti Malaya tetapi mengenai apa bentuk masyarakat Malaysia yang kita mahu di dalam dekad 1990an. Ini satu acid test sebenarnya. Tidak sampai Laporan MPEN habis, tidak sampai satu dasar untuk 1990an dirumuskan, kita sekarang ada satu acid test dalam perkara ini, acid test mengenai sama ada dalam 1990an kita akan lebih terbuka, lebih liberal, lebih bertanggungjawab dalam dasar kita, sama ada sekurang-kurangnya konsep merit dan keperluan atau merit coupled with the needs akan dapat perhatian tempat dalam pertimbangan Kerajaan.

Kalau dalam kes ini, kes perlantikan empat orang Dekan sahaja dijadikan isu yang begitu besar, tutuplah MPEN. Sebab itu Menteri-menteri MCA dan Gerakan pergi ke Kabinet, ini acid test! Kalau acid test tidak boleh lulus, lupakanlah, apa mahu cakap dalam MPEN?

Saya harap bahawa ahli-ahli semua faham, bukan untuk parti politik tetapi dalam dekad 1990an, adakah kita mahu lebih faham mengenai aspirasi hasrat semua rakyat Malaysia untuk memberi sumbangan kepada pembinaan negara, "Janganlah 100% tidak berhenti menggunakan isu-isu perkauman, membakar isu-isu perkauman"—saya tidak faham. Sebenarnya isu ini bukan seorang tokoh Universiti Malaya. Isu ini isu Menteri Pendidikan!

Saya boleh ingat lagi bahawa apabila perkara disebut kali yang pertama, jawapan diberi oleh tokoh Vice-Chancellor, Universiti Malaya kali yang pertama, beliau takut, dia tidak mahu jawab, tetapi selepas itu dibakar-bakar, di api-apikan oleh segolongan dalam UMNO. UMNO's power struggle apa yang kita lihat sekarang, yang mahu menjatuhkan Menteri Pendidikan dalam UMNO, yang berpakat dengan Yang Berhormat

Batu Berendam dan lain-lain. Itulah sasaran, bukan Professor Syed Hussein Alatas. Sasarannya ialah Menteri Pendidikan. Inilah perebutan kuasa dalam UMNO, grand design, komplot! Tetapi jangan menggadaikan masa depan negara. Jangan menggadaikan satu dasar yang patut kita amalkan bahawa ada merit, ada need, ada kecemerlangan dan bukan perkauman semata-mata. Inilah acid test. Sebab itu semua rakyat di seluruh negara ikut perkara ini, kes ini.

Yang Berhormat Marang kata mana ada perkara untuk selesai, mendamaikan. Itu bukan perkara Yang Berhormat Marang. Ini perkara semua rakyat Malaysia mahu tengok bahawa semasa kita masuk ke 1990an, mereka rakyat Malaysia ada bakat, ada kebolehan mereka tidak boleh maju, boleh memainkan tugas dan tanggungjawab yang mereka berhak, menikmati oleh kerana mereka rakyat Malaysia.

Saya harap bahawa Kabinet akan mengadakan satu pendirian yang betul dan benar. Dan saya kata ini acid test. Kalau Barisan Nasional tidak boleh pass acid test ini, ini menunjukkan untuk 1990an semua . . .

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Point of order—36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Benut dulu.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, point of order—67 (5). Saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang dibahaskan ini sesuai dengan tajuk?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak sesuai tetapi oleh kerana berbangkit daripada Yang Berhormat dari Marang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, keputusan telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dulu ke atas perkara yang sama, yang saya bangkitkan dan keputusan pun dibuat . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat siapa suruh bercakap? Saya tidak panggil bercakap (*Ketawa*). Sungai Benut, apa benda tadi?

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: 67 (5).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat itu telah menyeleweng sedikit bercakap bukan atas dasar-dasar Kerajaan. Saya rasa masa pun sudah habis. Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Belum, injury time dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Injury time dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Injury time. Tadi ada gangguan, halangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya beri injury time satu minit, sebab sudah lebih daripada 10 minit, sudah dekat 15 minit. Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya harap bahawa Kerajaan menghormati perlantikan itu dan janganlah

menyelewengkan daripada apa yang patut dijalankan. Oleh kerana rakyat jelata tengok kes ini. Kes ini satu acid test, satu kes yang mustahak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Timbalan Menteri, sila jawab.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah habis masa, kita ada satu hari sahaja, Yang Berhormat.

6.09 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kota Setar, Seremban, Marang dan juga Tanjong yang akhir sekali kerana telah turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang mencadangkan supaya memasukkan computer science ke dalam kurikulum KBSR dan KBSM.

Sebenarnya pada masa kini pendidikan komputer telah diadakan di beberapa buah sekolah menengah sebagai rancangan percubaan. Pendidikan Komputer akan diadakan di semua sekolah-sekolah menengah secara peringkat demi peringkat. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sedang menggalakkan

semua sekolah rendah dan menengah menjalankan kegiatan dalam bidang ini melalui aktiviti ko-kurikulum seperti Kelab Komputer.

Yang Berhormat dari Seremban juga telah membangkitkan masalah pendidikan Agama Islam tidak wajar dipaksakan kepada penuntut-penuntut bukan Islam di sekolah-sekolah dan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Kementerian Pendidikan tidak pernah memaksa murid-murid bukan Islam mempelajari Pendidikan Islam. Hal mempelajari agama terpulang kepada ibubapa mereka. Pelajar-pelajar Islam adalah diwajibkan mengikuti kelas Pendidikan Islam bagi mempelajari dan menanamkan sifat-sifat murni di kalangan mereka.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada satu perkara Tamaddun Islam diwajibkan untuk pelajar-pelajar universiti tempatan. Kedua, mengapakah pelajar-pelajar bukan Islam tidak dibenarkan mempelajari perkara-perkara mengenai agama mereka sendiri?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu adalah berkaitan dengan dasar dan tidak ditimbulkan tadi, maka saya tidak perlu menjawab soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan juga masalah deraf Akta Pendidikan Baru yang diedarkan kepada para ibubapa dan pendidik. Saya percaya perkara ini telah dijawab oleh Menteri Pendidikan sendiri sewaktu soal-jawab mulut beberapa hari yang lalu. Saya tidak perlu untuk

menambah lagi kepada fakta yang telah diberikan oleh Menteri Pendidikan dalam Sidang Dewan pada kali ini.

Ahli dari Seremban juga membangkitkan berkenaan dengan urusan Pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi amalan kepada Suruhanjaya Pilihanraya hanya menjalankan publisiti pendaftaran pada masa tempoh pendaftaran itu dijalankan. Publisiti awal tidak diberikan sebelum tempoh pendaftaran hendak diadakan kerana jangka masa tersebut tidak memberi kesan bagi menarik orang ramai bagi mendaftarkan diri mereka sebagai pemilih. Kebanyakan orang ramai hanya mendaftar di saat-saat akhir dan di dalam tempoh pendaftaran berlangsung. Oleh itu publisiti semasa pendaftaran adalah amat berkesan dan tempoh pendaftaran ini bukanlah satu hari tetapi meliputi beberapa minggu seperti sekarang ini melebihi 27 hari.

Berkenaan dengan penjualan Daftar Pemilih, bukan menjadi amalan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjual Daftar Pemilih kepada orang ramai yang menghendaki pada setiap masa. Daftar Pemilih hanya dijual pada masa hampir menjelang pilihanraya. Namun demikian, bagi orang ramai yang ingin membeli Daftar Pemilih bukan dalam tempoh tersebut, mereka perlu mememesannya dahulu dan tempoh masa untuk mendapatkannya adalah bergantung kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk memenuhinya, bergantung antara lain, kepada faktor sama ada naskah Daftar itu ada atau tidak untuk dibekalkan.

Ahli dari Kota Setar membangkitkan masalah pembelian alat-alat ganti yang tidak sesuai dengan alat-alat pesawat TUDM. Soal pembelian alat-alat ganti pesawat TUDM yang tidak sesuai tidak perlu diragukan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian

Pertahanan mengambil langkah-langkah terkawal untuk memastikan alat-alat ganti yang dibeli adalah tulin dan sesuai untuk kegunaan pesawat TUDM. Kontrak untuk alat-alat ganti ditandatangani oleh Kerajaan dengan syarikat-syarikat ataupun pembekal yang ternama di luar negeri. Pembekal alat-alat ganti yang dibuat oleh pembekal diiringi oleh Certificate of Confirmity bagi membuktikan ketulinan alat-alat ganti yang dibekalkan. Terdapat seksyen Aeronautical Inspection Service di pusat material yang bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan ke atas alat-alat ganti yang diterima bagi mengesahkan alat-alat ganti yang dibekalkan benar-benar mengikut spesifikasi dan ianya adalah tulin sebelum dikeluarkan dan dipasang ke pesawat.

Selain daripada itu, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga telahpun ada dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1987 yang mana perkara itu sedang dalam penelitian oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan, setelah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara menelitinya. Oleh itu kita perlulah menunggu hasil penelitian oleh Jawatankuasa Kabinet yang berkenaan. Jika terdapat sebarang penyelewengan yang telah dilakukan dan jika benar-benar dapat dibuktikan selepas penyiasatan tersebut, tindakan akan diambil kepada mereka yang terdapat melakukan kesilapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula sekarang ini menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Pasir Mas dan juga dari Tanjong iaitu berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan perlantikan Professor dan sebagainya di Universiti Malaya. Perkara ini telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pendidikan semasa ucapan menggulung di atas Titah Ucapan Di Raja pada 7.3.90. Saya tidak berhajat untuk menambah

lagi apa-apa jawapan yang telah diberikan.

Selain daripada itu, mungkin kebanyakan ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersangkutan dengan perkara-perkara ini adalah untuk makluman dan saya percaya Kementerian-kementerian dan mereka yang terlibat telah mengambil ingatan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mula-mula berucap ada membangkitkan masalah mengapa perlu peruntukan sebanyak \$40 juta bagi Universiti Utara Malaysia (UUM). Sebenarnya, peruntukan \$40 juta ini diperlukan untuk bayaran kemajuan pelaksanaan pembinaan kampus tetapnya di Sintok, Kedah. Peruntukan asal UUM pada tahun 1989 ialah sebanyak \$100.8 dan peruntukan adalah tidak mencukupi dan perlu kepada peruntukan tambahan sebanyak \$40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat saya ulas dan memberikan penjelasan. Perkara-perkara lain yang tidak sempat saya ulas kerana perkara ini menyentuh dasar dan umum, saya percaya Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan telah mengambil maklum.

Walau bagaimanapun, jika Ahli-ahli Yang Berhormat berhajat untuk mendapat keterangan lanjut, bolehlah perkara-perkara itu dibangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan-wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$313,781,200 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$313,781,200 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan keduabelas penyata tersebut.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya

mohon mencadangkan supaya wang tidak lebih daripada \$246,315,679 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan ketiga 1989 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.3 hingga B.5, B.7, B.13, B.17, B.20, B.21, B.24, B.25 hingga B.27, B.30, B.32, B.34 dan B.53 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$313,781,200 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 3), 1989 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.17 hingga P.19, P.22, P.26, P.28, P.42, P.45 dan P.47 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1990 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1989 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1989. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1(A) Tahun 1990 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1989 dan Kertas Perintah 2(A) Tahun 1990 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1989. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.1, B.3, B.4, B.5. dan B.7 (Jadual)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1989).

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Bekalan B.1, B.3, B.4, B.5, B.7 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Kepong.

6.24 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Kepala B.7, Tuan Pengerusi, penambahan peruntukan sejumlah \$16,244,759 pada kali ketiga, 1990 merupakan jumlah perbelanjaan yang besar dalam Jabatan Perdana Menteri.

Keadaan ini adalah bertentangan dengan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa merasmikan Persidangan Parlimen, Penggal Ke-7 pada 26 Februari 1990 bahawa adalah mustahak kita meneruskan dasar berjimat cermat dalam perbelanjaan untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara.

Tuan Pengerusi, berdasarkan peruntukan sejumlah \$3,661,200 adalah dikehendaki untuk perbelanjaan membeli kain linen dan barang-barang hidangan perak bagi Pertabalan Kebawah Duli. Keadaan ini jelas menunjukkan kehidupan yang mewah walaupun saya setuju kita hendak memberi layanan yang baik setaraf dengan apa yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan di sini keperluan bagi pihak Kerajaan untuk menunjukkan sikap berjimat cermat yang dilaung-laungkan beberapa tahun ini untuk memastikan pembangunan yang ada sekarang dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Tuan Pengerusi, B.7—Tambahan Peruntukan secara langsung sebanyak \$3,230,010 diberi kepada Operasi Perbadanan di Semenanjung Malaysia dan \$10 sebagai tanda bagi operasi di

Sarawak. Peruntukan ini adalah dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada Oktober 1989. Wang dikatakan bagi membiayai projek-projek pembangunan perbadanan. Kami ingin tahu sama ada ia termasuk juga projek khas bagi Tahun Melawat Malaysia atau perluasan pasaran kraftangan ke luar negeri khususnya ke Eropah menerusi ejen Malaysia Mining Corporation di London atau perbelanjaan bagi pertandingan Krafneka 1990 yang berlangsung selama dua hari pada akhir Disember tahun yang lepas.

PKKM menerusi syarikat pemasaran KARYANEKA dilaporkan akan menumpukan perhatian terhadap pasaran tempatan dalam tahun 1990. Berapakah daripada projek-projek pembangunan yang telah dirancang serta sedang dilaksanakan oleh KARYANEKA ke arah memperluaskan pasaran tempatan sempena Tahun Melawat Malaysia 1990.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, kami ingin tahu mengapa Malaysia Mining Corporation yang pada dasarnya ialah sebuah syarikat yang terlibat dalam perlombongan ini termasuk dalam urusniaga syarikat tersebut di London iaitu London Tin Malaysia Berhad yang tidak aktif dan London Tin Corporation Limited yang dimansuhkan pada tahun 1986 dipilih untuk menjadi ejen KARYANEKA. Sangat anih, kerana satu syarikat yang tidak kena mengena dengan kraftangan dan sebagainya. Apakah kelebihan-kelebihan khasnya daripada segi pengalaman pemasaran kraftangan yang boleh ditawarkan oleh MMC daripada badan-badan berkanun atau swasta yang lain? Adakah ini bermakna bahawa dengan penglibatan MMC sebagai ejen KARYANEKA di London maka syarikat tersebut kini telah mempelbagaikan kepentingan ke dalam bidang kraftangan? Sejak bilakah MMC mula menceburkan diri dalam bidang ini? Bagaimanakah MMC

akan memasarkan keunikan barangan kraftangan Malaysia di pasaran Eropah?

Tuan Pengerusi, di samping itu laporan lain mengenai KARYANEKA, syarikat pemasaran PKKM pada 11 Disember 1989 mengumumkan bahawa syarikat pembekal kain samping songket yang sekian lama ini memonopolikan kraftangan tersebut telah ditamatkan kontraknya. Salah seorang Ahli Lembaga Pengarah KARYANEKA mempunyai kepentingan dalam syarikat pembekal kain samping songket ini. Ahli-ahli Lembaga diarah untuk menggugurkan kepentingan mereka daripada pembekal-pembekal kraftangan supaya konflik kepentingan tidak wujud. Dalam hal ini berapa orang Ahli Lembagakah yang mempunyai

kepentingan dalam syarikat pembekal kraftangan? KARYANEKA melaporkan bahawa ia mempunyai lebih daripada 300 orang pembekal semasa pengumuman 11 Disember 1989 dibuat.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, boleh sambung esok. Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.